

## فتيٰقن تيتاه

### PETIKAN TITAH

"BETA sangatlah berharap agar umat Islam yang berkemampuan akan dapat mematuhi peraturan dan hukum mengeluarkan zakat, sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta, di samping yang berkenaan mentadbirkan zakat pula akan menyempurnakan pengagihan zakat itu dengan sebaik-baiknya, sehingga golongan yang menerima zakat itu benar-benar terbela dengan bahagian-bahagian zakat yang mereka terima." - Titah Sempena Menyambut Hari Raya Aidilfitri pada 9 Februari 1997.

# Pelita قريتا بروني

## BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat



## مانيسن ايمان

### MANISNYA IMAN

"SESUNGGHNYA orang-orang yang beriman, mengerjakan amal soleh, mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhustiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka beresah hati." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 277.

TAHUN 51 BILANGAN 42

RABU 18 OKTOBER 2006/1427 رابو 25 رمضان

DITERBITKAN PADA SETIAP HARI RABU

PERCUMA

## ISTANA NURUL IMAN DIBUKA SELAMA TIGA HARI

MENJUNJUNG titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Grand Chamberlain mengumumkan bahawa sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1427 Hijrah, Istana Nurul Iman akan dibuka selama tiga hari mulai dari Hari Raya Kedua dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang bagi membolehkan orang ramai mengadap dan menjunjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

## HARI RAYA AIDILFITRI DITENTUKAN 22 OKTOBER

HAKIM-HAKIM Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Perdana Menteri serta beberapa pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama pegawai-pegawai Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam akan melakukan penglihatan anak bulan Syawal 1427 Hijrah pada petang hari Ahad, 29 Ramadan 1427 bersamaan 22 Oktober 2006 bertempat di Bukit Shahbandar, Jerudong bagi Daerah Brunei dan Muara, Bukit Ambok dan Padang Tembak Bukit Agok bagi Daerah Tutong serta Bukit Lumut berseberangan dengan BLNG bagi Daerah Belait.

Oleh itu orang ramai diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan putera-putera baginda berkenan menerima junjung ziarah para jemaah di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop sejurus selesai menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan Sembahyang Sunat Tarawih. - Foto: Masri Osman.

## Kebawah DYMM Sembahyang Tarawih bersama rakyat

BERAKAS, Sabtu, 14 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai umat Islam menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Ber-

Oleh : Masri Osman

jemaah dan Sembahyang Sunat Tarawih di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop, Jalan Muara.

Turut berangkat bersama baginda ialah Duli Yang Teramat Mulia Pa-

duka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah dan Sem-

bahyang Sunat Tarawih telah diimamkan oleh imam masjid tersebut Imam Haji Muslim bin Haji Abd. Razak.

Sebelum keberangkatan balik, baginda dan kerabat diraja telah menerima junjung ziarah dari jemaah-jemaah yang hadir.

## BAYARAN PENCEN TUA LEBIH \$3.3 JUTA

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Oktober. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membe-

Oleh : Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
fatimah.noor@information.gov.bn

lanjakan lebih \$3.3 juta bagi pencen tua.

Statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat

(JAPEM) menjelaskan, wang pencen tua itu diberikan kepada 16,442 orang warga tua di seluruh negara pada bulan September 2006.

Sementara itu bagi pembayaran bulan Oktober akan meningkat sejumlah lebih \$4,131,925.00 berikutan dengan pengumuman Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam mengenai kadar kenaikan pencen tua yang berkuat kuasa mulai 1 Oktober.

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen Negara, Awang Jahali bin Suhaili, dari jumlah tersebut lebih \$2.4 juta akan dibahagikan kepada penerima-penerima pencen tua Daerah Brunei dan Muara, dan \$659,900.00 pula bagi Daerah Tutong. Sementara itu sejumlah \$903,725.00 bagi Daerah Belait dan \$165,975.00 dibelanjakan bagi penerima-penerima Daerah Temburong.

Berikutan dengan kenaikan pencen tua dan hilang keupayaan yang telah diumumkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Ne-

gara Brunei Darussalam semasa Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1427 bersamaan 9 Oktober 2006, Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Surat Keliling mengenai kadar-kadar kenaikan tersebut.

Dalam kenyataan Surat Keliling yang dikeluarkan berbunyi: "Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dimaklumkan bahawa kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Penggagal 18) adalah dengan ini dinaikkan kepada satu kadar baru.

## Zakat pembersih diri, bantu fakir miskin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 14 Oktober. - Ibadat zakat mempunyai hikmah dan falsafah tersendiri antaranya sebagai pembersih diri dari sebarang kecacatan selain menutup kekurangan yang dilakukan semasa menjalankan ibadat puasa.

Selain dari itu ia juga dapat memupuk silaturahmi dan perasaan kasih sayang terutama dalam membantu meringankan bebanan fakir miskin yang tergolong dalam lapisan asnaf yang ditentukan.

Suasana 10 hari terakhir Ramadan semakin rancak disemarakkan dengan kegiatan keagamaan termasuk membayar zakat fitrah, Rukun Islam keempat diwajibkan ke atas umat Islam yang cukup syarat.

Oleh : Sahari Akim  
sahari.akim@information.gov.bn

Zakat fitrah diwajibkan ke atas setiap orang Islam yang merdeka yang mempunyai harta lebih dari keperluan perbelanjaan untuk diri dan orang yang di bawah tanggungannya pada Hari Raya dan malamnya.

Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) menetapkan kadar zakat fitrah sebanyak 2 kilo 268 gram atau nilai wang \$1.93 (beras Siam) dan \$2.84 bagi beras wangi.

Lihat muka 16

Lihat muka 16

## SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

PENGARAH, para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri serta Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan semua umat Islam.

## ANTARA YANG MENARIK

Hasrat Negara: Kebajikan ubat segala kejahatan - Muka 2

Bekalan daging, telur sempena hari lebaran mencukupi - Muka 3

Cahaya Al-Qur'an hanya runduk dari hati yang bersih dan luhur - Muka 8 & 9

Kan Halnya: Puasa untuk makan atau makan untuk puasa? - Muka 10

Seruan Suci: Lailatulqadar berlaku pada sepuluh malam terakhir Ramadan - Muka 4 ANEKA

## TAHUKAH AWDA

SKIM Pembayaran Pencen Umur Tua dan Orang-orang Cacat telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 1955, sebagaimana yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan yang ke-28 bagi Negara Brunei Darussalam, supaya skim ini dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Pertama. - Sumber Laman Web Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan www.kkbs.gov.bn.



18 OKTOBER 2006 BERSAMAAN 1427 رمضان 25

### SEMUA PIHAK LAHIRKAN RASA SYUKUR

PENGUMUMAN kenaikan kadar pencen umur tua dan mereka yang hilang keupayaan mendapat sambutan yang amat mengembirakan dari semua pihak khususnya warga tua dan mereka yang hilang keupayaan. Rata-rata mereka melahirkan rasa syukur dan terima kasih di atas kenaikan itu yang pembayarannya akan bermula pada 1 Oktober 2006. Kadar kenaikan baru itu adalah di antara \$113.00 kepada \$250.00.

Dengan pengumuman itu, ianya merupakan kenaikan kesembilan sejak diadakan 51 tahun yang lalu. Pembayaran pertama pada 1 Januari 1955 dan kali terakhir kenaikan pembayaran skim ini pada 1 Julai 1998.

Semua itu menggambarkan betapa kasih, pemedulian dan keprihatinan raja kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengalinga akan kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini.

Pada 15 Julai yang lalu, baginda juga telah memperkenankan bagi kenaikan mata gaji khas kepada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan dalam Perkhidmatan Awam dari Bahagian II hingga V termasuk mereka yang bergaji hari dengan kadar kenaikan di antara \$180.00 hingga \$240.00.

Sebagai rentetan sejarah negara, Skim Pembayaran Pencen Tua dan Orang-orang Cacat telah dirintis dan merupakan usaha gigih paduka ayahanda baginda, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin, Sultan Brunei Ke-28 yang telah berkuat kuasa pada 1 Januari 1955. Usaha murni terus dijalankan hingga masa kini oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Skim ini dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Pertama. Tujuan utama skim ini ialah bagi memastikan golongan demikian mendapat pemedulian, di samping sebagai pengiktirafan dan penghargaan yang telah pernah diberikan oleh warga tua dalam memajukan negara ini khususnya di bidang ekonomi.

Ternyata golongan warga tua adalah pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada. Malah jauh dari itu, mereka menyumbangkan jasa yang amat berharga dan besar kepada negara. Pengorbanan yang mereka curahkan dalam memajukan bumi Darussalam yang tercinta ini amatlah besar artinya terhadap pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam seperti yang kita nikmati sekarang ini.

Ini juga bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan baru-baru ini. Antara lain baginda menekankan, "Negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, malah sebaliknya, menjadi sumber berkat kepada kemantapan lagi kemakmuran negara."

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/2006 bertarikh 11 Oktober 2006, kadar baru pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan (Penggala 18) itu adalah seperti berikut: Umur Tua \$250.00, Buta, Kusta dan Orang Tidak Siuman \$250 berserta Tanggungan umur 15 tahun ke atas dan ke bawah sejumlah \$113.00, 15 tahun ke atas \$188.00, Penyakit Hansen \$250.00 dan Cacat \$250.00.

Statistik Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan meringkaskan jumlah perbelanjaan yang akan dibayar bagi bulan Oktober ini ialah \$4,390,925.00 iaitu sejumlah \$4,131,925.00 bagi pembayaran pencen tua, \$45,867.00 pencen buta serta tanggungan, \$123,633.00 elaun gila serta tanggungan dan \$89,500.00 bagi pencen tidak berdaya anggota.

Sementara itu jumlah penerima bagi pencen tua ialah seramai 16,462 orang, 142 orang bagi pencen buta serta tanggungan, 407 orang bagi elaun gila dan tanggungan dan 345 orang bagi pencen tidak berdaya upaya.

Dari jumlah perbelanjaan itu, cukup menjelaskan betapa kerajaan sangat-sangat mengambil berat akan kebajikan dan kesejahteraan golongan demikian. Ini juga menggambarkan golongan berkenaan sentiasa mendapat pembelaan daripada pihak kerajaan.

Sesungguhnya, kita amat beruntung mempunyai seorang raja yang sentiasa memedulikan akan kebajikan dan kesejahteraan rakyatnya untuk sama-sama menikmati taraf kehidupan yang lebih baik.

Negara tetap terus mengenang mereka. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara.

## HASRAT NEGARA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Aalaameen, Wabihee Nas-ta'eenu 'Alaa Umuuridunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaalaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Beta bersyukur kerana dapat hadir di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an ini. Al-Qur'an adalah wahyu Allah yang mengandungi pelbagai pengajaran dan ilmu.

Al-Qur'an sangat memandang tinggi kepada orang-orang yang berilmu. Nabi Adam 'Alaihissalam dikurniakan oleh Allah dengan pelbagai ilmu, sehingga menjadikannya dihormati oleh para Malaikat dengan izin Allah. Kemudian baginda juga telah diberikan tugas selaku khalifah di muka bumi.

Ini adalah kehebatan ilmu.

Sebagaimana Nabi Adam 'Alaihissalam memiliki ilmu, maka keturunan Baginda juga adalah semestinya begitu. Anak-anak kita orang Islam, lebih-lebih lagi perlu berilmu. Kerana hanya dengan ilmu sahaja, kehidupan besar dan maju, baru akan menyerlah.

Umat yang kurang ilmu adalah umat yang layu.

Jadi menyedari kepentingan ilmu ini, kerajaan beta telah pun menyediakan pelbagai kemudahan dan galakan. Janganlah disiasikan kemudahan-kemudahan itu.

Capailah kejayaan sehingga ke tahap yang tertinggi-tingginya. Pilihlah jurusan yang sesuai dengan bakat dan kebolehan. Tingkatkan kualiti dengan banyak berlatih dan beramal.

Kita semua tahu, Al-Qur'an adalah wahyu Allah.

# KEBAJIKAN UBAT SEGALA KEJAHATAN

Ia menerangi segalanya. Sesiapa jua yang membaca, yang menghafal atau yang beramal dengannya akan mendapat cahayanya.

Cahaya Al-Qur'an sama sekali tidak sama dengan cahaya lain-lain cahaya. Cahaya Al-Qur'an hanya akan runduk di hati yang bersih dan di jiwa yang luhur. Kerana itu umat Islam perlulah memiliki hati yang bersih dan jiwa yang luhur.

Sehubungan dengan para peserta Peraduan Manghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan, mereka itu pada khususnya adalah lebih utama untuk menghayati prinsip bersih dan luhur ini, kerana hafalan yang mantap dan rakat adalah banyak bergantung kepada faktor bersih dari segi syarak. Termasuklah makan minum yang bersih yakni halal.

Lebih jauh lagi mengenai kebersihan ini, ialah 'niat yang bersih' atau yang baik. Ia adalah mahkota segala pekerjaan.

Kerana itu, kita usahlah terlibat dengan sebarang 'niat buruk' terhadap sesiapa jua, walaupun orang lain ada berniat tidak baik kepada kita.

Agama kita yang suci telah menyuruh membalas kejahatan dengan kebajikan, dengan harapan, kebajikan itu dapat mengubati kejahatan.

Apabila kita berpegang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1427 Hijrah pada hari Isnin 17 Ramadan 1427/9 Oktober 2006 bertempat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

kuat kepada prinsip kebajikan ini, insya-Allah, kita akan dikasihi oleh Allah, sebagaimana ditegaskan-Nya dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 13, tafsirnya: "Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berusaha membuat kebajikan."

Kita di Brunei, sudah pun nampak kasih sayang

Allah itu melimpah-ruah. Kita telah menikmati semanjak sekian lama lagi berupa keamanan, keselamatan dan kemakmuran.

Semua ini adalah berkat kebajikan yang terbit daripada niat baik semua peringkat, terutama di kalangan orang tua-tua kita yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebaji-

kan yang ada.

Mereka itu dikenang, dan akan terus dikenang. Kerana di antara sekian ramai warga tua itu, tentu sahaja terdapat sekian ramai pula mereka yang berjasa kepada negara.

Oleh itu, sebagai mengenang jasa ini serta juga sebagai tanda, yang kita tidak pernah melupakan mereka, maka satu skim pencen telah diperkenalkan sejak sekian lama, yang diberi nama 'Pencen Tua'.

Negara tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, malah sebaliknya, menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara.

Maka kerana ini, sebagai tanda bersyukur kita dan negara, beta dengan sukacita mengumumkan kenaikan bagi kadar-kadar pencen umur tua dan elaun-elaun yang dibayar di bawah Akta Pencen Tua dan Hilang Keupayaan. Kenaikan ini berkuat kuasa mulai pada 1 hari-bulan Oktober 2006.

Butir-butir mengenai-nya akan dimaklumkan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri yang akan dikeluarkan tidak berapa lama lagi.

Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Persefahaman erat Brunei - Sepanyol sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 12 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiyah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I, Raja Sepanyol dan kepada Tuan Yang Terutama Jose Luis Rodriguez Zapatero, Perdana Menteri Sepanyol bersempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan Sepanyol.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira dan berpuas hati di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sepanyol. Baginda berharap semoga keadaan sedemikian akan berkekalan

dan diperluaskan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda berharap semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos I sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Sepanyol akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu, di dalam perutusan kepada Tuan Yang Terutama Jose Luis Rodriguez Zapatero, Perdana Menteri Sepanyol, baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Sepanyol sempena dengan ulang tahun Hari Kebangsaan Sepanyol.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan per-

sefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Sepanyol. Baginda seterusnya percaya semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan diperluaskan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda berharap semoga Tuan Yang Terutama Jose Luis Rodriguez Zapatero, Perdana Menteri Sepanyol akan sentiasa menikmati kemakmuran dan sejahtera yang berterusan.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himamah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan juga menghantar perutusan yang sama kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

Sepanyol, Tuan Yang Terutama Miguel Angel Moratinos.

Dalam perutusan itu DYTm dengan rasa sukacita menyampaikan penghormatan yang tinggi kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Raja Juan Carlos berserta kerabat dan juga Tuan Yang Terutama

serta kerajaan dan rakyat Sepanyol.

DYTm amat meng-hargai hubungan persahabatan yang mesra di antara kedua-dua buah negara dan berharap agar peluang mengembangkan hubungan yang bermakna itu dapat diteruskan di masa hadapan.

### Pemangku Pegawai Daerah Temburong yang baru

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 30 September. - Jabatan Perkhidmatan Awam dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan Awang Haji Mohammad Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abd. Salam, Pegawai Pentadbir Kanan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk dilantik sebagai Pemangku Pegawai Daerah Temburong.

Tarikh peralantikan beliau bermula pada hari Isnin, 9 Ramadan 1427 bersamaan 2 Oktober 2006.

**W**ARGA tua di negara ini menyembahkan syukur dan terima kasih mereka ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas pengurniaan pemberian kenaikan pencen tua dan hilang upaya yang diumumkan oleh baginda semasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1427 Hijrah.

Pengurniaan pemberian yang tinggi nilainya ini adalah sebagai menghargai sumbangan warga tua yang menjadi pengasas kepada kebajikan-kebajikan yang ada, di samping mengenang jasa dan bakti mereka kepada negara.

Selain daripada kenaikan gaji ini, kita patut bersyukur juga atas pengurniaan baginda kepada warga Perkhidmatan Awam baru-baru ini, di samping memberikan subsidi ke atas minyak dan kenderaan, beras, gula serta pendidikan dan perubatan yang percuma kepada rakyat yang kerajaan baginda masih sahaja mampu mengendalikannya tanpa payah mengenakan tambahan bebanan kepada rakyat.

"Oleh yang demikian marilah kita tanamkan rasa bersyukur dengan adanya pemerintahan



"RAHMAT dari Allah." Pengiran Minah binti Pengiran Haji Hitam.

yang bijaksana, adil dan saksama berteraskan ajaran Islam sebenar," demikian rasa syukur yang diluahkan oleh beberapa warga tua yang ditemui selepas pengumuman tersebut.

"Hamba-hamba Kebawah Duli Tuan Patik, menyembahkan syukur dan rasa terima kasih kepada Kebawah Duli Tuanku, kerana pengurniaan adalah menunjukkan kemurahan Kebawah Duli Tuanku jua."

Demikian rasa sembah kesyukuran daripada Pateh Dato Paduka Awang

Haji Masri bin Ismail, 73 tahun, Penghulu Mukim Sungai Kebun dan menyanjung tinggi titah baginda yang mengajak rakyat dan penduduk negara ini agar kita selalu menghormati orang tua-tua dan saling menyayangi mereka terutama generasi masa kini. Tanpa mereka siapalah kita.

Bagi Awang Haji Mohd. Limbang bin Lamudin, 73 tahun, pengurniaan kenaikan oleh baginda ini melambangkan kemurahan hati nurani baginda yang sentiasa prihatin kepada kebajikan



"ALHAMDULILLAH, kami menjunjung tinggi kurnia kenaikan," demikian jelas kegembiraan warga tua, Dayang Hajah Putih, 88 tahun; Dayang Hajah Aisah, 75 tahun; Dayang Hajah Laki, 80 tahun dan Dayang Hajah Bidah, 65 tahun.

# Warga tua sembahkan rasa syukur PENGURNIAAN YANG MENCERMINKAN KEPRIHATINAN

rakyat dan penduduk negara ini terutama warga tua.

Saya amat terharu dengan baginda yang antara lain bertitah bahawa negara ini tidaklah pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pencen ini, sebaliknya menjadi sumber berkat memantapkan lagi kemakmuran negara.

"Mudah-mudahan hasrat baginda, negara akan bertambah makmur dan aman damai dan sentiasa di bawah perlindungan Allah," katanya menadah tangan sambil berdoa.

Bagi Awang Haji Ismail bin Apong, 65



"SATU penghormatan warga tua." Pateh Dato Paduka Haji Masri bin Ismail.



"SYUKUR" dengan kurnia baginda. Awang Haji Ismail bin Apong.



"BERKAT membawa kemakmuran" Haji Mohd. Limbang bin Lamudin.

tahun, yang sinonim dengan warna ungu juga melahirkan kesyukuran bersama warga tua yang lain, Awang Haji Ibrahim bin Ghafar, 67 tahun, dan Mejar (B) Awang Haji Mohd. Jair, dengan pengurniaan kenaikan ini, kita selaku warga tua dapat memanfaatkan dengan sebaik-baiknya bagi menampung perbelanjaan kita.

Walaupun baru menjangkau usia 62 tahun, Pengiran Minah binti Pengiran Hitam berasa bersyukur dengan pengurniaan kenaikan dapat menampung perbelanjaan



"MENINGKATKAN semangat." Mejar (B) Awang Haji Mohd. Jair bin Haji Abd. Wahab.



"SYUKUR ke hadapan majlis baginda." Awang Haji Ibrahim bin Ghafar.

harian beliau. "Pengurniaan baginda ini sesungguhnya akan terus dikenang oleh kita khususnya warga tua kerana baginda

sentiasa memedulikan dan mengalinga kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini," katanya.

## Bekalan daging, telur sempena hari lebaran mencukupi

**B**EKALAN daging, telur ayam serta daging lembu dan kerbau bagi memenuhi permintaan orang ramai sepanjang bulan Ramadan ini dan menjelang Hari Raya Aidilfitri adalah mencukupi.

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak akan merasa bimbang dengan

keadaan bekalan semua bahan makanan tersebut kerana pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Jabatan Pertanian telah mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memenuhi permintaan itu.

Berdasarkan kepada pemantauan Jabatan Per-

tanian, pengeluaran daging ayam tempatan pada tahun ini secara keseluruhannya menunjukkan trend peningkatan yang mana daripada bulan Januari hingga September tahun ini jumlah pengeluaran telah mencapai sehingga 8.7 juta ekor bersamaan dengan 13,000 metrik tan.

Ini berbanding dengan masa yang sama pada tahun 2005, trend ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.7 peratus, manakala bagi bulan Oktober ini dijangkakan jumlah pengeluaran daging ayam tempatan ialah sebanyak 954,465 ekor bersamaan dengan 1,431

metrik tan dan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 7.2 peratus berbanding 2005.

Seperti juga pengeluaran ayam daging, trend pengeluaran telur ayam pada tahun ini secara keseluruhannya telah menunjukkan peningkatan yang mana daripada bulan Januari

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

hingga September tahun ini, jumlah pengeluaran telur ayam telah melebihi 89 juta biji.

Ini berbanding dengan masa yang sama pada tahun 2005, tren pengeluaran pada tahun ini telah meningkat sebanyak 12.3 peratus, manakala bagi bulan Oktober ini, dijangkakan jumlah pengeluaran telur ayam tempatan ialah lebih kurang 9.937 juta biji dan jumlah tersebut juga menunjukkan peningkatan sebanyak dua peratus, berbanding bulan yang sama pada tahun 2005.


Daripada data yang disebutkan tadi, dijangkakan bekalan bagi kedua-dua komoditi atau bahan makanan tersebut adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan orang ramai sepanjang bulan Ramadan ini dan

musim perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang.

Pihak Jabatan Pertanian telah mengambil langkah membenarkan import daging beku daripada luar sebagai usaha untuk memenuhi keperluan orang ramai.

Di samping itu, sejumlah lebih kurang 800 ekor lembu juga didatangkan daripada Australia oleh syarikat penyembelihan tempatan, yang dijangka tiba ke negara ini pada minggu ini dan menurut jumlah tersebut, bekalan daging lembu dan kerbau bagi memenuhi keperluan orang ramai adalah mencukupi.

Dalam pada itu, adalah diseru kepada semua peniaga bahan-bahan makanan itu supaya tidak akan menaikkan harga dengan sewenang-wenangnya.



BEKALAN daging dan telur mencukupi bagi memenuhi keperluan orang ramai sepanjang bulan Ramadan dan di musim perayaan tahun ini.

**RENCANA RAMADAN**

# Kesibukan orang ramai membuat persiapan Hari Raya

**B**AGI menjelang Syawal kesibukan jelas kelihatan apabila kedai-kedai dipenuhi oleh orang ramai membeli-belah untuk keperluan hari perayaan yang disambut setahun sekali.

Dalam kesibukan perayaan ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Jualan Besar-besaran Brunei yang mana menggalakkan lagi penduduk negara ini membeli di negara sendiri.

Kesibukan ini bukan sahaja dapat dirasakan oleh para pembeli malah juga para peniaga yang tidak ketinggalan dalam mempromosikan barang-barang terbaru dengan menawarkan harga yang istimewa juga tidak ketinggalan pekedai, tukang jahit, kedai gunting dan salun-salun kecantikan.

Di dalam kesibukan itu, wakil PELITA BRUNEI sempat menemu bual beberapa orang pengunjung, tukang jahit dan pekedai.

Dayang Hajah Safiah, seorang suri rumah, menurutnya kesibukan menjelang Hari Raya dapat dirasakannya dari awal Ramadan kerana menurutnya di bulan puasa ini tidak terasa berbanding dengan bulan biasanya.

Pelbagai persiapan dibuat semasa menjelang Hari Raya terutamanya, dalam menempah baju untuk anak-anaknya kerana menurutnya baju yang siap sedia tidak mengikut cita rasanya walaupun murah dan mudah didapati.

Menurutnya lagi, pada tahun ini dia membuat kuih sendiri kerana baginya lebih jimat dan seronok, tambahan lagi dibantu oleh anak-anaknya.

Awang Zulkifli bin Haji Md. Noor, 23 tahun

Oleh : Zahrani Haji Bojeng  
Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah

yang berasal dari Kampong Jangsak antara pengunjung yang sempat ditemu bual menyatakan pada tahun ini ia menempah dua pasang baju cara Melayu bagi Hari Raya nanti.

Di samping membeli barang untuk keperluan sendiri seperti membeli sinjang dan butang baju, ia juga ada membeli barang-

an makanan seperti coklat, gula-gula dan minuman untuk hidangan Hari Raya nanti. Dalam kesibukan membeli keperluan sendiri dia tidak melupakan untuk membelikan ibu tudungnya serta kerongsang dan sehelai sinjang serta butang baju Melayu untuk bapanya.

"Setiap tahun saya selalunya menempah

songkok buatan Brunei di Kampong Burong Pingai Berakas kerana ia lebih berkualiti walaupun harganya mahal sedikit," kata Awang Zulkifli.

Manakala bagi Awang Norafizan bin Kachi Reyes, 25 tahun, seorang pengunjung di salah sebuah kedai perabot menyatakan dalam kesibukan Hari Raya ini kita perlulah menanamkan sifat berjimat cermat dan bersederhana.

Dalam pada itu, apa yang penting baginya ialah membeli keperluan yang berpatutan sahaja untuk mengelakkan pembaziran kerana banyak promosi yang telah dibuat oleh para peniaga yang boleh melaikan kita dalam berbelanja. Tambahnya, perbelanjaan pada zaman ini meningkat dari zaman sebelumnya.

Sementara itu, bagi Dayang Hadiyah binti Haji Md. Din ketika ditemui sewaktu membeli-belah di salah sebuah kedai membeli-belah di Gadong berkata, ia hanya menempah kuih raya memandangkan kesibukannya bertugas di bulan Ramadan.

Kesibukan menjelang Hari Raya ini telah pun dapat dirasainya dalam bulan Ogos yang lalu dengan menempah baju dan kuih, kerana pada pendapatnya persiapan awal lebih baik baginya. Menurutnya lagi, walaupun su-

dah awal membuat sedikit persiapan akan tetapi masih ada keperluan yang perlu dibeli memandangkan harga yang istimewa dan kadang-kadang adanya barangan yang baru dipamerkan yang hanya dapat kita dapati bagi menjelang Hari Raya seperti lampu neon, gelas, talem dan tempat menyimpan kuih yang terbaru serta pelbagai jenis dan corak.

Bagi Dayang Rowana, 33 tahun, salah seorang tukang jahit di salah sebuah kedai jahit di Kompleks Delima, menyatakan yang mereka hanya menerima tempahan sehingga bulan Ogos memandangkan tempahan yang begitu menggalakan.

Pada tahun ini, kedai jahit untuk wanita kini banyak menerima tempahan baju fesyen terbaru berbanding dengan baju kurung. Menurut Rowana ia menerima hampir seribu pasang dan fesyen yang terbaru ialah menggunakan kain 'chiffon' serta manik.

Bagi menyiapkan jahitan dia bersama tiga lagi tukang jahit di kedai tersebut hanya dapat tidur sehingga lewat malam, katanya harga yang ditawarkan tetap sama dengan hari-hari biasa.

Chitti Babu, penyelia di salah sebuah kedai di Jalan Muara menyatakan kedai-

nya menyediakan hadiah istimewa kepada para pembeli dan mempromosi pelbagai barangan keperluan Hari Raya seperti tekstil, minuman, coklat dan bahan-bahan untuk membuat kuih.

Menurutnya lagi, disebabkan banyak saingan


dengan kedai-kedai berhampiran berbanding tahun-tahun lepas, kedai tersebut ada menurunkan kadar beberapa harga barangan katanya lagi, kedai tersebut akan dikunjungi oleh orang ramai selepas waktu bekerja dan di waktu malam.



IBU bapa sibuk dalam membeli keperluan raya untuk anak-anak.



KESIBUKAN kaum wanita memilih kegemaran mereka menjelang Hari Raya. Gambar menunjukkan beberapa orang wanita memilih tudung yang beraneka warna.



CHITTI Babu menyatakan, di kedai tersebut ada menyediakan hadiah dan harga istimewa kepada para pembeli.



"KAMI terpaksa tidur akhir untuk menyiapkan tempahan," kata Dayang Rowana.



"KITA perlulah menanamkan sifat berjimat cermat dan bersederhana dalam menyambut Hari Raya ...," kata Awang Norafizan.



"... MEMBUAT kuih sendiri lebih jimat dan seronok tambahan lagi dibantu oleh anak-anak," menurut Dayang Hajah Safiah.

## Restoran sediakan pelbagai juadah istimewa bulan Ramadan



SUASANA bersungcai di restoran yang biasanya menawarkan harga berpatutan di bulan Ramadan. - Foto : Haji Sahrin Haji Asmat.

**S**EMPENA bulan Ramadan, kebanyakan restoran di negara ini mengadakan 'bufet' berbuka puasa dengan menyajikan pelbagai juadah istimewa termasuk resipi tradisional 'ala kampung'.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI mendekati suasana beberapa restoran termasuk Restoran Aneka Rasa turut menyediakan antaranya berjenis minuman seperti cendol, jus mangga, sarsi, air bandung, salad, pembuka selera, sup daging, nasi beriani daging dan ayam dan resipi 'ala kampung' berserta pencuci mulut dan pelbagai minuman termasuk teh dan kopi serta jus buah-buahan segar.

Memandangkan kenakan dan pelbagai juadah Ramadan telah membuat sesetengah keluarga memilih sekali-sekala bersungcai di restoran bagi mengubah selera dengan pelbagai juadah yang disediakan lagipun harga yang ditawarkan adalah sederhana.

Dayang Norrashidah binti Haji Metali, seorang guru di salah sebuah sekolah di negara ini ketika ditemui berserta rakan-rakannya, berkata bersungcai di restoran di samping mengubah selera, ianya juga adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara mereka kerana mereka jarang sekali berjumpa disebabkan

tempat bertugas dan pengajian yang berlainan.

Bagi Dayang Norafilah binti Haji Mohiddin, seorang pelajar juga berpendapat "Bersungcai di restoran adalah 'seronok' bersama rakan-rakan, kerana kami dapat berbincang mengenai persediaan menghadapi peperiksaan tidak lama lagi."

Salah sebuah keluarga yang ditemui, berpendapat beliau dan keluarganya hanya sekali-sekala sahaja bersungcai di restoran bagi mengubah selera serta mencari kelainan seperti yang disajikan di rumah sendiri.

Baginya, juadah yang dihidangkan adalah makanan kegemarannya dan

Berita dan foto :  
Dk. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor  
fatimah.noor@information.gov.bn

keluarga iaitu 'ambuyat' yang cukup menyelerakan yang disajikan dengan pelbagai cecah seperti buah binjai dan tempoyak. Di samping itu restoran ini juga menyajikan ikan rumah bakar, udang bercili atau goreng, ikan ampap, pucuk pakis dan ulam serta sayur pucuk ubi. Kesemua ini menyelerakan dan makanan tradisi kita sejak dahulu lagi.

Sesetengah keluarga juga ada yang menggemari

restoran yang menghidangkan masakan segera yang menyediakan ayam dan ikan bakar serta pelbagai jenis mi goreng. Ini terpujanglah selera masing-masing.

Begitulah gambaran beberapa restoran yang menyediakan pelbagai makanan tradisi atau ala kampung di sepanjang Ramadan yang tentunya makanan tradisi ini akan kekal dan tidak dilupakan oleh generasi kita.



DAYANG Norrashidah binti Haji Metali.



DAYANG Norafilah binti Haji Mohiddin.

AGAMA



AKTIVITI bertadarus di bulan Ramadan dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Masjid Kampong Lambak. - Foto : Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

# JPM semarakkan Ramadan dengan Majlis Bertadarus

BERAKAS, Khamis, 5 Oktober.- Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya meneruskan aktiviti bertadarus di bulan Ramadan yang berlangsung di Masjid Kampong Lambak di sini.

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

merupakan lanjutan dari beberapa siri tadarus yang telah diadakan di sepanjang bulan Al-Mubarak ini.

Majlis dihadiri kira-kira seratus pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya bermula sejurus selesainya Sembahyang Fardu Asar Berjemaah di masjid tersebut dan diikuti dengan majlis bertadarus serta diwusuli dengan majlis berbuka puasa.

Hadir sama di majlis itu, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengeran Dato Paduka Haji Abdul Hamid dan Pemangku Setiausaha Tetap JPM, Awang Haji Ahmad.

Majlis diselenggarakan dengan penyampaian barangan wakaf sumbangan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Biro Mencegah Rasuah kepada Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Lambak.

Majlis Bertadarus tersebut dikendalikan bersama oleh JPM, Jabatan Perkhidmatan Pengurusan dan Biro Mencegah Rasuah dengan kerjasama Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Lambak yang



MAJLIS Doa Kesyukuran sempena 14 tahun penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) dihadiri sama oleh Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan YSHHB. - Foto : Ramli Tengah.

# YSHHB adakan Majlis Doa Kesyukuran

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 Oktober. - Bagi menyemarakkan lagi bulan Ramadan, berbagai kegiatan keagamaan yang menjurus mencari keredaan dan pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala, diadakan sejak bermula awal Ramadan lagi.

Sehubungan dengan itu Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) telah mengadakan Majlis Bertadarus, Khatam Al-Qur'an dan Bertahlil sempena bulan Ramadan dan

Doa Kesyukuran sempena 14 tahun penubuhan YSHHB yang berlangsung di Kompleks Yayasan di sini.

Majlis bermula dengan bacaan Al-Qur'an oleh pembaca-pembaca terdiri dari muallim dan penuntut Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB). Kemudian diikuti dengan Majlis Khatam Al-Qur'an dan Bertahlil yang diketuai oleh tenaga pengajar ITQSHHB, Mohamad

Hashim bin Haji Abdullah.

Doa kesyukuran sempena 14 tahun penubuhan Yayasan dibacakan oleh Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim dan diteruskan dengan Majlis Berbuka Puasa dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

YSHHB ditubuhkan atas titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wadaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 5 Oktober 1992 sempena Sambutan Jubli Perak Baginda Menaiki Takhta.

Penubuhan Yayasan sebagai wadah amal jariah atau derma khairat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan ahli kerabat di-

raja baginda sebagai tanda pemedulian dan kasih baginda kepada rakyat baginda serta menjadi pembentuk masyarakat di Negara Brunei Darussalam yang sejahtera dan makmur.

Hadir di majlis itu termasuklah Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah YSHHB, pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan serta guru Sekolah YSHHB.

Sepanjang 14 tahun penubuhannya, Yayasan telah berjaya melaksanakan beberapa projek dan aktiviti selaras dengan dasar dan tujuan penubuhannya yang meliputi bidang agama, kebajikan, pendidikan, pembangunan dan kewangan. Semua ini dijalankan dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat di negara ini.

# Majlis Bertadarus KHEDN diakhiri dengan khatam Al-Qur'an

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

RIMBA, Rabu, 4 Oktober. - Majlis Bertadarus yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena menyemarakkan bulan Ramadan berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an.

Majlis diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai

diikuti Majlis Tadarus, diwusuli dengan Majlis Khatam Al-Qur'an serta Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh imam masjid berkenaan.

Majlis dikelolakan bersama oleh Majlis Perundingan Kampong Rimba, KHEDN, Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Buruh diselenggarakan dengan penyampaian wakaf yang disempurnakan oleh Yang Berhormat untuk masjid berkenaan dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim.

# Manfaatkan detik keemasan di bulan Ramadan dengan ibadat

Oleh : Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn

RAMADAN datang setahun sekali. Hanya adalah peluang keemasan bagi setiap Muslim untuk menghargai setiap keistimewaan dan kelebihan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang bulan yang mulia ini.

Berdasarkan hakikat ini, setiap Muslim wajarlah mendisiplinkan diri dengan memanfaatkan

detik keemasan yang hanya berlangsung sepanjang Ramadan dengan pengisian amalan soleh.

Ini pernah ditekankan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Kalaulah umatku benar-benar mengetahui kelebihan yang terhampar sepanjang Ramadan, nescaya mereka akan mengharapkan kelebihan Ramadan itu berlaku pada sepanjang tahun (Hadis riwayat Ibnu Abi Al-Dunya).

### Masjid tumpuan utama

Seperti biasanya dalam bulan Ramadan yang mulia, di negara ini akan memfokuskan masjid sebagai tempat beribadat. Jumlah kunjungan para jemaah di masjid-masjid adalah luar dugaan terutama sekali sebelah malam menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih dan membaca Al-Qur'an secara tadarus.

Selain itu dalam bulan Ramadan ini adalah merupakan masa yang sesuai untuk kita membimbing para remaja dan belia kita untuk mendekati masjid bagi sama-sama menghayati mengerjakan ibadat kerana Allah semata-mata.

Selain dari itu kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan serta persatuan-persatuan belia dan wanita juga mengadakan Majlis Bertadarus yang bertujuan mengeratkan lagi hubungan silaturahim di kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan para jemaah yang lain.

Dalam kesempatan itu pegawai-pegawai kerajaan dan para penduduk kampung dapat memanfaatkan masa yang terluang dengan bertukar-tukar pandangan serta pemikiran dalam mengajukan per-

masalah serta mengatasinya dengan cara yang terbaik.

Ramadan tidak kurangnya juga disemarakkan oleh umat Islam dengan mengadakan Majlis Bertadarus ke rumah-rumah atau berduduk. Di samping mengeratkan kekeluargaan, malahan pahala dengan bertadarus, rumah kita akan terang-benderang dan mendapat keberkatan.

Dengan cara tersebut ibu bapa secara tidak langsung mendidik anak-anak yang masih kecil akan menjadi garis pandu apabila anak-anak dewasa kelak.

Dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini, salah satu kegiatan yang berkebakikan ialah mengadakan acara bergotong-royong membersihkan tanah-tanah perkuburan orang-orang Is-

lam, di samping menziarahi orang-orang yang telah kembali ke rahmatullah dengan menghadiahkan bacaan-bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Surah Al-Faatihah agar mereka sentiasa ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Kita perlu sedar apabila kita kembali ke rahmatullah hanya tiga perkara yang ditinggalkan segala amalan kebajikan, segala pengajaran dan pendidikan yang ditinggalkan kepada anak-anak dan anak-anak yang soleh.

Dalam hubungan ini apa pun yang kita laksanakan bersama ke arah menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala semata-mata, perlulah ada keikhlasan yang sebenar-benarnya dalam diri kita untuk melakukan sebarang kegiatan yang menjurus untuk mendapatkan ganjaran yang baik dari Allah.



GAMBAR HIASAN ... Bertadarus dengan membaca Al-Qur'an di rumah-rumah juga boleh mengeratkan lagi kekeluargaan dan sesama ummah.

## KEMASYARAKATAN

# Gunakan sumbangan derma dengan sebaik-baiknya

Oleh: Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

BERAKAS, Khamis, 5 Oktober. - Seramai 2,014 orang anak yatim dari seluruh negara hari ini menerima sumbangan derma. Daripada jumlah tersebut seramai 1,189 orang anak yatim dari Daerah Brunei dan Muara menerimanya secara langsung. Manakala anak-anak yatim dari Daerah Belait, Tutong dan Temburong diwakili oleh Jabatan Daerah masing-masing.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Datin Hajah Adina binti Othman, berharap derma-derma yang disampaikan itu akan dapat membantu anak-anak yatim membeli keperluan harian mereka seperti peralatan sekolah dan sebagainya.

"Selain daripada itu ianya juga dihasratkan untuk membantu mereka membuat persediaan menyambut kedatangan 1 Syawal yang akan tiba nanti," tambah beliau.

Seterusnya beliau menyeru supaya anak-anak yatim akan dapat menggunakan sumbangan itu dengan sebaik mungkin dan tidak membelanjakannya dengan perkara-perkara yang tidak mendatangkan faedah.

Beliau turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Syarikat Telekomunikasi DST dan Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB) di atas inisiatif mereka untuk menambahkan kutipan tabung berkenaan iaitu dengan mengadakan kutipan derma melalui SMS.

Beliau kemudiannya berseru kepada orang ramai supaya akan terus menghulurkan derma kepada Tabung Anak Yatim Kebangsaan Negara

Brunei Darussalam demi membantu mereka yang memerlukan di negara ini.

Tambah beliau, ucapan penghargaan juga kepada para dermawan khususnya Penghulu Pengarah Awang Haji Esmit bin Haji Naim yang turut menyampaikan derma peribadi dan kepada Syarikat Hussin Rahman dan Rezal Malek Faesal Productions atas sumbangan mereka.

Seterusnya penyampaian derma anak-anak yatim di Pusat Persidangan Antarabangsa disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad bin Haji Daud.

Dalam majlis yang sama, pihak Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) juga telah menyumbangkan derma wang sebanyak \$50.00 seorang dan menyampaikan hadiah skim galakan kepada 13 orang pelajar anak-anak yatim yang telah pun terpilih yang mencapai kelulusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Bawah dan peperiksaan Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

Sumbangan dan hadiah



MENTERI Pembangunan, juga selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam Berhad, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah menyampaikan hadiah skim galakan kepada seorang pelajar yang terdiri dari anak-anak yatim. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

disampaikan oleh Menteri Pembangunan, juga selaku Pengerusi BIBD, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar.

Skim Hadiah Galakan Pelajar Cemerlang Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) Untuk Anak-anak Yatim itu bertujuan untuk membantu golongan-golongan yang kurang bernasib baik khususnya anak-anak yatim dan bank tersebut berharap akan dapat menyuntik semangat dan galakan kepada anak-anak yatim itu

untuk terus berusaha dan untuk menimbulkan kesadaran kepada mereka bahawa mereka itu sentiasa diberikan perhatian yang wajar oleh masyarakat setempat khususnya untuk mereka lebih maju dan berjaya dalam hidup mereka walaupun mereka sudah kehilangan tempat bergantung yang utama.

Majlis Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim Seluruh Negara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa itu adalah majlis tahunan anjuran JAPEM, Kementerian, Belia dan Sukan pada setiap kali menjelang bulan Ramadan.

## Anak-anak yatim dan pelajar cemerlang terima sumbangan PDB

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

GADONG, Khamis, 5 Oktober. - Seramai 65 anak yatim dan lapan pelajar cemerlang Peringkat 'O' dan 'A' Level 2005 ter-

diri dari anak-anak anggota Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) masing-masing menerima sumbangan derma dan hadiah.

Majlis penyampaian derma dan hadiah disampaikan oleh Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Dato Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani berlangsung di Dewan Serbaguna Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis di sini.

Sumbangan derma kepada anak-anak yatim dan hadiah serta sijil kepada pelajar cemerlang merupakan projek tahunan PDB yang dihasratkan dapat meningkatkan pemeduliaan terhadap kebajikan anggota dan keluarga PDB terutama menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Derma anak yatim disumbangkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan

Polis Diraja Brunei dan Badan Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) dan hasil kutipan zakat daripada Koperasi SEPADU.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian

hadiah Hari Raya kepada anggota polis.

Turut hadir di majlis tersebut Pengarah-pengarah Jabatan PDB, Timbalan Pengarah, Pegawai Pemerintah Daerah Polis dan Ketua Formasi.



PESURUHJAYA Polis, Yang Dimulikan Pehin Dato Kerma Setia Dato Paduka Seri Awang Zainuddin bin Jalani menyampaikan derma dan hadiah kepada seorang anak yatim PDB. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohammad menyampaikan derma Hari Raya kepada seorang anak yatim. - Foto: Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

## Anak-anak yatim ABDB terima sumbangan

BERAKAS, Jumaat, 6 Oktober. - Seramai 118 orang anak-anak yatim bekas anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) menerima sumbangan derma berupa wang tunai, hamper dan minuman ringan di Majlis Sentuhan Kasih Ramadan ABDB.

Majlis disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi dan isteri, Datin Hajah Kalshom di Surau Berakas Garison di sini.

Majlis Sentuhan Kasih Ramadan ABDB ini merupakan salah satu projek tahunan ABDB yang bertujuan untuk membantu dan meraikan anak-anak yatim bekas anggota ABDB dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang.

Sumbangan diperolehi dari Tabung Kebajikan ABDB, di samping kutipan derma daripada ahli-ahli ABDB dan juga ahli-ahli Badan Kebajikan Isteri-isteri ABDB (BAKTI).

Majlis berkebabajikan yang dilakukan oleh ABDB ini sesuai dengan tuntutan agama yang menggalakkan umat Islam untuk memperbanyakkan bersedekah di bulan mu-  
barak ini antara lain bertu-

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

juan bagi mengenang jasa bakti yang disumbangkan oleh orang tua mereka yang telah meninggal dunia semasa berkhidmat dengan ABDB, di samping untuk meningkatkan sikap keprihatinan dan pemeduliaan warga ABDB terhadap anak-anak yatim tersebut.

Majlis Sentuhan Kasih

Ramadan ABDB tahun ini dikendalikan oleh Perkhidmatan Bantu ABDB. Antara yang hadir ialah pemerintah-pemerintah dan komandan-komandan unit tentera, pengarah-pengarah tentera, pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Jawatankuasa Persatuan BAKTI.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimulikan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan sumbangan derma kepada seorang anak yatim ABDB. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

## DANA terima sumbangan \$20,000 dari Kumpulan DST

JALAN KUMBANG PASANG, Selasa, 3 Oktober. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) menerima sejumlah \$20,000.00 dari Syarikat Kumpulan DST yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Operasi syarikat tersebut, Awang Haji Marsad bin Haji Ismail yang diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif DANA, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud.

DANA sangat-sangat menghargai sokongan dan

Oleh: Zahrani Haji Bojeng

sumbangan daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir di majlis ini ialah Timbalan dan Penolong-penolong Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) serta beberapa orang pegawai YSHHB.



PEGAWAI Eksekutif DANA Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim bin Haji Daud menerima sumbangan dari Syarikat Kumpulan DST yang disampaikan oleh Ketua Operasi syarikat tersebut Awang Haji Marsad. - Foto: Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.

# Majlis Bertahlil dan Bertadarus di bulan Ramadan

Foto : Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim, Ramli Tengah, Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah, Pg. Ibni Pg. Haji Hidup.



**L**AZIMNYA, sepanjang bulan Ramadan ini kementerian-kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan awam serta sektor swasta mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Selain daripada itu dalam menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini kementerian-kementerian bersama jabatan-jabatan di bawahnya juga mengadakan Majlis Bertadarus secara bergilir-gilir di beberapa buah masjid-masjid di seluruh negara.

Kegiatan seumpama ini memperlihatkan masyarakat Islam sama-sama berusaha menyemarakkan bulan Ramadan untuk mendapatkan kelebihan-kelebihan pahala berganda sebagaimana yang dijelaskan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, antaranya ialah riwayat Al-Imam Ahmad, At-Tabarani dan Ibnu Hibban yang bermaksud:

"Barang siapa yang pergi ke masjid untuk berjemaah maka selangkah itu menghapuskan kejahatan (dosa) dan selangkah lagi dituliskan baginya kebajikan (pahala) ketika dia pergi dan balik."



**JABATAN** Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja (atas).

**DALAM** menyemarakkan lagi bulan Ramadan ini Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya telah mengadakan Majlis Bertadarus di lima buah masjid (kanan).

**ROMBONGAN** bertahlil Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan (kiri).



**SELAIN** bertahlil, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri juga mengadakan kegiatan bertadarus di beberapa buah masjid.



**BANK** Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan Kumpulan Syarikatnya mengadakan Majlis Bertahlil diketuai oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdullah.



**KEMENTERIAN** Hal Ehwal Ugama mengadakan Majlis Bertadarus, Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan Bersungkaik yang dihadiri oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin.




**PEJABAT** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengadakan Majlis Tahliil dengan diketuai oleh Setiausaha Sultit dan Laila Rahasia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah kepada Dayang Syafiqah binti Haji Ayop pemenang bagi Kategori 'A' menghafaz keseluruhan ayat-ayat lazim (atas), sementara gambar kiri, baginda ketika berangkat di majlis tersebut.

# SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN PERINGKAT NEGARA 1427



## Cahaya Al-Qur'an hanya runduk dari hati yang bersih dan luhur

BERAKAS, Isnin, 9 Oktober. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengajak umat Islam di negara ini agar mengamalkan bacaan Al-Qur'an kerana Al-Qur'an adalah wahyu Allah menerangi segalanya, sesiapa yang membaca, menghafal dengannya akan mendapat cahayanya.

Cahaya Al-Qur'an tegas baginda, sama sekali tidak sama dengan lain-lain cahaya. Ia akan hanya runduk

di hati bersih dan di jiwa yang luhur yang perlu dimiliki dari hati yang bersih dan jiwa yang luhur.

Semasa berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1427 Hijrah, baginda juga menyarakan para peserta Peraduan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan, supaya mengutamakan untuk menghayati bersih dan luhur ini, kerana hafalan yang mantap dan rakat adalah banyak bergantung kepada faktor bersih dari segi syarak termasuklah makan minum yang

bersih yakni halal.

Kebangkitan tiba baginda di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Menteri Hal Ehwal Uagama dalam sembah alu-aluannya menerangkan bagi meningkatkan pencapaian peserta-peserta dalam bidang hafaz Al-Qur'an satu perubahan format pertandingan telah dilakukan tahun ini iaitu dalam Kategori 'C' di mana para peserta dikehendaki menghafaz 10 juz Al-Qur'an seperti biasa yang bermula juz 1 hingga juz 10, di samping para peserta juga diuji pemahaman mereka tentang isi Al-Qur'an dari juz 1 hingga juz 5.

Jelas Yang Berhormat, percubaan tersebut bertujuan untuk menguji kualiti pencapaian para peserta dalam memahami isi Al-Qur'an yang dihafaznya. Dengan kefahaman tersebut hafalan para peserta akan mantap serta mereka akan dapat mengingatkannya dengan mudah.

Dalam pada itu jelas Yang Berhormat lagi, perubahan format tersebut adalah disesuaikan dengan syarat-syarat pertandingan yang ada di luar negara seperti Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an di Mekah Al-Mukarramah, Mesir dan Jordan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan penganugerahan hadiah-hadiah kepada para pemenang Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan Peringkat Akhir Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1427 Hijrah.

Majlis turut diserikan lagi dengan ceramah khas disampaikan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Kassim bin Haji Lamat.

Pada tahun ini sebanyak empat kategori telah dipertandingkan di Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an dan Surah-surah Pilihan Peringkat Akhir Sempena Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1427 Hijrah yang telah diadakan pada 20 September 2006 Masihi lalu



Oleh :  
**Abu Bakar Haji Abdul Rahman**  
 abakar.rahmah@information.gov.bn  
**Haji Ahmad Haji Salim**  
 ahmad.salim@information.gov.bn  
 Foto : Ramli Tengah, Pg. Rafee  
**Paduka Haji Metassim, Masri**  
**Haji Sahrin Haji Asmat**



BERANGKAT sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Tahun 1427 Hijrah.



MENTERI-MENTERI Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri dan juga Ahli-ahli Majlis Mesyuarat yang hadir.



SEBAHAGIAN jemputan wanita yang hadir di majlis tersebut.

bertempat di Dewan Kuliah, Kementerian Kewangan.

Pada tahun ini sedikit pembaharuan dilakukan dalam Kategori 'C' dengan memperkenalkan penambahan soalan-soalan khas, yang meliputi pemahaman dan maklumat berkaitan Al-Qur'an. Pembaharuan ini adalah dihasratkan sebagai salah satu aset nilai tambah bertujuan memperkayakan pengetahuan berkaitan Al-Qur'an di kalangan huffaz dan juga orang ramai. Buat permulaan, soalan kefahaman Al-Qur'an ini hanya melibatkan pemahaman dan fakta-fakta Al-Qur'an dari juz 1 hingga juz 5.

Bagi Kategori 'A' yang menghafaz keseluruhan ayat-ayat lazim bermula (dari Surah Ad-Duha hingga Surah Quraisy termasuk Surah Al-Thariq, Al-Alaa, Surah Al-Ghasyiyah, Surah Al-Balad dan Surah Asy-Syams bagi kanak-kanak berumur 10 tahun ke bawah, tempat pertama dimenangi oleh Dayang Syafiqah binti Haji Ayop dengan memperoleh 95.40 peratus, menerima wang tunai \$1,500.00 berserta piala iringan dan sijil.

Dalam Kategori 'B', disandang oleh Dayang Siti Nurulhafizah binti Mohd. Zin mendapat markah 94.20 peratus dengan membawa pulang wang tunai \$2,000.00 berserta piala iringan dan sijil. Dayang Siti Nurulha-

fizah menghafaz Naba' dan Surah bagi kanak-kanak 10 hingga 15 tahun.

Sementara Nurul Hafizah Jahari memenangi 'C' menghafaz Qur'an iaitu di bawah 10 tahun hamam juz 1 bagi yang berumur ke bawah mendapat \$2,800.00 iringan dan sijil. Awang Mohd. Haji Ibrahim dalam Kateg menghafaz 22 iaitu daripada juz 22 terbuka peringkat umum dapat 94.35 peratus membawa pulang \$4,500.00 iringan dan sijil.

Bacaan doa bacakan oleh mat Pehin Dato Raja Dato Paduka Ustaz Haji A. Aziz bin Junedjaan.

Tema Sarung hari Kebesaran 1427 Hijrah hayati Islam pertingkatkan Bangsa'. Majlis pada selenggarakan menteri Hal dan Jabatan Eksais Diraja, Kewangan.

# UR'AN 7 HIJRAH

"NEGARA tidak pernah merasa rugi atau kekurangan dengan pengurniaan pen-  
cen," Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah di Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan Tahun 1427 Hijrah (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan mengurniakan hadiah kepada Dayang Siti Nurulhafizah binti Mohd. Zin pemenang bagi Kategori B menghafaz Surah An-Naba' dan Surah Al-Mulk.



BAGINDA juga berkenan menerima junjung ziarah daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Kebangsaan.



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama para peserta Pertandingan Menghafaz Ayat-ayat Suci Al-Qur'an.



BAGINDA berkenan mengurniakan hadiah kepada Dayang Nurul Hafizah binti Haji Jahari, pemenang bagi Kategori C menghafaz 10 juz (juz 1 hingga juz 10).



SEBELUM berangkat balik, baginda juga berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama ibu bapa para peserta pertandingan.



PARA tetamu yang hadir di majlis berkenaan.

BAGINDA ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada Awang Amirul Nabilillah bin Haji Akbar, pemenang kedua dalam Kategori 'A' (atas kiri) dan kepada pemenang ketiga, Kategori 'B', Awang Muhd. Ilham Syakirin bin Haji Muhd. Salleh (atas).



DOA selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



AWANG Mohd. Yaasir bin Ibrahim, Johan bagi Kategori D diuji dengan beberapa ayat yang terdapat dari juz 1 hingga juz 22.



nan,  
v.bn  
/bn  
Pg. Dato  
Osman,

az Surah An-  
irah Al-Mulk  
nak berumur  
ahun  
itu, Dayang  
h binti Haji  
angi Kategori  
: 10 juz Al-  
aripada juz 1  
erserta pema-  
hingga juz 5  
umur 30 tahun  
nerima wang  
berserta piala  
ijil, manakala  
Yaasir bin  
adalah johan  
ori 'D' bagi  
juz Al-Qur'an  
juz 1 hingga  
kepada semua  
dengan men-  
seratus mem-  
wang tunai  
rserta piala  
l.  
a selamat di-  
Yang Berhor-  
u Seri Maha-  
ka Seri Setia  
wang Abdul  
l, Mufti Kera-  
abatan Hari-  
Islam Tahun  
ialah 'Meng-  
Dalam Mem-  
Daya Saing  
tahun ini di-  
bersama Ke-  
Ehwal Ugama  
Kastam dan  
Kementerian

# Masjid di kawasan pedalaman terima kunjungan KHEDN

Oleh: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli saidah.omaralli@information.gov.bn

LABI, Ahad, 1 Oktober. - Lazimnya di bulan Ramadan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan mengambil peluang menyemarakkan bulan mubarak ini dengan majlis-majlis bertadarus dan berbuka puasa.

Sehubungan itu Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan majlis seumpamanya di Masjid Kampong Bukit Sawat. Rombongan diketuai oleh

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan.

Juga hadir Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap.

Majlis dimulakan dengan bacaan tadarus dan seterusnya membaca tahlil

yang dipimpin oleh Imam Masjid Bukit Sawat, Awang Haji Ahmad bin Haji Othman. Di majlis tersebut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyampaikan wakaf berupa tikar sejadah, rehal dan takhtim Al-Qur'an kepada imam masjid berkenaan. Masjid Kampong Bukit Sawat yang dibina sejak 1990 terletak kira-kira 60 kilometer dari Kuala Belait.

Turut menyampaikan wakaf berupa dua unit

kipas angin ialah Pengerusi Bersama majlis, Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohammad bin Haji Abdul Rahman dan Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia, Pengiran Haji Ali bin Pengiran Haji Othman.

Majlis dikendalikan bersama Jabatan Daerah Belait dan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Setia dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Bukit Sawat.



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Adanan menyampaikan wakaf berupa peralatan sembahyang kepada Imam Masjid Bukit Sawat, Awang Haji Ahmad bin Haji Othman. - Foto: Ihsan Jabatan Daerah Belait.

## KAN HALNYA ...

SAMBIL berjalan beriringan keluar dari perkarangan masjid selepas menunaikan Sembahyang Fardu Isyak dan Sembahyang Sunat Tarawih rakan saya membuka cerita tanpa diminta. Katanya, semalam dia bersembahyang bersama keluarganya di salah sebuah restoran di Gadong. Lambat makan, asyik berbual-bual dan melayani keramah anak-anak dia terlambat dan tidak sempat berjemaah di masjid.

Lalu kita meningkah: "Makan nyaman tu ..." Sebelum menjawab dia berdeham sambil senyum malas: "Awu sepatutnya miatu namanya jua restoran, tapi sebenarnya rugi saja yang ku dapat. Sudah tah anda nyaman masakannya, servisnya lagi lambat, sepuluh minit lapas baduk baru tah ada makanan, baik jua minuman awal dihidangnya. Sedangkan aku sudah membooking sehari sebelum itu."

Kita masih teruja ingin tahu apa sebenarnya yang dia maksudkan dengan rugi itu. Baru kita buka mulut bertanya "Mengapa?" dia cepat memotong: "Dengar dulu cerita ku ani. Cubatah kita pikir macam mana anda rugi ... Makanan anda nyaman, servis anda memuaskan dibayar jua, bukan ku anda izin tapi kecewalah. Sudah tu anda lagi sempat ke masjid, jemaah luput Tarawih pun lapas. Ani lagi rugi besar ni," katanya dengan raut wajah kekesalan.

Apa yang dapat kita tangkap dari jawapan beliau itu, bahawa dia bukan saja rugi membayar makanan dan servis yang tidak memuaskan malahan dia merasa lebih rugi

kerana tidak sempat sembahyang berjemaah di masjid gara-gara bersungkaik di restoran. Dalam hati kita berbisik patutkah restoran dipersalahkan semuanya sedangkan seorang-seorang selera tidak sama, sukut-sukat masin, tawar, manisnya masakan juga tidak sama. Kita tidak pula bermaksud hendak membanar-banarkan restoran kerana memang pengalaman kawan kita itu bukan dia seorang saja yang melaluinya. Kawan kita ini nampaknya kurang bernasib baik berjumpa restoran seumpama itu, lazimnya makan di restoran itu nyaman dan ada kelas sebab itu orang suka dan nampak senang makan minum di restoran.

Itu salah satu cerita tentang sungkai di restoran. Sebenarnya ada beberapa lagi cerita yang sengaja kita korek dari kawan-kawan dan macam-macam pula komen yang kita dapat. Kita sendiri pun punya pengalaman beberapa kali mendulur 'tais liur' merasa masakan restoran bersama keluarga dan ada juga bersama kawan-kawan.

Trend berbuka puasa atau bersungkaik di restoran atau di hotel memang sudah menjadi kebiasaan masyarakat kita. Kebiasaan itu antaranya untuk mengurangkan kesibukan menyediakan pasungkaik di rumah terutamanya bagi para isteri yang bekerja dan tinggal jauh dari tempat kerja lebih-lebih lagi kalau tidak punya pembantu rumah. "Kalau adapun memberi sasak jua ganya," ujar kawan-kawan melepaskan suara hati.

Dari satu sudut sungkai di restoran sekali-se-

# PUASA UNTUK MAKAN ATAU MAKAN UNTUK PUASA?

Oleh: Haji Timbang Bakar timbang.bakar@information.gov.bn

kala bersama keluarga atau kawan-kawan itu memang ada manfaatnya terutamanya dalam konteks untuk mengeratkan lagi mahabbah dan hubungan silatu-rahim. Keluarga yang sentiasa rapat dan penuh kasih sayang sudah tentu akan memperkukuh institusi keluarga dan seterusnya masyarakat. Dalam masa yang sama dapat juga memberi pendedahan kepada anak-anak bagaimana cara makan minum di tempat ramai atau majlis dengan disiplin serta bersopan santun. Apabila anak-anak itu besar nanti mereka sudah pandai menyesuaikan diri dan berinteraksi dengan baik dengan orang lain di majlis-majlis tertentu. Di samping itu juga mereka (anak-anak) dapat menilai atau membuat perbandingan baik buruknya makan di rumah dengan makan di restoran atau di luar rumah.

Setengah orang menyifatkan perbuatan beralih ke restoran itu sebagai satu pelarian yang mungkin didorong oleh pelbagai keinginan atau 'penapsuan' yang 'tais liur' dengan pelbagai masakan semasa berpuasa. Mungkin juga disebabkan 'frustrated' dengan masakan yang ada di rumahnya. Tais liur itu termasuklah terhadap makanan yang ganjil-ganjil dan jarang didapati seperti ambuyat, ulam-ulaman, sayur-sayur kampung seperti lamiding, pakis, pucuk-pucukan, umbut-umbutan; jenis-jenis masakan kampung atau tra-

disi seperti dadah (bukan syabu); dan bahkan ada orang yang tidak pandai makan ikan air tawar seperti dalak, keli, haruan, badus, sepat, putihan, bantang, mangkutut (udang kecil) dan sebagainya tiba-tiba di bulan puasa ini liurnya berubah secara drastik teringin pula memakannya.

Yang anehnya lagi, habis Ramadan keinginan seperti itu hilang malahan ada yang terasa kembang liur baru tercium bau lantuh ikan-ikan tersebut. Keadaan ini sama seperti perempuan mengidam. Begitulah musim puasa ini bukan saja wanita mengandung yang mengidam malahan lelaki yang tidak pernah mengandung juga mengidam.

Kan halnya, sebahagian restoran menyedari akan ketiadaan liur orang Brunei di musim puasa ini. Mereka bukan saja bijak membuat tawaran berbuka puasa dengan pelbagai pakej, malahan juga ada restoran yang sanggup menyediakan makanan untuk bersahur. Dan yang istimewa lagi mereka juga bersedia menyediakan sebahagian dari jenis makanan yang jarang didapati itu sama ada sukar mendapat bahan atau orang di rumah sukar memasaknya kerana tidak pandai atau tidak tahu langsung mengenainya.

Lamiding, pakis, ulam-ulaman, sambal-sambalan dan umbut-umbutan dulunya cuma kebanggaan orang kampung tetapi sekarang sudah naik taraf

dihidangkan di hotel-hotel dan restoran-restoran ternama. Mungkin ini satu pertanda bahawa makanan-makanan tersebut satu hari nanti akan diiktiraf sebagai 'makanan lima bintang'. Kita yakin ini bukan mimpi asalkan kitani mampu mengolah dan menggayakannya sebagaimana makanan-makanan yang sudah dibanggakan sebagai bertaraf antarabangsa itu. Di samping itu yang penting juga orang kitani sendiri mesti bersemangat dan tidak malu untuk mengentengahkan ke arena antarabangsa makanan-makanan tersebut. Kan halnya mengangap berharap kepada mimpi sedangkan impian boleh digapai.

Kita masih terus teruja untuk memperkatakan soal makanan kitani ini. Sekitar tahun 80-an membawa ke awal 90-an di salah sebuah hotel terkemuka di pusat bandar raya Republik Singapura ada sebuah restoran yang menghadirkan makanan-makanan 'icon' selera orang Brunei seperti ambuyat, dadah dan beberapa jenis kuih-muih. Restoran tersebut bukan saja berjaya mengubati kelaparan pelancong asing malahan juga dapat mendulur selera orang Brunei dan orang lain yang sudah terbiasa makan makanan tersebut.

Cerita ini boleh kita buktikan. Kebetulan waktu kita bercuti di Kota Singa itu kita tinggal di hotel berkenaan dan makan tengah hari di restoran berkenaan juga.

Di sebelah meja kita ada seorang 'mem' orang putih sekitar pertengahan umur sedang minum kopi. Sambil menunggu order kita membaca buku. Tibatiba muncul seorang pelayan menuju ke arah meja kita memang cukup kenal di dalamnya berisi ambuyat komplet dengan cacahnya dan candas. Kita terus bengang oleh kejutan tersebut. Belum pun sempat kita mengatakan kita tidak order yang itu rupanya pelayan itu terus membelok ke meja 'mem' di sebelah kita. 'Mem' itu melerek dengan senyuman bermakna ke arah kita, sedangkan kita terus bengang melihat apa yang berlaku - tidak mahu percaya - bagaimana? - Sedangkan 'mem' itu sudah mencungkil ambuyatnya dan bau cacah jeruk binjai juga sudah menusuk dalam hidung kita.

Kita tidak sabar, lalu dengan bahasa Inggeris yang hanya pacah-pacah bigi pun kita memberanikan diri bertanya. Katanya, "Jangan hairan saya lama di Brunei bertugas di Temburong dan di Tutong. Keluarga angkat saya di Tutong yang beritahu restoran ini. Saya 'transit' di Singapore untuk balik bercuti di UK."

Kisah ini suatu bukti bahawa makanan tradisi kitani tidak mustahil boleh diangkat menjadi makanan antarabangsa sebagaimana juga kitani makan pasta, pizza dan sebagainya yang semakin hari bermacam-macam lagi

jenis makanan asing dibawa masuk ke negara kitani untuk makanan kitani. Mula-mula kitani cuba-cuba, ragu-ragu halal kah anda, sudah kenyamanan terus nyanyat dan hilang perhitungan!

Setelah takulipit dari pokok persoalan, kita kembali semula kepada tawaran-tawaran daripada restoran-restoran di negara ini yang ditambah lagi dengan kehadiran makanan-makanan istimewa orang Brunei itu, apa lagi mereka yang memang mengidamkannya 'menyawang'lah ke restoran yang berkenaan. Kerana kalau di rumah belum tahu dapat, terutamanya kalau semata-mata berharap kepada amah. Waimapun isteri 'orang local' tidak semuanya pakar dalam menumpah ambuyat khususnya generasi muda.

Dalam hal ini kita jadi keliru membuat kesimpulan, di manakah kedudukan kita yang sebenarnya, apakah kita masih di landasan ibadat puasa yang sebenarnya berhubung makanan ini atau sudah takulipit dari landasan. Apakah yang kita uar-uarkan ini mengenai 'pelarian makan' atau 'makan pelarian'. Bagaimana pula kalau 'puasa untuk makan' atau 'makan untuk puasa'. Atau mungkin juga sekadar 'promosi makan-makan'. Kan halnya, kalau ada pihak yang merasa dipromosikan jangan pula lupa daratan. Sebaliknya jika ada pihak yang rasa tertekan jangan pula berhenti melayari lautan.

# ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1427H/BERSAMAAN 2006M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

- Menurut Mazhab Syafie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.
- Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.
- Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1427 H bersamaan 2006 M ialah 2 kilo 268 gram atau dengan nilai wang seperti berikut :

### KADAR BAYARAN ZAKAT HARTA (WANG) TAHUN 1427H / 2006M

Majlis Ugama Islam Brunei telah menetapkan bahawa kadar nisab zakat harta (wang simpanan) sekarang adalah \$2,295.00 iaitu berdasarkan 85 gram harga pasaran emas 21 karat berharga \$27.00 satu gram (85 gram emas x \$27.00 = \$2,295.00). Kadar nisab ini bermula pada 6 Jamadilawal, 1427H bersamaan 3 Jun 2006M.

HARTA (Wang Simpanan)	BAYARAN ZAKATNYA
\$2,295.00	\$57.38
\$3,000.00	\$75.00
\$4,000.00	\$100.00
\$5,000.00	\$125.00
\$6,000.00	\$150.00
\$7,000.00	\$175.00
\$8,000.00	\$200.00
\$9,000.00	\$225.00
\$10,000.00	\$250.00
\$20,000.00	\$500.00
\$30,000.00	\$750.00
\$40,000.00	\$1,000.00
\$50,000.00	\$1,250.00
\$60,000.00	\$1,500.00
\$70,000.00	\$1,750.00
\$80,000.00	\$2,000.00
\$90,000.00	\$2,250.00
\$100,000.00	\$2,500.00
\$200,000.00	\$5,000.00
\$300,000.00	\$7,500.00
\$400,000.00	\$10,000.00
\$500,000.00	\$12,500.00
\$600,000.00	\$15,000.00
\$700,000.00	\$17,500.00
\$800,000.00	\$20,000.00
\$900,000.00	\$22,500.00
\$1,000,000.00	\$25,000.00
\$2,000,000.00	\$50,000.00
\$3,000,000.00	\$75,000.00
\$4,000,000.00	\$100,000.00
\$5,000,000.00	\$125,000.00

- (i) Jika Beras Wangi \$2.84 (ii) Jika Beras Siam \$1.93  
(Dengan nilai wang ini bertaqlid kepada Mazhab Hanafi).

- Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).
- Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka dari kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin.
- Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

### BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1427H BERSAMAAN 2006M

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN			
		NILAI BERAS		NILAI WANG	
		Kilo	Gram	Beras Siam	Beras Wangi
1.	Seorang	2	268	\$1.93 sen	\$2.84 sen
2.	2 orang	4	536	\$3.86 sen	\$5.68 sen
3.	3 orang	6	804	\$5.79 sen	\$8.52 sen
4.	4 orang	9	72	\$7.72 sen	\$11.36 sen
5.	5 orang	11	340	\$9.65 sen	\$14.20 sen
6.	6 orang	13	608	\$11.58 sen	\$17.04 sen
7.	7 orang	15	876	\$13.51 sen	\$19.88 sen
8.	8 orang	18	144	\$15.44 sen	\$22.72 sen
9.	9 orang	20	412	\$17.37 sen	\$25.56 sen
10.	10 orang	22	680	\$19.30 sen	\$28.40 sen
11.	11 orang	24	948	\$21.23 sen	\$31.24 sen
12.	12 orang	27	216	\$23.16 sen	\$34.08 sen
13.	13 orang	29	484	\$25.09 sen	\$36.92 sen
14.	14 orang	31	752	\$27.02 sen	\$39.76 sen
15.	15 orang	34	20	\$28.95 sen	\$42.60 sen
16.	16 orang	36	288	\$30.88 sen	\$45.44 sen
17.	17 orang	38	556	\$32.81 sen	\$48.28 sen
18.	18 orang	40	824	\$34.74 sen	\$51.12 sen
19.	19 orang	43	92	\$36.67 sen	\$53.96 sen
20.	20 orang	45	360	\$38.60 sen	\$56.80 sen
21.	21 orang	47	628	\$40.53 sen	\$59.64 sen
22.	22 orang	49	896	\$42.46 sen	\$62.48 sen
23.	23 orang	52	164	\$44.39 sen	\$65.32 sen
24.	24 orang	54	432	\$46.32 sen	\$68.16 sen
25.	25 orang	56	700	\$48.25 sen	\$71.00 sen
26.	26 orang	58	968	\$50.18 sen	\$73.84 sen
27.	27 orang	61	236	\$52.11 sen	\$76.68 sen
28.	28 orang	63	504	\$54.04 sen	\$79.52 sen
29.	29 orang	65	772	\$55.97 sen	\$82.36 sen
30.	30 orang	68	40	\$57.90 sen	\$85.20 sen

### KERAMAIAAN AMIL-AMIL DAN KAWASAN-KAWASAN BAGI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1427 - 1428H / 2006 - 2007M

JABATAN / DAERAH	KERAMAIAAN AMIL	KAWASAN
JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM	25 ORANG	4
BRUNEI / MUARA	160 ORANG	76
BELAIT	23 ORANG	13
TUTONG	58 ORANG	30
TEMBURONG	17 ORANG	11
JUMLAH	283 ORANG	134

### SENARAI NAMA-NAMA AMIL JABATAN MAJLIS UGAMA ISLAM BRUNEI BAGI TAHUN 1427 - 1428H / 2006 - 2007M

BIL.	LANTIKAN ATAS NAMA JAWATAN	BIL.	LANTIKAN ATAS NAMA BATANG TUBUH
1.	Setiausaha Majlis Ugama Islam, Brunei (Pg. Haji Bahrom bin Pg. Haji Bahar).	1.	A) Daerah Brunei / Muara : Haji Abd. Wahab bin Haji Sapar. (Pegawai Ugama Kanan Kumpulan II).
2.	Penolong Setiausaha Majlis Ugama Islam (Haji Abd. Aziz bin Haji Akop).	2.	Awang Haji Hamzah bin Haji Sabtu. (Pegawai Ugama).
3.	Pengelola Baitul Mal, Zakat dan Fitrah	3.	Awang Haji Mohd. Shukri bin Haji Ahmad. (Pegawai Pelajaran).
4.	Setiausaha Baitul Mal, Zakat dan Fitrah (Awang Haji Duraman bin Salleh).	4.	Awang Haji Adnan bin Haji Mohd. Jaya. (Pegawai Perkembangan Ugama).
5.	Pembantu Kanan Pengelola Baitul Mal, Zakat dan Fitrah a) Daerah Brunei / Muara : i) Awang Haji Mahir bin Mohd. Yusof. ii) Awang Haji Romzi bin Haji Ghani. iii) Awang Haji Mustapha bin Haji Mohamed. b) Daerah Belait: i) Awang Mohd. Haris bin Haji Rauf. c) Daerah Tutong: i) Awang Haji Raslan bin Haji Sapar.	5.	Awang Haji Md. Amir Abd. Aziz bin Haji Puteh. (Pegawai Ugama).
6.	Pembantu Pengelola Baitul Mal, Zakat dan Fitrah a) Daerah Brunei / Muara: i) Awang Rahim bin Omar. ii) Awang Abu Bakar bin Haji Miramit. b) Daerah Belait: i) Awang Junaidi bin Abd. Rahman. c) Daerah Tutong : i) Awang Rosli bin Haji Tongkat. d) Daerah Temburong : i) Awang Haji Rossley bin Haji Puasa.	6.	Awang Mohd. Adly Kashfullah bin Haji Md. Jaafar. (Pegawai Ugama).
		7.	Awang Haji Nayan bin Haji Sisa. (Pegawai Perkembangan Ugama).
		8.	Awang Mohd. Issham bin Mohd. Yaakub. (Penolong Pegawai Ugama).
		9.	B) Daerah Belait : Pg. Haji Mohd. Yunus bin Pg. Haji Mohd. Salleh. (Ketua Pegawai Ugama).
		10.	C) Daerah Tutong : Haji Mat Zain bin Haji Muntol. (Ketua Pegawai Ugama).
		x11.	D) Daerah Temburong : Haji Embran bin Haji Sabtu. (Ketua Pegawai Ugama).

## NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

### BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
<b>I. BANDAR SERI BEGAWAN 'A'</b>			
<i>Mengandungi :</i>			
1.	Bolkiah Kem dan sekitarnya (yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya)	Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji	Di Masjid Omar
2.	Istana Edinburgh	Awang Emran bin Haji Kunchang	Ali Saifuddin
3.	Jalan Perayaan		
4.	Jalan Merdeka		
5.	Jalan Bahagia		
6.	Jalan Rakis		
7.	Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Airport Lama	Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji	Di Masjid Omar
8.	Kedai-kedai Bandar Seri Begawan	Awang Metassan bin Haji Tahir	Ali Saifuddin
9.	Jalan Residency		
10.	Berek Hospital		
11.	Pusar Ulak	Yang Dimuliakan Begawan Pehin	Di Masjid Omar
12.	Jalan Maharaja Lela	Khatib Haji Awang Hamidon bin	Ali Saifuddin
13.	Km 1 Jalan Tutong hingga simpang Istana	Begawan Pehin Siraja Khatib Dato	
14.	Darul Hana	Paduka Seri Setia Haji	
15.	Jalan Telepok	Awang Abdul Hamid	
16.	Jalan Melabau		
17.	Jalan Temanggong		
	Dari simpang Jalan Gadong hingga		
18.	Jambatan Gadong	Mudim Awang Haji Metassim	Di Masjid Omar
19.	Jalan Kumbang Pasang	bin Haji Metussin	Ali Saifuddin
20.	Jalan Ong Sum Ping		
21.	Jalan Jawatan Dalam		
22.	Jalan Mabohai	Mudim Awang Haji Amran	Di Masjid Omar
23.	Jalan Sekolah	bin Haji Md. Salleh	Ali Saifuddin
24.	Jalan Dato Marsal		
25.	Workshop JKR		
26.	Jalan Lintang	Mudim Awang Haji Ahmad Kasra	Di Masjid Omar
27.	Jalan Simpang Sekolah.	bin Haji Ibrahim	Ali Saifuddin
28.	Jalan Padang		
29.	Jalan Dato Taib		
30.	Jalan Dato Isa		
	Jalan Tasek		

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

## Sambungan dari muka 11 BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
31.	Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel	Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim	
32.	Jalan Stoney		
33.	Jalan Dato Ibrahim	Mudim Awang Haji Md. Salleh bin Haji Damit	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
34.	Jalan Istana Darussalam		
35.	Kampung Pengiran Pemancha Lama	Mudim Awang Haji Md. Salleh bin Haji Damit	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
36.	Kampung Sungai Kedayan A dan B		
37.	Kampung Kianggeh dan sekitarnya	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	
38.	Kampung Ujong Tanjung		
39.	Kampung Kuala Sungai Peminyak	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	
40.	Kampung Ujong Bukit		
41.	Kampung Limbongan	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	
42.	Kampung Bukit Salat		
43.	Kampung Sumbiling Lama	Awang Haris bin Haji Suboh (Penguasa Masjid Omar Ali Saifuddin)	
43.	Kampung Sumbiling Lama		
<b>2. BANDAR SERI BEGAWAN 'B'</b>			
<b>Mengandungi :</b>			
a.	Simpang Istana Nurul Iman hingga ke kilometer 6 Jalan Tutong.	Awang Haji Ibrahim bin Mohd. Salleh (Ketua Kampung Madewa / Telanai)	Di Rumah Amil
b.	Kampung Telanai		
c.	Kampung Madewa		
<b>3. BANDAR SERI BEGAWAN 'C'</b>			
<b>Mengandungi :</b>			
a.	Istana Nurul Iman,	Pehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Omar	Di Surau Istana Darul Hana
b.	Istana Darul Hana dan sekitarnya,		
c.	Hijau Baiduri,		
d.	Kampung Bandong		
<b>4. BANDAR SERI BEGAWAN 'D'</b>			
<b>Mengandungi :</b>			
	Balai Bomba Bandar Seri Begawan Brunei (Khas untuk Pegawai dan Kakitangan serta keluarganya).	Ustaz Haji Adanan bin Ahmad (Ketua Guru Ugama Jabatan Perkhidmatan Bomba)	Surau Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei
<b>5. POLIS DIRAJA BRUNEI</b>			
<b>Mengandungi :</b>			
a.	Polis Diraja Kawasan Gadong dan Kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong).	APO SM2825 Haji Abdullah bin Haji Karim (Pmk. Imam Surau Polis Gadong)	Di Surau Polis Gadong
b.	Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei Muara dan keluarga mereka sahaja).	SGT 1671 Pg. Haji Ludin bin Pg. Metahir (Pmk. Bilal Surau Polis Gadong)	
c.	Kawasan Polis Kawalan Diraja		

## KAWASAN KAMPONG AYER DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a. Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda 'A' b. Kampung Bakut Pengiran siraja Muda 'B' c. Kampung Berumpit	Pengiran Bakar bin Pengiran Ahmad (Ketua Kampung Bakut Siraja Muda 'A')	Di Rumah Amil
2.	Masjid Kampung Tamoi : a. Kampung Pengiran Bendahara Lama b. Kampung Pengiran Tajuddin Hitam c. Kampung Tamoi Tengah d. Kampung Tamoi Ujong e. Kampung Pengiran Kerma Indera Lama	Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abd. Kadir (Imam Masjid Kampung Tamoi) Awang Haji Sabtu bin Abdullah (Imam Masjid Kampung Tamoi)	Di Masjid Kampung Tamoi
3.	a. Kampung Burong Pinggai Ayer b. Kampung Sungai Asam	Awang Haji Kamis bin Haji Nasir (Pmk. Imam Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd. Mokti) Awang Muhd. Shahman bin Jumat* (Bilal Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd. Mokti)	Di Masjid Pehin Datu Imam Haji Abd. Mokti
4.	Kampung Lurong Dalam	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu (Ketua Kampung Lurong Dalam)	Di Rumah Amil
5.	a. Kampung Sungai Pandan 'A' b. Kampung Sungai Pandan 'B'	Awang Bahrom bin Pengarah Haji Abdullah Sani (Pmk. Imam Balai Ibadat Kampung Sungai Pandan) Awang Abu Bakar bin Haji Mat Amit* (Bilal Balai Ibadat Kampung Sungai Pandan)	Di Balai Ibadat Kampung Sungai Pandan
6.	a. Kampung Pandai Besi 'A' b. Kampung Pandai Besi 'B'	Pengiran Haji Ayub bin Pengiran Sulaiman (Ketua Kampung Pandai Besi 'A')	Di Rumah Amil
7.	a. Kampung Pekan Lama b. Kampung Pengiran Setia Negara	Pengiran Haji Halus bin Pengiran Haji Kadar (Ketua Kampung Pekan Lama)	Di Rumah Amil
8.	Kampung Lurong Sikuna	Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang (Ketua Kampung Lurong Sikuna)	Di Rumah Amil
9.	Kampung Saba : a. Kampung Saba Darat 'A' b. Kampung Saba Darat 'B' c. Kampung Saba Laut d. Kampung Saba Tengah e. Kampung Saba Ujong	Awang Ramlee bin Haji Ladis (Imam Balai Ibadat Kampung Saba) Awang Haji Junaidi bin Haji Yahya (Bilal Balai Ibadat Kampung Saba)	Di Balai Ibadat Kampung Saba
10.	a. Kampung Pekilong Muara b. Kampung Setia Pahlawan	Awang Haji Meraji bin Penglima Raja Dato Paduka Haji Mohiddin (Ketua Kampung Pekilong Muara)	Di Rumah Amil
11.	a. Kampung Sungai Siamas b. Kampung Ujong Kelinik	Awang Haji Merali bin Haji Matzin (Ketua Kampung Sungai Kebun)	Di Rumah Amil
12.	a. Kampung Sungai Kebun b. Kampung Peramu	Awang Haji Yussof bin Haji Salleh* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Md. Hussin (Imam Masjid Al-Muhtadee Billah) Awang Haji Abu Bakar bin Daud (Marbut Masjid Al-Muhtadee Billah)	Di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun
13.	a. Kampung Setia 'A' b. Kampung Setia 'B' c. Kampung Lupak Luas d. Kampung Tarap Bau dan kawasan sekitarnya.	Awang Rozisham bin Haji Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Sungoh bin Suru (Imam Masjid Perdana Wangsa Haji Muhammad Kampung Setia) Awang Haji Hassan bin Haji Lusin (Imam Masjid Perdana Wangsa Haji Muhammad Kampung Setia)	Di Masjid Perdana Wangsa Haji Muhammad, Kampung Setia
14.	a. Kampung Bolkiah 'A' b. Kampung Bolkiah 'B'	Awang Airwan bin Haji Malik (Imam Masjid Yayasan SHHB) Awang Haji Shamsudin bin Haji Maidin (Ketua Kampung Bolkiah B)	Di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Bolkiah 'A' Di Rumah Amil

## KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	a. Kampung Bunut Kilometer 8, Jalan Tutong b. Kampung Tasek Meradun	Awang Haji Sham bin Haji Amin (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Juffle bin Haji Mega (Imam Masjid Kampung Bunut) Awang Haji Maidin bin Haji Kassim (Ketua Kampung Tasek Meradun)	Di Masjid Kampung Bunut Di Rumah Amil
2.	a. Kampung Bengkurong b. Kampung Burong Lepas c. Kampung Sinarubai	Awang Haji Abidin bin Haji Metarsad (Imam Masjid Kampung Bengkurong) Awang Haji Hasrul Hazimin bin Haji Sapar* (Imam Masjid Kampung Bengkurong)	Di Masjid Kampung Bengkurong
3.	Kampung Kilanas dan sekitarnya	Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahim* (Imam Masjid Kampung Kilanas) Awang Haji Ibrahim bin Mohammed (Imam Masjid Kampung Kilanas)	Di Masjid Kampung Kilanas
4.	Kampung Tanjung Bunut	Awang Haji Salleh bin Haji Sabli (Imam Surau Kampung Tanjung Bunut) Awang Haji Kanderishah bin Haji Takong (Imam Surau Kampung Tanjung Bunut)	Di Surau Kampung Tanjung Bunut
5.	Kampung Jangsak dan sekitarnya	Awang Zulhazmi bin Salleh (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Salleh bin Hashim (Imam Masjid Jubli Perak SHHB) Awang Haji Zamhari bin Haji Ibrahim* (Guru Ugama Terlatih)	Di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah
6.	Sengkuring 'A' a. Kampung Pasai 1 b. Kampung Pasai 2 c. Kampung Mengawang d. Kampung Limpuan e. Kawasan Simpang Jalan Jerudong hingga Jambatan Sungai Sengkuring f. Kawasan Simpang Jalan Mulaut hingga Simpang 87 g. Jalan Ban 2A hingga simpang 31 h. Jalan Ban 2A hingga simpang 37 i. Jalan Ban 3A hingga simpang 43 j. Jalan Ban 3A - Simpang 254 hingga simpang 59 k. Jalan Sungai Tampoi mulai simpang 59 hingga 91 l. Pusat Tahanan Jerudong	Awang Muhammad Khalid bin Haji Timbol (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib DSS Haji Tamin (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring) Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud* (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring)	Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring
	Sengkuring 'B' a. Kampung Sengkuring b. Kampung Padang c. Kampung Pulau Gapor d. Kampung Pulaie Manang e. Kampung Selayun f. Kampung Tagap g. Kampung Sungai Tampoi Hulu h. Kampung Sungai Tampoi Hilir i. Kampung Bukit Tajau j. Jalan Tagap Jerudong k. Jalan Jerudong l. Jalan Selayun Jerudong	Awang Haji Hamdini bin Haji Gharif (Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring)	
7.	Kampung Tanjung Nangka	Awang Amat bin Nawang (Ketua Kampung Tanjung Nangka)	Di Rumah Amil
8.	Kampung Mulaut	Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Wahab (Imam Surau Kampung Mulaut) Awang Mahuddin bin Salleh (Imam Surau Kampung Mulaut)	Di Surau Kampung Mulaut
9.	Kampung Jerudong dan Sekitarnya	Awang Zulkifli bin Haji Murat* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Kamaruzzaman bin Haji Jakar (Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Ak. Mohd. Noh bin Pg. Haji Mohd. Sabri (Imam Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam) Awang Haji Mohd. Hairol bin Haji Sani (Bilal Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam)	Di Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Kampung Jerudong
10.	a) Kampung Katimahar b) Kampung Kulapis c) Kampung Lugu	Awang Haji Hassan bin Haji Taha (Imam Masjid Paduka Seri Begawan SOAS) Awang Haji Isa bin Haji Saban (Imam Masjid Paduka Seri Begawan SOAS)	Di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampung Katimahar
11.	a) Kampung Panchor Murai, b) Kampung Batong c) Kampung Imang	Awang Haji Mohd. Saadullah bin Haji Salleh (Imam Masjid Kampung Panchor Murai) Awang Hamdi bin Haji Awang Ibrahim (Bilal Masjid Kampung Panchor Murai)	Di Masjid Kampung Panchor Murai
12.	a) Kampung Masin b) Kampung Bebatik	Awang Haji Salleh bin Atma* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Asmat bin Haji Tuah (Imam Masjid Kampung Masin) Pengiran Haji Mahmud bin Pengiran Haji Othman (Imam Masjid Kampung Masin)	Di Masjid Kampung Masin
13.	a) Kampung Pengkalan Batu b) Kampung Parit c) Kampung Batu Ampar	Awang Haji Mohd. Jani@Jabbar bin Haji Abd. Majid (Imam Masjid Kampung Pengkalan Batu)	Di Masjid Kampung Pengkalan Batu
14.	a) Kampung Limau Manis b) Kampung Kuala Lurah c) Kampung Batang Perhentian d) Kampung Bukit e) Kampung Wasan	Awang Haji Aymnoor bin Haji Md. Yaakub* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Zainal bin Haji Othman* (Imam Masjid Kampung Limau Manis) Pg. Haji Metassin bin Pg. Haji Kula (Imam Masjid Kampung Limau Manis)	Di Masjid Kampung Limau Manis
15.	Kampung Bebuloh	Awang Muhd. Izzul Islam bin Abdullah (Bilal Pusat Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh)	Di Pusat Kegiatan Ugama Kampung Bebuloh
16.	Kampung Junjongan	Awang Haji Hayrul bin Haji Hakim (Imam Masjid Kampung Junjongan) Awang Haji Daud bin Gagah (Bilal Masjid Kampung Junjongan)	Di Masjid Kampung Junjongan

Lihat muka 13

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 12

## KAWASAN PEDALAMAN DAN LUAR BANDAR BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
17.	Lumapas : a. Kampong Lumapas 'A' b. Kampong Lumapas 'B' c. Kampong Panchor d. Kampong Kilugus e. Kampong Singkirap	Awang Haji Ahmad bin Haji Mohd. Hassan* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Banin bin Haji Banang (Imam Masjid Kampong Lumapas) Awang Mohd. Azree bin Haji Asli (Bilal Masjid Kampong Lumapas)	Di Masjid Kampong Lumapas
18.	a. Kampong Kasat b. Kampong Buang Sakar	Awang Haji Makshud bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Kasat) Awang Afendi bin Haji Taha (Bilal Masjid Kampong Kasat)	Di Masjid Kampong Kasat
19.	a. Kampong Putat b. Kampong Baong	Awang Haji Hamrin bin Haji Mangsor (Imam Masjid Kampong Putat) Awang Haji Rungging bin Haji Malik (Imam Masjid Kampong Putat)	Di Masjid Kampong Putat
20.	a. Kampong Menunggol b. Kampong Riong c. Kampong Gadong Batu	Awang Haji Salibi bin Haji Tarif (Imam Masjid Kampong Menunggol)	Di Masjid Kampong Menunggol
21.	Kawasan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah : a. Kampong Kiarong b. Kampong Kiulap c. Kawasan Pengkalan, Gadong d. Kawasan Berek Elektrik dan sekitarnya e. Kawasan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah	Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya bin Haji Ibrahim Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mustafa bin Haji Murad Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz. Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Puting Mudim Awang Haji Abd. Latif bin Haji Saman Mudim Awang Haji Safar bin Laji @ Kifley	Di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah
22.	Kawasan Pangkalan Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Rimba (Khas Untuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan keluarga sahaja)	Awang Haji Othman bin Mohd. Noor (Guru Ugama, ATUDB Rimba)	Pejabat Guru Ugama ATUDB, Rimba
23.	#Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampong Rimba : a. Kampong Rimba b. Kampong STKRJ Rimba c. Kawasan 2, RPN Kampong Rimba d. Kawasan 4, RPN Rimba	Awang Haji Md. Afdzillah bin Haji Yusof* (Imam Masjid RIPAS Kampong Rimba) Awang Haji Awang bin Haji Metussin* (Imam Masjid RIPAS Kampong Rimba)	Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Kampong Rimba
24.	a. Kampong Tungku b. Kampong Katok c. Kampong Perpindahan Rakyat Jati Kampong Tungku.	Awang Haji Hassan bin Haji Apong (Kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama)	Di Rumah Amil
25.	Kampong Mata-Mata Gadong	Awang Jamal bin Munap (Bilal Balai Ibadat Kampong Mata-Mata) Awang Haji Rosli bin Haji Ladis* (Bilal Balai Ibadat Kampong Mata-Mata)	Di Balai Ibadat Kampong Mata-Mata Gadong
26.	Kampong Beribi	Awang Haji Abd. Wahab bin Haji Md. Daud (Imam Masjid Kampong Beribi) Sheikh Haji Edham bin Sheikh Haji Nekman (Imam Masjid Kampong Beribi)	Di Masjid Kampong Beribi
27.	Universiti Brunei Darussalam dan sekitarnya	Awang Haji Abd. Warith bin Haji Raini (Imam Masjid UBD) Awang Haji Jamudin bin Haji Dollah (Imam Masjid UBD)	Di Masjid Universiti Brunei Darussalam
28.	Kampong Perpindahan Mata-Mata : a. Kampong Perpindahan Kampong Sumbiling Baru, b. Kampong Perpindahan Kampong Sultan Lama, c. Kampong Perpindahan Kampong Pulau Baru-baru	Awang Samrin bin Samat* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Mahari bin Haji Metussin (Imam Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata)	Di Masjid Kampong Perpindahan Mata-Mata
29.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bolkiah Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja)	Awang Suhif bin Haji Abdullah* (Imam Surau, ABDB Bolkiah Kem) Awang Haji Osman bin Ibrahim (Bilal Surau, ABDB Bolkiah Kem)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem
30.	Perpindahan Berakas: a) Kampong Jaya Bakti b) Kampong Jaya Setia c) Kampong Burong Pinggai Berakas	Awang Haji Asminan bin Awang Haji Chuchu (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ahmad Termizi bin Haji Md. Daud (Imam Masjid Sufri Bolkiah)	Di Masjid Sufri Bolkiah
31.	Kawasan Masjid Lambak: a. Kampong Lambak 'A' b. Kampong Lambak 'B'	Awang Haji Abd. Aziz bin Haji Abd. Ghani (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Mohd. Ashraf bin Haji Bujang (Bilal Masjid Lambak)	Di Masjid Lambak
32.	Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kampong Lambak Kiri	Awang Haji Jufri bin Haji Hidup (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Asnan bin Haji Saman (Imam Masjid STKRJ, Kampong Lambak Kiri) Awang Haji Zahid bin Haji Md. Zain (Imam Masjid STKRJ, Kampong Lambak Kiri)	Di Masjid STKRJ, Kampong Lambak Kiri
33.	Kampong Perpindahan Lambak Kanan	Awang Azyrin bin Haji Awang Damit (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ali bin Haji Timbang Al-Hafiz (Imam Masjid RPN Lambak Kanan) Awang Haji Saminan bin Haji Awang Tengah (Imam Masjid RPN Lambak Kanan)	Di Masjid RPN Lambak Kanan
34.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Berakas Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja)	Awang Haji Hitam bin Haji Ismail (Imam Surau ABDB, Berakas Kem) Awang Haji Ahmad bin Haji Moktar (Guru Ugama Berakas Kem)	Di Surau ABDB, Berakas
35.	Masjid Mohammad Bolkiah: a. Kampong Serusop dan termasuk kawasan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan b. Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya c. Kampong Pancha Delima	Pengiran Haji Shahril Azman bin Pengiran Haji Metussin (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Muslim bin Haji Abd. Razak (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) Awang Jofri bin Haji Abidin (Imam Masjid Mohammad Bolkiah)	Di Masjid Mohammad Bolkiah

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
36.	Surau Maktab teknik Sultan Saiful Rijal: a. Kawasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan sekitarnya b. Kampong Delima Satu c. Kampong Delima Dua	Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Mohd. Taib (Imam Surau MTSSR) Awang Haji Abdullah bin Haji Tahir (Bilal Surau MTSSR)	Di Surau Maktab teknik Saiful Rijal
37.	a. Kampong Anggerek Desa b. Kampong Pulaie c. Kampong Orang Kaya Besar Imas	Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit (Imam Masjid Kampong Pulaie) Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji (Imam Masjid Kampong Pulaie)	Di Masjid Kampong Pulaie
38.	Kampong Madang dan sekitarnya	Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maun (Ketua Kampong Madang)	Di Rumah Amil
39.	Kampong Manggis I dan II	Awang Haji Mohd. Limbang dan Lamudin (Ketua Kampong Manggis)	Di Rumah Amil
40.	a. Kampong Sungai Hanching b. Kampong Sungai Tilog, c. Kampong Sungai Akar, d. Kawalan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara	Awang Haji Mahlee bin Haji Awang Besar (Imam Masjid Kampong Sungai Hanching) Awang Haji Sari bin Haji Nasir (Imam Masjid Kampong Sungai Hanching)	Di Masjid Kampong Sungai Hanching
41.	Kampong Salambigar dan sekitarnya	Awang Haji Abd. Hazimin Putra bin Haji Abd. Hamid* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Abd. Halim bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kampong Salambigar) Pengiran Haji Ismail bin Pengiran Haji Tuah (Imam Masjid Kampong Salambigar)	Di Masjid Kampong Salambigar
42.	a. Kampong Tanah Jambu b. Kampong Salar	Awang Abd. Aziz bin Haji Md. Yassin (Imam Masjid Kampong Tanah Jambu) Awang Haji Amron bin Awang (Imam Masjid Kampong Tanah Jambu)	Di Masjid Kampong Tanah Jambu
43.	Kampong Kapok	Pg. Haji Hafizzuddin bin Pg. Haji Bakar (Imam Masjid Kampong Kapok) Awang Faidil Rosemady bin Mohammad* (Bilal Masjid Kampong Kapok)	Di Masjid Kampong Kapok
44.	Muara: a. Kampong Sabun b. Kampong Serasa c. Kawasan Rumah Pegawai-pegawai Kerajaan Tanjung Pelumpong d. Kawasan Balai Polis Muara e. Kawasan Balai Bomba Muara f. Kampong Masjid Lama	Awang Haji Ridi bin Haji Midi (Imam Masjid Setia Ali, Muara) Awang Haji Alias bin Haji Ibrahim (Bilal Masjid Setia Ali, Muara)	Di Masjid Setia Ali, Muara
45.	Kampong Perpindahan Serasa Muara	Awang Haji Hamdan bin Haji Bakar (Imam Masjid Kampong Perpindahan Serasa) Awang Haji Jalil bin Haji Putra* (Bilal Masjid Kampong Perpindahan Serasa)	Di Masjid Kampong Perpindahan Serasa Muara
46.	Kawasan Angkatan Laut Diraja Brunei Muara (untuk Angkatan Laut Diraja dan keluarga mereka sahaja)	Mohd. Khairul Azmi bin Haji Salleh (Imam Surau ATLDB, Muara Kem) Haji Zakaria bin Haji Jalin (Imam Surau ATLDB, Muara Kem)	Di Surau Angkatan Tentera Laut Diraja Muara Kem
47.	Kampong Sungai Buloh	Pengiran Haji Rosman bin Pengiran Haji Shabbudin (Imam Masjid Kampong Sungai Buloh) Pengiran Haji Mohd. Lizam bin Pengiran Haji Merali (Bilal Masjid Kampong Sungai Buloh)	Di Masjid Kampong Sungai Buloh
48.	Kampong Batu Marang	Awang Haji Ahmad@Salleh bin Haji Bini (Imam Masjid Kampong Batu Marang) Awang Haji Mohd. Sharine Hadiman bin Haji Sahari (Bilal Masjid Kampong Batu Marang)	Di Masjid Kampong Batu Marang
49.	Kampong Mentiri	Pengiran Haji Marzuki bin Pengiran Haji Abd. Rahman (Imam Masjid Kampong Mentiri) Awang Haji Aji bin Haji Abd. Rahman (Imam Masjid Kampong Kampong Mentiri)	Di Masjid Kampong Mentiri
50.	Kampong Perpindahan Mentiri	Ak. Mohd. Ali Hanafiah bin Pengiran Haji Timbang (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Tohara bin Haji Ongsang (Imam Masjid R.P.N. Kampong Mentiri)	Di Masjid R.P.N. Mentiri
51.	Kampong Sungai Besar	Awang Haji Samsul bin Haji Abd. Latif (Imam Masjid Kampong Sungai Besar) Awang Sanip bin Haji Nasar (Imam Masjid Kampong Sungai Besar)	Di Masjid Kampong Sungai Besar
52.	a. Kampong Sungai Bunga b. Kampong Pulau Baru-Baru	Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad (Bilal Masjid Kampong Sungai Bunga) Pengiran Mohd. Fadzillah bin Pengiran Mahmud (Bilal Masjid Kg. Sungai Bunga)	Di Masjid Kampong Sungai Bunga
53.	Kawasan Masjid Kampong Serdang a. Kampong Serdang b. Kampong Belukut c. Kampong Sungai Matan	Awang Haji Talipuddin bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kampong Serdang) Awang Ali Noor bin Haji Yahya (Bilal Masjid Kampong Serdang)	Di Masjid Kampong Serdang
54.	Kampong Puduk	Awang Haji Zari bin Haji Karim (Imam Masjid Kampong Puduk) Awang Mohammad Sani bin Sahat (Bilal Masjid Kampong Puduk)	Di Masjid Kampong Puduk
55.	a. Kampong Pelambayan b. Kampong Dato Gandi	Awang Haji Sumardi bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kampong Pelambayan)	Di Masjid Kampong Pelambayan
56.	Kawasan Masjid Kampong Pintu Malim: a. Kampong Pintu Malim b. Kampong Sungai Lampai c. Kampong Kota Batu	Awang Haji Ali Yussof bin Haji Arsad (Imam Masjid Kampong Pintu Malim) Awang Haji Abd. Latif bin Haji Ariff (Bilal Masjid Kampong Pintu Malim)	Di Masjid Kampong Pintu Malim
57.	a. Kampong Subok b. Kampong Belimbing	Awang Nuzli bin Haji Jumat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Zawawi bin Haji Taib (Imam Masjid Kampong Belimbing, Subok) Awang Norjal bin Sisa (Bilal Masjid Kampong Belimbing, Subok)	Di Masjid Kampong Belimbing, Subok

Lihat muka 14

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 13

## BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar			
1.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Tanjong Belait	Awang Akup bin Haji Lamat (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Ahmaddani bin Haji Abdul Rahman (Imam Masjid Muhamamd Jamalul Alam) Awang Haji Zainal bin Idris (Imam Masjid Muhamamd Jamalul Alam) Awang Haji Abdul Malik bin Abu Bakar (Marbut Masjid Muhamamd Jamalul Alam)	Di Masjid Muhamamd Jamalul Alam, Kuala Belait	8.	Masjid Kampong Kiudang, Tutong. Awang Samsul bin Haji Yaakub (Bilal Masjid Kampong Layong) Awang Haji Abu Bakar bin Awang Tengah (Imam Masjid Kampong Kiudang). Awang Haji Mohd. Faizul bin Haji Mohd. Azlan (Bilal Masjid Kampong Kiudang).	Di Masjid Kampong Kiudang, Tutong
2.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Roundabout Km.6 Kuala Belait	Awang Md. Aliyani bin Ismail (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Md. Alias bin Bakar (Imam Masjid RPN Kampong Pandan) Awang Haji Mohd. Zakaria bin Roseta (Bilal Masjid RPN Kampong Pandan)	Di Masjid RPN Kampong Pandan, Kuala Belait	9.	Kawasan Kampong Bekiau, Tutong. Awang Haji Mohd. Taib bin Haji Jaluddin (Ketua Kampong Bekiau Pengkalan Mau).	Di Rumah Amil.
3.	Dari Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait	Awang Haji Omaralli bin Haji Md. Hussain (Imam Masjid Kampong Sungai Teraban)	Di Masjid Kampong Sungai Teraban.	10.	Masjid Kampong Kupang, Tutong. Awang Haji Siadis bin Haji Damit (Imam Masjid Kampong Kupang). Awang Haji Julaidi bin Haji Baha (Bilal Masjid Kampong Kupang)	Di Masjid Kampong Kupang, Tutong.
4.	a. Dari Anduki hingga Lorong Satu, Seria b. Dari Lorong Enam hingga Roundabout Km.6, Kuala Belait	Mohd. Zuhilmi bin Mohd. Jefri (Imam Masjid Pekan Seria) Awang Haji Mohd. Sophian bin Roslee (Bilal Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria.	11.	Masjid Kampong Penapar, Tutong. Awang Haji Sufri bin Haji Mega (Imam Masjid Kampong Penapar). Awang Norsham bin Rosli (Bilal Masjid Kampong Penapar)	Di Masjid Kampong Penapar, Tutong.
5.	Dari Lorong Dua hingga Lorong Lima, Seria	Awang Haji Mohd. Said bin Haji Mat Yassin (Imam Surau Lorong Tiga Selatan, Seria) Haji Ibrahim bin Haji Dullah* (Imam Surau Lorong Tiga Selatan, Seria)	Di Masjid Surau Lorong Tiga Selatan, Seria	12.	Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong. Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof (Imam Masjid Kampong Tanjong Maya) Awang Mohd. Yushasni bin Haji Mohd. Yusof (Bilal Masjid Kampong Tanjong Maya)	Di Masjid Kampong Tanjong Maya, Tutong.
6.	Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G. Lumut	Awang Haji Ahmad Yani Zulkarnain bin Haji Mohd. Yusof (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Haji Ibrahim bin Haji Daud (Imam Masjid Zainab) Awang Abu Bakar bin Haji Hassan (Pelapis Bilal Masjid Zainab)	Di Masjid Zainab Kampong Sungai Taring, Lumut	13.	Masjid Kampong Telisai, Tutong. Awang Haji Alias bin Taha (Imam Masjid Kampong Telisai).	Di Masjid Kampong Telisai, Tutong.
7.	Dari Sempadan Belait/Tutong hingga B.L.N.G. Lumut	Haji Saliheen bin Haji Kassim* (Imam Masjid Kampong Sungai Liang)	Di Masjid Zainab Kampong Sungai Taring	14.	Masjid Kampong Danau, Tutong. Pg. Hassan bin Pg. Haji Ismail (Bilal Masjid Kampong Danau).	Di Masjid Kampong Danau, Tutong.
8.	Mukim Bukit Sawat & Kawasan Pedalaman 'A'	Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Abas (Imam Masjid Al-Mashor Kampong Sungai Mau)	Di Masjid Al Mashor, Kampong Sungai Mau, Ulu Belait	15.	Masjid Kampong Birau, Tutong. Pg. Mohammad Fakhri bin Pg. Haji Dani (Imam Masjid Kampong Birau). Awang Haji Muhd. Khairul Mazlan bin Haji Abdul Razak (Bilal Masjid Kampong Birau).	Di Masjid Kampong Birau, Tutong.
9.	Kawasan Bukit Sawat & Kawasan Pedalaman 'B'	Awang Ahmad bin Haji Othman (Imam Masjid Kampong Bukit Sawat)	Di Masjid Kampong Bukit Sawat, Ulu Belait	16.	Mukim Masjid Kampong Lamunin, Tutong. Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu (Imam Masjid Kampong Lamunin) Awang Haji Ahmad Daud bin Mohd. Idris (Bilal Masjid Kampong Lamunin)	Di Masjid Kampong Lamunin, Tutong.
10.	Mukim Labi, Ulu Belait	Awang Mohd. Endy bin Masri (Imam Masjid Kampong Labi) Awang Sofian bin Bidin (Bilal Masjid Kampong Labi)	Di Masjid Kampong Labi, Ulu Belait	17.	Masjid RPN Kampong Bukit Beruang, Tutong. Awang Haji Sunaidi bin Haji Kassim (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd. Rosmadini bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid RPN Kampong Bukit Beruang)	Di Masjid RPN Kampong Bukit Beruang, Tutong.
11.	Kawasan Balai Bomba Labi/Sungai Liang/Seria dan Belait	ASFS. Pengiran Rosli bin Pengiran Haji Ahmad (Pegawai Bomba)	Di Surau Balai Bomba Seria	18.	Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong. Awang Haji Abd. Nuin bin Hassan (Imam Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang) Awang Haji Ali bin Abdullah (Bilal Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang)	Di Masjid Kampong Menengah dan Bukit Sulang, Tutong.
12.	Mukim Melilas, Ulu Belait.	Awang Mohd. Shahrin bin Mohd. Halim* (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Melilas).	Balai Ibadat, Kampong Melilas, Ulu Belait	19.	Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong. Awang Haji Abdul Aziz bin Badul (Imam Masjid Kampong Bukit Panggal) Awang Haji Hasmali bin Haji Talip (Bilal Masjid Kampong Bukit Panggal)	Di Masjid Kampong Bukit Panggal, Tutong.
13.	Mukim Sukang, Ulu Belait.	Awang Shahrizan bin Abdullah (Pemangku Imam Balai Ibadat Kampong Sukang).	Balai Ibadat, Kampong Sukang, Ulu Belait	20.	Masjid Abdul Azim, Kampong Luagan Dudok, Tutong. Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abdul Rahman* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Azri bin Haji Abdullah@Abd. Rahman (Imam Masjid Abdul Azim). Awang Haji Nasar bin Nayan (Bilal Masjid Abdul Azim)	Di Masjid Abd.Azim, Kampong Luagan Dudok, Tutong.

## BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar			
1.	Kawasan Masjid Hassanal Bolkiah : a. Pekan Tutong, b. Kampong Petani, c. Kampong Bukit Bendera, d. Kampong Sungai Basong, e. Kampong Sungai Besar, f. Kampong Suran, g. Kampong Panchor Dulit, h. Kampong Panchor Papan.	Awang Jaya bin Haji Yahya* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Sahibol Omar bin Haji Mohd. Yusof* (Imam Masjid Hassanal Bolkiah) Awang Moksin bin Haji Mokhtar* (Bilal Masjid Hassanal Bolkiah)	Di Masjid Hassanal Bolkiah, Tutong.	21.	Kawasan Masjid Kampong Bang Dalam Biong, Tutong. Awang Haji Mohd. Yusof bin Ahmad (Imam Masjid Kampong Bang Dalam Biong).	Di Masjid Kampong, Bang Dalam Biong, Tutong
2.	Kawasan Kampong Sengkarai: a. Kampong Sengkarai, b. Kampong Serembangun.	Awang Haji Md. Aidil Sofian bin Haji Md. Yassin (Imam Balai Ibadat Kampong Sengkarai) Awang Hazrin bin Haji Hassan (Bilal Balai Ibadat Kampong Sengkarai)	Di Balai Ibadat Kampong Sengkarai.	22.	Kawasan A.B.D.B. Tutong Kem. Awang Haji Mohd. Anndy @ Rafeic bin Haji Saile @ Suhaili (Imam Surau A.B.D.B. Tutong Kem) Awang Haji Abu Bakar bin Haji Abdul Rahman (Bilal Surau A.B.D.B. Tutong Kem) Ustaz Ahmad Bakil bin Awang (Guru Ugama)	Di Surau A.B.D.B. Tutong Kem, Tutong.
3.	Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.	Awang Mohd. Rosli bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Kampong Penabai) Awang Mohd. Shahrwandu bin Samsudin (Bilal Masjid Kampong Penabai)	Di Masjid Kampong Penabai, Kuala Tutong.	23.	Kawasan A.B.D.B. Penanjong Kem, Tutong. Awang Mohd. Sufri Al Jefriyah bin Yahya (Imam Surau Tutong Kem). Awang Haji Hoshaini bin Haji Mokhtar (Guru Ugama)	Di Surau A.B.D.B. Penanjong Kem, Tutong.
4.	Masjid Kampong Keriam, Tutong.	Awang Haji Mohd. Kartolo bin Haji Abang (Imam Masjid Kampong Keriam) Awang Khalideen bin Haji Mohd. Jamil (Bilal Masjid Kg. Keriam)	Di Masjid Kampong Keriam, Tutong.	24.	Balai Bomba Pekan Tutong/Lamunin. Awang Haji Abdul Khalek bin Haji Zubaidi (Ahli Bomba, Pekan Tutong).	Di Surau Balai Bomba, Tutong.
5.	Masjid Kampong Sinaut, Tutong.	Awang Haji Masri bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kampong Sinaut) Awang Kamaruddin bin Haji Mohd. Ali (Bilal Masjid Kampong Sinaut)	Di Masjid Kampong Sinaut, Tutong.	25.	Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong. Awang Haji Hammaf bin Haji Mohd. Yassin (Imam Masjid Kampong Lubok Pulau). Awang Mohd. Suhud bin Haji Razali (Bilal Masjid Kampong Lubok Pulau)	Di Masjid Kampong Lubok Pulau, Tutong.
6.	Masjid Kampong Penanjong, Tutong.	Awang Haji Mohammad Khairul Azmy bin Haji Bakar (Pegawai Hal Ehwal Masjid). Awang Haji Salleh bin Haji Abdullah (Imam Masjid Kampong Penanjong) Awang Sukri bin Haji Anuar (Bilal Masjid Kampong Penanjong)	Di Masjid Kampong Penanjong, Tutong.	26.	Masjid Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos, Tutong. Aminordin bin Haji Md. Yusof* (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Omarali bin Ahmad (Imam Masjid Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos) Awang Madzlan bin Haji Morneh (Bilal Masjid Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos)	Di Masjid Kampong Pg. Anak Isteri Pg. Anak Sarah Kampong Sungai Kelugos, Tutong.
7.	Masjid Kampong Layong, Tutong.	Awang Haji Mohd. Deli bin Haji Raya (Imam Masjid Kampong Layong)	Di Masjid Kampong Layong, Tutong.	27.	Mukim Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong. Pg. Su'eb bin Pg. Haji Mumin (Imam Masjid Kampong Bukit Udal). Awang Hazman bin Haji Hussain (Bilal Masjid Kampong Bukit Udal)	Di Masjid Kampong Bukit Udal, Tutong.

Lihat muka 15

# NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Sambungan dari muka 14

## BAGI KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
28.	Mukim Masjid Kampong Benutan, Tutong.	Awang Haji Mohd. Azley bin Haji Mohd. Aliudin (Pemangku Imam Masjid Kampong Benutan) Awang Haji Mohd. Akin bin Abdullah (Bilal Masjid Kampong Benutan)	Di Masjid Kampong Benutan, Tutong.
29.	Masjid Kampong Bukit, Tutong.	Awang Haji Mohd. Ghazali bin Mohd. Ariffin (Imam Masjid Kampong Bukit)	Di Masjid Kampong Bukit, Tutong.
30.	Kawasan Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong.	Awang Muhammad Aliyan bin Abdullah Sauwat* (Pemangku Imam Balai Ibadat Hajah Aminah).	Di Balai Ibadat Hajah Aminah, Kampong Long Mayan, Tutong

## BAGI KAWASAN PEKAN BANGAR DAN PEDALAMAN DAERAH TEMBURONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	T/Membayar
1.	Kawasan Bandar 'A': a. Kawasan Pekan Bangar Baru, b. A.B.D.B. Bangar Kem, c. Kampong Batang Tuau, d. Kampong Seri Tanjong Belayang, e. Berek Elektrik, f. Kampong Samamang, g. Kampong Kinalong, h. Kampong Belingos.	Awang Haji Md. Yamin bin Haji Md. Noor (Pegawai Hal Ehwal Masjid)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh.
2.	Kawasan Bandar 'B': a. Kawasan Pekan Bangar, b. Berek Bomba, c. Kampong Sungai Tanam, d. Kampong Sungai Tanit, e. Kampong Menengah, f. Kampong Belayang.	Awang Azry bin Haji Mohd. Yusof (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh)	
3.	Kawasan Masjid Kampong Selangan: a. Kampong Selangan, b. Kampong Sumbiling,	Awang Haji Lisa bin Haji Tengah (Imam Masjid Kampong Selangan).	Di Masjid Kampong Selangan

c. Kampong Belaban Baru, d. Kampong Sibulu.			
4. Kawasan Masjid Kampong Batu Apoi: a. Kampong Batu Apoi, b. Kampong Negalang, c. Kampong Perpindahan Gadong, d. Kampong Selapon	Awang Norezam bin Zaini (Imam Masjid Kampong Batu Apoi), Awang Mohd. Fuad bin Mohd. Yusof (Bilal Masjid Kampong Batu Apoi)		Di Masjid Kampong Batu Apoi.
5. Kawasan Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok: a. Kampong Bokok, b. Kampong Meniup, c. Kampong Bakarut, d. Kampong Simbatang, e. Kampong Kenua, f. Kampong Lepong Lama, g. Kampong Lepong Baru.	Awang Mahdini bin Kamis (Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok).  Bilal Fairuz bin Haji Suhaile* (Bilal Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok)		Di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampong Bokok.
6. Kawasan Masjid Kampong Belais: a. Kampong Belais, b. Kampong Buda-Buda.	Awang Shamsuddin bin Haji Azhari (Imam Masjid Kampong Belais). Awang Rashid bin Hussain (Bilal Masjid Kampong Belais)		Di Masjid Kampong Belais.
7. Kawasan Masjid Kampong Labu Estate: a. Kampong Labu Estate, b. Kampong Senukoh, c. Kampong Piasau-Piasau.	Awang Mokhtar bin Bakri (Imam Masjid Kampong Labu Estate) Awang Saiful Bahrin bin Haji Yunus* (Bilal Masjid Kampong Labu Estate).		Di Masjid Kampong Labu Estate.
8. Kawasan Masjid Kampong Puni: a. Kampong Puni, b. Kampong Ujong Jalan.	Awang Haji Said Ahmad bin Haji Aliamat (Imam Masjid Kampong Puni) Awang Haji Zaini bin Hashim* (Imam Masjid Kampong Puni).		Di Masjid Kampong Puni.
9. Kawasan Kampong Semabat	Awang Mokhsin bin Mohd. Karim (Bilal Balai Ibadat Kampong Semabat)		Di Balai Ibadat Kampong Semabat
10. Kawasan Balai Ibadat Kampong Sibut:	Awang Al-Hussaini bin OKK Haji Nordin ( Bilal Balai Ibadat Kampong Sibut)		Di Balai Ibadat Kampong Sibut
11. Masjid RPN Kampong Rataie: a. Kampong Rataie, b. Perpindahan Kampong Rataie, c. STKRJ Kampong Rataie	Awang Eldi bin Haji Suhaili (Pegawai Hal Ehwal Masjid) Awang Mohd. Tahir bin Norshahbuddin (Bilal Masjid RPN)		Di Masjid RPN Kampong Rataie

Peringatan :  
\* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut. # Kawasan yang baru dilantik.

## Perkhidmatan Bantu ABDB sambut ulang tahun ke-15

BERAKAS, Ahad, 1 Oktober. - Perkhidmatan Bantu, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang menyambut ulang tahun ke-15 telah menghasilkan sebuah organisasi mantap serta dapat memainkan peranan penting dalam mengekalkan dan meningkatkan khidmat bantu kepada unit-unit tempur ABDB.

Komandan Perkhidmatan Bantu ABDB, Kolonel Pengiran Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohammad menyatakan perkara tersebut di Majlis Perbarisan Sempena Memperingati Hari Ulang Tahun Perkhidmatan Bantu Ke-15 di Padang Kawad Bolkih Garison di sini.

Di sebalik kejayaan itu

Oleh: Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
bakar.rahman@information.gov.bn

beliau menyeru para anggota Perkhidmatan Bantu supaya tidak leka dengan apa yang dicapai kerana didapati masih banyak perkara yang perlu diperbaiki dalam usaha memantapkan lagi kecekapan serta keupayaan mereka agar sentiasa dapat bertindak secara profesional dan berkeyakinan menghadapi sebarang cabaran terutamanya dalam mengharungi arus perubahan.

Menyentuh keupayaan, menurutnya Perkhidmatan Bantu sedang melaksanakan beberapa perubahan terhadap struktur organisasi perjawatan markas serta unit-unit yang dijang-

kakan akan menghasilkan tambahan anggota, infrastruktur dan peralatan serta pengendalian latihan yang lebih efektif dan pengurusan kerjaya yang teratur.

Mengenai disiplin dan keselamatan beliau juga mengingatkan semua peringkat agar lebih tekun dan berhati-hati dalam menjalankan apa jua tugas serta mengambil tindakan tatatertib yang tegas kepada mereka yang cuai, yang mengabaikan atau kurang prihatin dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab.

Beliau juga mengingatkan semua warga Perkhidmatan Bantu supaya

sentiasa menjaga imej baik ABDB, di samping patuh kepada peraturan dan etika kerja serta menghindari dari dipengaruh oleh gejala-gejala sosial yang tidak diinginkan.

Perbarisan melibatkan lebih 800 anggota lelaki dan wanita diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

Sementara itu pada petang semalam Majlis Doa Kesyukuran juga diadakan di Surau Berakas Garison.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi menyampaikan piala kepada olahragawati terbaik ABDB 2005, Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musrifah binti Haji Metusin. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

## Ak. Mahalie, Hajah Siti Noor Wardah dipilih olahragawan, olahragawati terbaik

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

JALAN MUARA, Jumaat, 22 September. - Lans Koperal Awangku Mahalie bin Pengiran Haji Sulaiman dan Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musrifah binti Haji Metusin dipilih sebagai olahragawan dan olahragawati terbaik Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) 2005.

Lans Koperal Awangku Mahalie, 29 tahun, Teknisyen Otomotif di Woksyp Bolkih Perkhidmatan Bantu ABDB dipilih berdasarkan pencapaian terbaiknya pada tahun 2005 dan terpilih sebagai 'Player of the Year' dalam sukan B-League 2005-2006.

Pada tahun 1995, Lans Koperal Awangku Mahalie juga pernah mewakili Negara Brunei Darussalam dalam kejohanan Bola Sepak Sekolah-sekolah Asia.

Sementara Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musrifah, 22 tahun, yang bertugas di Markas Cawangan Gerakan, Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dipilih berdasarkan prestasi cemerlangnya dalam kejohanan sukan sama ada di peringkat ABDB serta lain-lain kejohanan sukan.

Antara kejohanan sukan yang pernah disertai oleh Soldadu Hajah Siti Noor Wardah Musrifah ialah Pesta Sukan Kebangsaan, Pesta Sukan Remaja, BIMP EAGA, Sekolah-sekolah

ASEAN serta SUKMA yang mana dalam kesemua kejohanan itu beliau mampu meraih pingat emas, perak dan gangsa.

Majlis Penganugerahan Olahragawan dan Olahragawati Terbaik ABDB 2005 telah disempurnakan oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimulihkan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di sebuah gedung membeli-belah di sini.

Ia bertujuan untuk memberi penghargaan kepada semua olahragawan dan olahragawati ABDB yang telah mengharumkan dan meningkatkan nama baik ABDB dalam bidang sukan sama ada di peringkat ABDB, kebangsaan dan antarabangsa.



LEBIH 800 anggota lelaki dan wanita Perkhidmatan Bantu ABDB di Majlis Perbarisan Sempena Hari Ulang Tahun Perkhidmatan Bantu ABDB Ke-15 yang berlangsung di Padang Kawad Bolkih Garison. - Foto: Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassin.

## Bayaran Pencen Tua lebih \$3.3 juta

Dari muka 1

Dalam perenggan 5 daripada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bilangan 12/1998 bertarikh 29 Rabiulawal 1419 bersamaan 23 Julai 1998 adalah dipinda iaitu bagi Pencen Tua kadar semasa \$200.00 dinaikkan \$250.00, sementara itu bayaran bagi Orang Buta, Kusta dan Orang Tidak Siaman dari \$200.00 dinaikkan \$250.00, manakala Tanggungan Umur 15 tahun dan ke bawah \$90.00 kepada \$113.00 dan 15 tahun ke atas dari \$150.00 kepada \$188.00. Bagi penyakit Hansen dan Cacat, kadar semasa \$200.00 dinaikkan kadarnya \$250.00.

Pindaan ini berkuat kuasa mulai daripada 8 Ramadan 1427 bersamaan 1 Oktober 2006.

Timbalan Pengawal Pencen-Pencen Negara, JAPEN juga menjelaskan, kadar bulan Oktober seluruh negara, kerajaan telah membelanjakan sejumlah \$45,867.00 bagi Pencen Buta. Sementara itu Elaun Gila serta Tanggungan dan Pencen Tidak Berdaya Anggota masing-masing berjumlah \$123,633.00 dan \$89,500.00.

Skim Pembayaran Pencen Tua dan Orang-orang Cacat telah berkuat kuasa pada 1 Januari 1955, sebagaimana yang dihasratkan oleh Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien iaitu Sultan Brunei yang ke-28 supaya skim ini dimasukkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Yang Pertama.

Skim ini adalah bertujuan bagi memastikan golongan orang tua dan orang kurang upaya di negara ini mendapat pemeliharaan yang secukupnya daripada pihak kerajaan dan sebagai pengiktirafan dan penghargaan ke atas sumbangan yang telah dan pernah diberikan oleh warga tua dalam kemajuan ekonomi.

Matlamat utamanya ialah sebagai tanda kesyukuran kerana mencapai usia 60 tahun ke atas tanpa mengira status, meningkatkan taraf hidup di kalangan rakyat dan penduduk tetap yang sudah berumur 60 tahun ke atas dan meningkatkan taraf hidup golongan orang kurang upaya dan keluar-ga mereka.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengulakukan His Highness Shaikh Salman bin Khalifah Al-Khalifa sejurus tiba di Bukit Kayangan. - Foto: Ihsan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

## Pengerusi Syarikat Petroleum Bahrain diraikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 11 Oktober. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiyah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengadakan jamuan santap malam bagi

His Highness Shaikh Salman bin Khalifah Al-Khalifa, Pengerusi Syarikat Petroleum Bahrain berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan (gambar atas).

His Highness Shaikh Salman bin Khalifah Al-Khalifa berada di negara ini bagi lawatan empat hari.

## Zakat pembersih diri, bantu fakir miskin

Dari muka 1

Waktu yang dibolehkan membayar zakat fitrah itu ialah dari awal sehingga akhir Ramadan, wajib selepas terbenam matahari pada akhir Ramadan, afdal selepas Sembahyang Fardu Subuh pada akhir Ramadan sehingga sebelum mengerjakan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Sementara itu adalah makruh membayar zakat fitrah selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri sehingga tiba waktu Maghrib (sebelum terbenam matahari) dan haram selepas terbenam matahari pada Hari Raya Aidilfitri.

Untuk memudahkan umat Islam di negara ini membayar zakat fitrah Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melantik 283 orang amil bagi 134 kawasan di seluruh negara.

Tahun lepas seramai 281,504 umat Islam membayar zakat fitrah dengan jumlah kutipan keseluruhan sebanyak \$780,789.97 berbanding tahun 2004 berjumlah \$761,145.38 dari 274,367 pembayar zakat fitrah.

# 15 jenis produk buah-buahan kering ditarik balik

Oleh : Maslina Awang Kurus

JALAN MENTERI BESAR, Rabu, 11 Oktober. - Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam memaklumkan kepada orang ramai bahawa sebanyak 15 produk buah-buahan kering keluaran Sunbeam Foods Pty. Ltd. Australia berkemungkinan telah dicemari serpihan logam.

Produk-produk terbabit adalah seperti berikut iaitu Sultanas 6 packs, tarikh baik sebelum 31 Ogos 2007, saiz 240 gram; Sultanas, tarikh baik sebelum 12 September 2007, saiz 40 gram; Apple & Sultanas 6 packs, tarikh baik sebelum 16 September 2007, saiz 150 gram; Apple & Sultanas, tarikh baik sebelum 9 Jun 2007, saiz 25 gram; Peach & Sultanas 6 packs, tarikh baik sebelum 16 Ogos 2007, saiz 228 gram; Pineapple & Sultanas 6 packs, tarikh baik sebelum 29 Ogos 2007, saiz 252 gram; Pineapple & Sultanas, tarikh baik sebelum 15 April 2007, saiz 42 gram dan Apricot & Sultanas 6 packs, tarikh baik sebelum 2 September 2007, saiz 222 gram.

Juga ditarik balik ialah Apricot & Sultanas, tarikh baik sebelum 26 Jun 2007, saiz 37 gram; Fruit on the go Tropicana 6 packs, tarikh baik sebelum 6 September 2007, saiz 336 gram; Fruit on the go

Tropicana, tarikh baik sebelum 20 Oktober 2006, saiz 56 gram; Fruit on the go Fruit Salad 6 packs, tarikh baik sebelum 14 September 2007, saiz 300 gram; Fruit on the go Fruit Salad, tarikh baik sebelum 8 September 2007, saiz 50 gram; Fruit on the go Exotic Fruit Salad 6 packs, tarikh baik sebelum 12 September 2007, saiz 330 gram dan SUNDRIED Sultanas, tarikh baik sebelum Ogos 2007, saiz 1.15 gram.

Dengan ini, Kementerian Kesihatan mengarahkan kepada semua pengimport dan peniaga makanan untuk menarik balik produk-produk terbabit.

Arahan penarikan balik ini adalah berikutan maklumat yang diterima daripada Rangkaian Kerja Antarabangsa Keselamatan Makanan (INFOSAN), Pertubuhan Kesihatan Sedunia atas laporan yang dikeluarkan oleh Agensi Piawai Makanan Australia New Zealand yang memaklumkan bahawa Sunbeam Foods Pty. Ltd telah melakukan penarikan balik secara sukarela ke atas produk-produk tersebut.

Sehubungan dengan ini, Kementerian Kesihatan menasihatkan supaya para pengimport dan peniaga memaklumkan senarai dan jumlah produk-produk terbabit yang masih dalam

simpanan ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

Para pengguna juga dinasihatkan tidak menggunakan produk terbabit dan mengembalikan produk terbabit (jika ada) ke kedai-kedai di mana produk tersebut dibeli atau menyerahkannya ke Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan atau pejabat-pejabat kesihatan di daerah-daerah.

Kementerian itu juga memaklumkan seperti mana yang diperuntukkan di bawah Bab 9 ceraian (1) sub-perenggan (i) Akta Kesihatan Awam (Makanan) (Penggala 182) bahawa sesiapa yang menyediakan, menjual atau mengimport makanan yang boleh memudaratkan kesihatan boleh dipenjara selama lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

Sebarang keterangan lanjut sila hubungi Bahagian Kawalan Kualiti dan Keselamatan Makanan, Pusat Pemeriksaan Kesihatan, Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Jalan Delima Dua, Berakas BB2313, nombor telefon 2331100-05/06/08/9/10 dan nombor faks 2331107.

## Majlis Khatam Al-Qur'an di Balai Penghadapan Bukit Kayangan

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman bakar.rahman@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 10 Oktober. - Majlis Bertadarus yang diadakan setiap malam sejak bermulanya bulan Ramadan di Balai Penghadapan Bukit Kayangan berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an.

Majlis berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Majlis dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, Pengiran-pengiran Peranakan, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Men-



MAJLIS Khatam Al-Qur'an yang diadakan di Balai Penghadapan Bukit Kayangan berlangsung di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Dr. Haji Mohd. Yusoff bin Pengiran Haji Abdul Rahim. - Foto: Haji Sahrin Haji Asmat.

teri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Manteri-manteri Hulubalang, Setiausaha-setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Yang Ber-

hormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

Majlis diikuti dengan bacaan surah-surah khatam yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin

Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Sementara bacaan tahlil dipimpin oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya

bin Haji Ibrahim yang juga membaca doa tahlil.

Bagi menyemarakkan lagi majlis tersebut, persembahan dikir disampaikan oleh pegawai-pegawai masjid dipimpin oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Mat Jaya yang

juga membacakan doa dikir.

Bagi memberkati majlis, doa selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal.

ZAKAT FITRAH MEMBANTU ORANG SUSAH

زكاة فطره ممبنتو اورغ سوسه

**TALIAN PENTING**

Ambulans

**991**

Polis

**993**

Bomba & Penyelamat

**995**

Mencari & Menyelamat

**998**

**PERKHIDMATAN-  
PERKHIDMATAN  
PENTING**

Air

**140**

Talian Kebajikan

**141**

Elektrik

**144**

Maklumat Penerbangan

**2331747**

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

**2332600**

Unit Pengurusan Bencana Alam

**2381874**

**2381313**

**2382143**

**2382027**

Selesema Burung

**8984777**

**8985777**

**Persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri:**

**JANGAN BOROS BERBELANJA**

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
bolhassan.bakar@information.gov.bn

**S**IKAP boros dalam berbelanja terutama dalam membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang beberapa hari sahaja lagi sudah pasti akan merugikan diri sendiri.

Berbelanjalah dengan mengikut kemampuan dan buat perancangan yang teratur ketika membeli-belah bagi mengelak pembaziran, kerana agama Islam sendiri menganjurkan umatnya agar berjimat cermat dijadikan amalan yang mulia.

Apa lagi ketika ini Jualan Besar-besaran Brunei atau Brunei Grand Sale (BGS) sedang rancak diadakan di seluruh negara, namun janganlah jadikan sambutan Hari Raya Aidilfitri sebagai 'gelanggang' untuk kita menunjuk-nunjuk dengan serba-serbi ditukar baru.

BGS adalah inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang diumumkan sejak beberapa tahun lalu bagi menggalakkan rakyat dan penduduk negara ini untuk berbelanja di negara sendiri lebih-lebih di bulan Ramadan dan menjelang hari lebaran.

Dalam hal ini para peniaga memainkan peranan penting dan perlu sedar tanggungjawab mereka bukan hanya semata-mata mencari keuntungan, di samping seperti kata pepatah Melayu 'meneguk di air keruh' atau dalam erti kata lain kita tidak mahu para peniaga mengaut keuntungan yang berlebihan

sehingga menimbulkan ke-sengsaraan kepada pengguna.

Sedangkan misi utama BGS adalah bagi memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membeli barangan dengan harga yang murah dan berpatutan dan bukan sebaliknya.

Sementara itu, orang ramai yang terdiri daripada pengguna pula perlulah bijaksana dalam berbelanja. Belilah yang perlu saja dan jangan membazir dengan membeli barangan yang tidak bermanfaat.

Khusus kepada anggota perkhidmatan kerajaan di peringkat rendah yang telah menerima pemberian kenaikan Matagaji Khas (Accelerated Increment) seperti mana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah sempena Hari Keputeraan baginda ke-60, adalah diingatkan agar pemberian baginda itu



GAMBAR HIASAN ... Berbelanjalah dengan sederhana ketika menjelang Hari Raya Aidilfitri sejajar dengan tuntutan agama Islam.

digunakan dengan se-cermat mungkin, di samping dapat berusaha untuk menyimpan melalui 'financial planning' bagi keperluan-keperluan mendatang.

Pemberian kenaikan matagaji khas itu adalah khusus bagi kakitangan di dalam Bahagian IV dan V termasuk kenaikan Elaun Sara Hidup iaitu untuk tahun ini sahaja sebagai menghargai sumbangan-sumbangan anggota perkhidmatan kerajaan baginda khususnya di peringkat rendah.

Manakala bagi kakitangan bergaji hari pula

kadar gaji dan kenaikan tahunan (annual increment) telah diselaraskan dengan satu kadar yang lebih bersesuaian.

Sehubungan dengan itu, baginda juga dengan tegas menitahkan supaya para peniaga tidak akan mengambil kesempatan untuk menaikkan harga-harga barangan mereka berikutan kenaikan matagaji khas itu.

Pengertian Hari Raya Aidilfitri yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk hamba-Nya bergembira adalah merupakan hari kemenangan setelah berjaya menunaikan ibadah puasa di bulan Ramadan Al-Mubarak selama sebulan.

Di sepanjang bulan puasa umat Islam telah menyucikan diri daripada dosa dengan melakukan ibadah khusus dan sunat. Penyucian diri daripada dosa ini menjadikan individu itu telah kembali kepada fitrah, bagaikan seorang anak damit yang

baru dilahirkan.

Setiap hamba-Nya mestilah bersyukur kerana bulan Ramadan telah mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga bulan pengampunan segala dosa-dosa kita, maka dengan pengampunan dosa ini, kita mulakan kehidupan baru dengan lebih bermakna.

Hari Raya ialah gambaran kesyukuran kita ketika menyambut hari lebaran sahaja. Pada malam Hari Raya kita disunatkan menghiasi dengan takbir dan tahmid. Pada 1 Syawal, pula kita dianjurkan mandi sunat pada pagi Hari Raya, menjamah sedikit makanan sebelum pergi ke masjid untuk Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Persiapan dan perhiasan pada Hari Raya memang perlu sebagai tanda kesyukuran. Kita disunatkan memakai pakaian bersih pada Hari Raya, tetapi tidak semestinya baru. Dalam erti kata lain, sam-

butlah Hari Raya mengikut kemampuan dan biarlah secara sederhana sahaja.

Kita turut dianjurkan memeriahkan Hari Raya yang mulia ini, akan tetapi janganlah menjadikan Hari Raya untuk kita bersukaria ini dengan melakukan perkara-perkara yang melanggar batas-batas syariat, seperti amalan bersalaman.

Cukuplah sekadar meminta maaf secara lisan sahaja. Sementara menyentuh mengenai berpakaian pula, pelbagai fesyen yang ditonjolkan pada Hari Raya ini. Ada sesetengahnya yang melampaui batasan syariat sehingga mendedahkan aurat. Perkara ini hendaklah dielakkan untuk mendapatkan keberkatan pada Hari Raya.

Kesimpulannya, menyambut Hari Raya dengan mengamalkan perkara-perkara yang mulia seperti kesederhanaan dan disertai pula amalan kerohanian serta kebajikan maka Hari Raya itu akan lebih bermakna dan akan mendatangkan keberkatan dalam hidup kita.

Sebaliknya, jika hari raya itu disambut dengan besar-besaran tetapi penuh dengan pembaziran dan amalan yang melanggar syariat, maka Hari Raya itu hanya akan menjadi sia-sia sahaja, malah suatu kerugian yang amat besar bagi diri kita.



GAMBAR HIASAN ... Apabila kita menyambut perancangan yang teratur terutama dalam persiapan Hari Lebaran akan dapat mengelakkan daripada pembaziran.

**SEMENTARA itu, orang ramai yang terdiri daripada pengguna pula perlulah bijaksana dalam berbelanja. Belilah yang perlu saja dan jangan membazir dengan membeli barangan yang tidak bermanfaat.**

# BGS WADAH BERBELANJA DAN BERJIMAT

**J**UALAN Besar-besaran Brunei - Brunei Grand Sale (BGS) 2006 sedang berlangsung di negara kita. Agenda tahunan anjuran Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi ini memang ditunggu-tunggu oleh rakyat dan penduduk negara ini kerana kesempatan untuk mendapatkan barang keperluan di negara sendiri dengan kadar harga yang murah dan lebih berpatutan.

Tahun ini BGS diadakan bertepatan dengan menjelangnya Hari Raya Aidilfitri, sudah tentu ini besar ertinya kepada masyarakat Islam yang akan menyambut hari kemenangan mereka itu setelah berjaya menyempurnakan ibadah puasa. Hari Raya merupakan salah satu perayaan terpenting umat Islam yang disambut besar-besaran dan disemarakkan di negara ini. Jadi ada dua 'besar-besaran' iaitu Jualan Besar-besaran dan Sambutan Besar-besaran Hari Raya.

## BESAR-BESARAN

Mengapa dikatakan sambutan Hari Raya itu besar-besaran dapat dilihat dari cara dan gaya masyarakat kita membuat persiapan untuk menyambut Hari Lebaran itu terutama bagi mereka yang berpegang kepada konsep 'setahun sekali' yang mesti dibuat besar-besaran dan belanja lebih. Dengan persepsi ini ramai yang teruja ingin serba baru: pakaian serba baru, perhiasan rumah baru dan bahkan ada yang mampu beli kereta baru. Demikianlah hebatnya orang kita merayakan lebaran itu.

Kuasa pembelian (buying power) di Negara Brunei Darussalam kalau kita amat-amati adalah tinggi walaupun penduduknya sedikit. Ada beberapa faktor yang boleh dijadikan alasan untuk menyokong pendapat ini, antaranya ialah:

\* Rakyat negara ini merupakan antara yang dikategorikan kaya di dunia oleh masyarakat antarabangsa.

\* Cara hidup orang Brunei kaya dengan budaya yang mewujudkan pelbagai pesta dan perayaan. Pesta-pesta dan perayaan-perayaan itu tidak terlepas dari pelbagai keperluan peralihan, perkakas, perhiasan, hadiah dan sebagainya. Contoh yang paling mudah ialah adat istiadat perkahwinan yang dipenuhi dengan pelbagai acara dan boleh dikatakan diadakan hampir setiap minggu bukan satu dua tempat tapi berpuluh-puluh empat. Satu majlis perkahwinan sekurang-kurangnya memakan belanja \$10,000.00 bayangkanlah kalau setiap minggu dan berpuluh-puluh tempat!

\* Di negara ini juga banyak hari-hari kelepasan awam. Setiap hari-hari kelepasan awam itu ada dengan majlis ataupun perayaannya. Majlis-majlis itu pula tidak terhad di peringkat negara atau sekadar di bandar malahan juga diadakan di kampung-kampung. Ini juga sudah tentu menuntut pembelian yang tinggi. Contoh yang paling ketara ialah sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan lain-lain

hari kebesaran Islam.

\* Sambutan Hari Raya Aidilfitri merupakan musim berbelanja yang paling ketara khususnya di kalangan masyarakat Islam iaitu majoriti penduduk negara ini. Musim ini mereka berbelanja meliputi pelbagai aspek iaitu makanan, minuman, pakaian, perhiasan rumah termasuk pengubahsuaian dan pemeliharaan seperti memcat dan sebagainya, perabot, aksesori kereta, peralatan elektrik seperti lampu-lampu, peralatan memasak dan lain-lain.

## KUASA PEMBELI

Semua itu banyak menyumbang ke dalam kuasa pembelian. Memang disadari kuasa pembelian masyarakat kita terbahagi kepada dua iaitu pembelian dalam negeri dan satu lagi pembelian di luar negeri. Pembelian di luar negeri inilah yang menimbulkan kebimbangan di kalangan pihak-pihak yang berkenaan kerana alasan yang jelas sikap sedemikian itu boleh menyumbang kerugian kepada negara.

Trend berbelanja di luar negeri itu sudah menjadi budaya kepada masyarakat kita. Ini amat ketara pada musim cuti-cuti persekolahan ramai orang-orang kita melancang ke luar negeri bersama keluarga sehingga ada syarikat penerbangan yang terpaksa menambah kekerapan penerbangannya ke destinasi-destinasi tertentu untuk memenuhi permintaan. Walaupun alasannya jelas untuk melancang tetapi sama ada diniatkan atau tidak,

Oleh :  
Fa'ezah Hayati Haji Abdul Rahman

membeli-belah tetap menjadi agenda penting apabila berada di luar negeri.

Berbelanja di luar negeri bukan sekadar murah yang dijadikan alasan, malahan ada juga yang bangga kerana membeli barang-barang tersebut terutama pakaian atau perhiasan di luar negeri dengan menyebutkan sekali nama bandar raya atau pusat membeli-belah yang terkenal tempatnya membeli. Waimapun kadang-kadang barang-barang tersebut remeh-temeh yang 'bajurit' di negara kita, namun oleh kerana ia dibeli di luar negeri teruja juga membanggakannya. Biasanya ini berlaku kalau seseorang itu baru pernah ke negara berkenaan.

Ada juga yang sambil bergurau memberi komen, shopping di luar negeri sudahlah murah layanannya lagi bagus dan mesra, anu inda kan mambali pun mambali olehnya. Walaupun bunyiya bergurau, tapi komen sedemikian itu perlu juga diberi perhatian oleh para peniaga di negara ini terutama jurujual-jurujual kita dengan cara mematuhi mana-mana yang patut dan serasi dengan budaya dan cara hidup kita.

Salahkah mereka itu berbelanja di luar negeri? Bolohkah pihak-pihak yang berkenaan menghangatnya? Kalau bentuknya sekadar untuk buah tangan tidaklah perlu dibawa ke perbincangan meja bulat atau meja panjang di meja kedai kopi pun sudah cukup. Untuk menjawab soalan tersebut sebaiknya tanya diri kita sendiri dan jawablah sendiri.

## MENAHAN LUKAH

BGS dianjurkan oleh kerajaan dengan kerjasama para peniaga di negara ini termasuk gedung-gedung perniagaan, kedai-kedai dan para pengusaha. Selain BGS bazar-bazar dan ekspo-ekspo perniagaan juga diadakan di pusat-pusat komersial di seluruh negara untuk memberi

peluang seluas-luasnya kepada para pembeli dan peniaga pula ibarat menahan lukah di pergantungan - Itu wajar asalkan jangan mengambil kesempatan dalam kesempitan. Yang penting sikap bertanggungjawab iaitu jujur dan lurus dalam berjual beli, kerana ini sangat penting untuk meyakinkan pembeli bukan saja dari dalam malahan juga dari luar negeri. Secara tidak langsung ia turut memanggil kedatangan pelancong.

Menurut pihak penganjur BGS Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi tujuan jualan besar-besaran ini ialah untuk menggalakkan rakyat dan penduduk di negara ini membeli-belah di negara sendiri untuk lebih berjimat berbanding berbelanja di luar negara. Sebaliknya ianya juga dihasratkan untuk menarik lebih ramai pelancong untuk berbelanja di negara ini. Dengan cara ini akan dapat menyumbang ke arah peningkatan ekonomi rakyat dan negara.

Dalam masa yang sama program ini juga mendidik masyarakat kita ke arah sikap bijaksana dalam berbelanja. Konsep bijaksana yang dimaksudkan termasuklah juga bijaksana dalam menilai, menghargai dan mendukung usaha-usaha kerajaan yang telah menyediakan pelbagai kemudahan termasuk pekerjaan, melindungi dan menjaga hal ehwal kepentingan rakyat dan penduduk seperti kebajikan, keselamatan, pekerjaan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Selaku rakyat dan penduduk sewajarnya memahami dan memberikan pengertian terhadap kebaikan serta peranan yang telah dimainkan oleh kerajaan selama ini.

## MEMINTA DAN BERMANJA

Dengan kata lain selama ini kita meminta pada yang ada dan bermanja pada yang sayang yang mana semua itu kita nik-



BGS menyasarkan rakyat dan penduduk di negara ini membeli-belah di negara sendiri. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

mati daripada pemimpin dan kerajaan kita. Lantas kita juga sewajarnya berfikir sekurang-kurangnya merenung bagaimana kita menghargai jasa dan sumbangan pemimpin serta kerajaan yang begitu besar kepada kita.

Sehubungan itu berbelanja di negara sendiri adalah merupakan sumbangan yang besar ertinya kepada negara dan bahkan itu memang wajar.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Dayang Hajah Norain binti Haji Puteh, 40 tahun berkhidmat sebagai pegawai di salah sebuah jabatan kerajaan, "Membeli-belah di negara sendiri walaupun bukan waktu jualan murah adalah masih menguntungkan. Kerana kalau berbelanja di luar negara memang benar mungkin murah tetapi perlu diambil kira beberapa aspek, antaranya tambang pesawat, bayaran hotel, mana lagi tambang kereta, lain lagi makan minum malahan kadang-kadang terpaksa bagi tips sana sini - pendek kata setiap langkah kitani adalah wang. Jadi bagi saya masih murah berbelanja di negara sendiri kerana yang kita perlu bayar cuma harga barang kalau pun ada lebih sedikit untuk belanja minyak kereta."

Manakala Ahmad Darnial bin Rusdi pula mengaku dia memang sering berbelanja di negara jiran yang terdekat seperti Miri dan Limbang, itu pun katanya sekadar membeli barang-barang keperluan dapur yang sebahagiannya memang benar-benar murah di sana termasuklah sayur-sayuran, buah-buahan,

gula dan lain-lain lagi.

Seorang remaja Awangku Mohd. Ali bin Pengiran Haji Suffian, 25 tahun pula berkata dia pernah membeli baju yang berjenama di negara jiran yang dianggapnya murah, rupanya dia terpedaya kerana temannya membeli jenis baju yang sama di salah sebuah shopping kompleks di Gadong mendapati harga baju tersebut lebih murah di sini.

## KESAL DAN JERA

Seorang guru yang hanya mahu dikenali sebagai Awang Ahmad menyatakan kesal dan jera tidak lagi mahu membeli-belah di negara jiran sejak kereta pacuan empat rodanya yang baru dipakai setahun lebih bersama dokumen penting seperti pasport, kad pintar, kad ATM bank dan wang tunai lebih seribu ringgit di dalam kereta tersebut dicuri orang di kawasan letak kereta salah sebuah shopping kompleks di negara tersebut.

Katanya, kononnya shopping di sana untung kerana perbezaan mata wang tinggi sebaliknya kerugian besar dan bahkan berbagai masalah yang terpaksa dihadapi, di samping penyesalan yang membawa trauma kepada keluarganya.

Beberapa peniaga yang ditemu bual pula memang mengakui harga barang-barang sekarang sudah jauh lebih murah kerana kebanyakan barang-barang tersebut diimport secara 'direct' ke negara ini dari negara pengeluar dan sewa premis-premis perniagaan di negara ini juga sudah turun sedikit berbanding beberapa tahun sebelum-

nya. Penurunan kadar cukai barangan yang diperkenalkan oleh kerajaan juga dan malahan ada jenis barangan yang sifar cukai, ini sangat menyumbang kepada penurunan harga barangan berkenaan, kata mereka.

Saingan dalam perniagaan bukan saja mencabar malahan sengit, kata salah seorang peniaga bumi-putera, jadi kita terpaksa pandai menggalakannya macam mana boleh 'survive', katanya.

Ditanya mengenai BGS beliau menghargai usaha kerajaan itu kerana ia merupakan galakkan bukan saja supaya orang tertarik membeli di Negara Brunei Darussalam tetapi menggalakkan para peniaga sendiri meningkatkan keupayaan daya saing masing-masing.

Apa pun jangkaan dan persepsi kita terhadap BGS, ternyata ia sudah relevan dengan masyarakat kita dan syabas kepada penganjur. Dari sambutan yang begitu menggalakkan membuktikan bahawa ia ditunggu dan diperlukan oleh rakyat. Maka adalah lebih baik lagi kalau kekerapannya ditingkatkan bukan sekadar menghususkan kepada musim-musim perayaan tertentu saja. Dengan kekerapan atau formatnya yang lebih menarik mungkin boleh mengurangkan pengaliran mata wang kita keluar negara. Sebaliknya pelbagai mata wang asing pula mencurah-curah masuk ke negara kita.

Tentunya ramai juga yang teruja untuk melihat BGS akan menjadi salah satu produk negara!



KUASA pembelian di negara ini adalah tinggi walaupun penduduknya sedikit. - Foto : Ampuan Haji Mahmood Ampuan Haji Tengah.

# Sastera dan Budaya

# سستردان بودايا

## 'Sejauh mana PANTUN dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu'

### 1.0 PENGENALAN

PANTUN Melayu adalah merupakan sebuah hasil sastera rakyat yang tertua yang disebarluaskan secara lisan. Ia tergolong di dalam corak sastera yang berbentuk *non-narrative* atau bukan cerita. Pantun adalah bahasa berangkap yang mengandungi unsur-unsur keindahan, seperti banyak baris tiap rangkap, banyak suku kata, ritma akhir, pembayang maksud, asonasi-aliterasi, kata-kata yang indah, ringkas dan padat.

Pantun adalah istimewa dan merupakan hak milik jati bangsa Melayu yang tidak ada pada bangsa-bangsa lain di dunia ini. Ia tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh luar, bukan saduran dari Jawa, India atau Cina seperti yang dinyatakan oleh Harun Mat Piah dalam kajiannya mengenai pantun Melayu. Dalam erti kata lain pantun itu adalah hasil daya ciptaan masyarakat Melayu lama yang tinggi, asli dan bernilai seni.

Sebelum membincangkan lebih lanjut lagi, kita perlu mengetahui serba sedikit tentang sejarah penghasilan pantun itu sendiri, iaitu tentang masyarakat yang melahirkannya. Menurut pendapat sasterawan Sutan Takdir Alisabana, sastera rakyat adalah merupakan pancaran hidup masyarakat Melayu lama. Ini tidak terkecuali dalam bidang penghasilan puisi Melayu lama, khususnya pantun.

### 2.0 SIAPAKAH MASYARAKAT MELAYU?

Jika dikaji, pantun dicipta sebelum bangsa Melayu itu tahu menulis dan membaca. Masyarakat Melayu lama yang menghasilkan pantun itu adalah merupakan masyarakat yang berpegang kuat dengan sifat gotong-royongnya, masyarakat yang masih bergantung pada alam sekelilingnya. Dari aspek ketamadunannya masih di peringkat rendah atau primitif, berkepercayaan *animisme*, corak kehidupan mereka yang padu (kolektif) di mana setiap anggota masyarakat terikat oleh cara hidup bermasyarakat.

Masyarakat Melayu lama sememangnya terkenal kerana memiliki sifat-sifat yang murni. Mereka mempunyai budi pekerti yang tinggi dan menghargainya, mempunyai sikap timbang rasa dan suka menolong serta menghormati orang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan penulis, ternyata sifat-sifat yang mulia ini secara tidak langsung tergambar di dalam pantun-pantun yang dihasilkan.

Seterusnya, berbalik kepada tajuk di atas - iaitu sejauh mana pantun dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu, kita sebenarnya tidak dapat lari daripada membincangkan penggunaan dan matlamat atau tujuan pantun itu dicipta.

### 3.0 PENGGUNAAN PANTUN DAN PENGGOLONGANNYA

Peranan, fungsi atau penggunaan pantun di dalam kehidupan masyarakat Melayu amat meluas, walaupun sekarang penggunaannya kian berkurangan, baik dalam nyanyian, hiburan, peminangan, percintaan, sindir-menyindir dan sebagainya.

Menghasilkan pantun yang berkesan dan bernilai seni adalah suatu kelebihan masyarakat Melayu lama dan ia tidak dapat dipertikaikan. Orang-orang Melayu lama mahir dan cepat mencipta pantun dengan serta-merta, sehingga ada majlis berbalas pantun. Menurut kajian yang telah dijalankan dan dari segi penggunaannya, pantun dapat digolongkan kepada tiga golongan:

#### i. Pantun Kanak-Kanak

Pantun ini berupa pantun senang hati, bersusah hati, pantun teka-teki dan pantun jenaka.

#### ii. Pantun Orang Muda

Pantun ini berupa pantun perkenalan, pantun kasih sayang, pantun percintaan, pantun perpisahan dan pantun perceraian.

#### iii. Pantun Orang Tua

Pantun ini berupa pantun nasihat, pantun agama dan pantun adat.

Daripada pecahan-pecahan golongan ini, penulis cuba menganalisis gambarannya atau refleksinya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penulis menanggapi gambaran atau visualisasi yang cuba diterjemahkan itu adalah berupa 'cerita' yang terkandung sama ada secara luaran (fizikal) atau dalaman sesebuah pantun itu.

#### 3.1 Pantun kanak-kanak

Ketinggian daya cipta masyarakat Melayu lama dalam bidang sastera adalah diakui. Di dalam penghasilan pantun kanak-kanak, orang Melayu sangat kreatif. Kehendak jiwa kanak-kanak yang selalunya riang suka bermain, naluri ingin meneroka alam dan keadaan sekeliling serta berkawan banyak digambarkan dalam pantun jenis ini. Untuk jelasnya lihat contoh di bawah ini:

##### 3.1.1 Pantun yang menggambarkan keriang kanak-kanak:

*Hanyut batang berilit kumpai,  
Terdampar di anjung tanjung jati;  
Bonda pulang bapa pun sampai,  
Kita semua berbesar hati.*

*Tepuk amai-amai,  
Belalang kupu-kupu;  
Tepuk adik pandai,  
Abang upah susu.*

##### 3.1.2 Pantun yang berisi teka-teki dan lawak jenaka

*Jikalau tuan tajuk cendawa,  
Ambil gantang sukutkan padi;  
Jikalau tuan bijak laksana,  
Binatang apa bertanduk di kaki?  
(Pantun teka-teki).*

*Buah salak di rumah Tok Imam,  
Sirih sekapur pergi menjala;  
Anjing menyalak harimau demam,  
Kucing di dapur pening kepala.  
(Pantun jenaka).*

#### 3.2 Pantun orang muda

Pantun orang muda menggambarkan alam atau lingkungan penghidupan orang muda-muda yang kaya dengan perasaan, keinginan, fikiran-fikiran dan pengalaman mereka yang berbeza daripada kanak-kanak. Orang-orang Melayu adalah berjiwa sensitif dan memiliki sikap yang tertutup, iaitu tidak meluahkan perasaan secara terus atau *direct* dan kata-kata yang akan diucapkan disusun secara berhati-hati.

Jiwa orang-orang Melayu yang muda disaluti oleh perasaan suka, duka, kasih sayang, rindu dendam, benci, dendam, rasa ingin merantau ke negeri orang untuk meluaskan pengetahuan, pengalaman dan mencari bekalan hidup sering bermain dalam jiwa mereka. Kenyataan ini dapat dilihat kerana pahatannya yang terdapat pada pantun-pantun yang berunsurkan kasih sayang, suka dan duka, hiba, pilu dan rawan. Berdasarkan pemilihan kata-kata dalam golongan

MASYARAKAT Melayu lama sememangnya terkenal kerana memiliki sifat-sifat yang murni. Mereka mempunyai budi pekerti yang tinggi dan menghargainya, mempunyai sikap timbang rasa dan suka menolong serta menghormati orang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan penulis, ternyata sifat-sifat yang mulia ini secara tidak langsung tergambar di dalam pantun-pantun yang dihasilkan.

pantun orang muda, perhatikan petikan petikan pantun di bawah ini:

#### 3.2.1 Pantun kasih sayang

*Bunga rampai di dalam puan,  
Buluh perindu di atas gunung;  
Adakah sampai kepadamu tuan,  
Rindu kekanda tidak tertanggung.*

#### 3.2.2 Pantun perpisahan

*Burung bayan di atas kota,  
Mati dipanah Dewa Sakti;  
Lemah rasanya seluruh anggota,  
Berpisah dengan pujaan hati.*

#### 3.2.3 Pantun kembara dan perantaraan

*Kerbau menguak di tengah padang,  
Puguh di tepi habis lari;  
Kita beredar di tempat orang,  
Budi bahasa baik dicari.*

#### 3.2.4 Pantun kehibaan hati / dukacita

*Nasi lemak buah bidara,  
Sayang selasih hamba lurutkan;  
Buang emak buang saudara,  
Kerana kasih hamba turutkan.*

#### 3.2.5 Pantun sindiran

*Pagi-pagi mengail sepat,  
Kalau tenggelam jatuh ke pamah;  
Sepandai-pandai tupai melompat,  
Adakalanya jatuh ke tanah.*

#### 3.3 Pantun orang tua

Pantun orang tua lebih merupakan pantun-pantun yang berunsurkan nasihat, ilmu atau keagamaan. Pantun jenis ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu yang 'berumur' amat prihatin akan golongan muda dan kanak-kanak. Mereka menjadikan apa yang telah mereka alami sebagai panduan dan pengajaran untuk orang lain, khususnya golongan muda. Ini adalah kerana golongan tua telah lama hidup dan mempunyai pengalaman hidup yang luas. Mereka juga telah merempuh segala pancaroba kehidupan dan telah terlebih dahulu merasa asam garam kehidupan.

Pahit manis yang telah mereka lalui, ilmu dan nasihat yang ingin disampaikan banyak digambarkan melalui penghasilan pantun oleh golongan tua. Misalnya pantun-pantun di bawah ini:

#### 3.3.1 Pantun nasihat

*Tanam balik buah peria,  
Buah peria mahal sekali;  
Buat baik berpada-pada,  
Buat jahat jangan sekali.*

Contoh: Pantun adat,

*Laksamana berbaju besi,  
Masuk di hutan melanda-landa;  
Hukum berdiri dengan saksi,  
Adat berdiri dengan tanda.*

Contoh: Pantun kiasan (menyindir secara halus),

*Kemuning di tengah balai,  
Bertumbuh semakin tinggi;  
Berunding dengan orang tak pandai,  
Sebagai alu pencungkil duri.*

Contoh: Pantun ilmu / agama,

*Banyak bulan perkara bulan,  
Tidak mulia bulan puasa;  
Banyak Tuhan perkara Tuhan,  
Tidak mulia Tuhan Yang Esa.*

(Pantun yang bertepatan agama secara tidak langsung menampakkan cara hidup masyarakat Melayu yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam).

Tujuan / Fungsi Pantun Dihasilkan:

Pantun digunakan secara puitis di dalam satu corak komunikasi berseni di tempat yang tertentu, di upacara yang tertentu atau untuk menyampaikan kiasan, atau sindiran yang tertentu. Tujuannya adalah untuk membela kehalusan bahasa, kelembutan jiwa bangsa Melayu secara tidak terus terang. Ini bermaksud agar yang kena sindir atau yang kena nasihat itu tidak marah, tetapi sebaliknya ada azam untuk memperbaiki perbuatan dan perangai yang tidak disukai.

Untuk selanjutnya diterangkan di bawah ini.

Antara fungsi / kegunaan pantun ialah:

Oleh : Muhsin

#### 1. Untuk mendidik

Di dalam sosialisasi seperti untuk tujuan menasihati atau membentuk moral yang lebih baik di kalangan orang muda mahupun kanak-kanak misalnya pantun nasihat, mesej-mesej yang terdapat di dalam pantun nasihat adalah berdasarkan kebenaran atau penilaian masyarakat Melayu akan sesuatu, baik ia perkerjaan atau pun perbuatan. Pantun nasihat yang dihasilkan oleh orang Melayu menggambarkan akibat sesuatu perkara buruk yang jika dilakukan akan mendatangkan kesan negatif. Sebagai contoh, dapatlah kita lihat pantun di bawah ini:

*Hangus bertih berwarna merah,  
Mari dituang ke dalam kain;  
Suami yang letih usah dimarah,  
Kelak terbang ke bunga lain.*

Pantun di atas, jika diteliti adalah nasihat yang disasarkan untuk isteri-isteri demi menjaga kerukunan rumah tangga. Di sini, para isteri dinasihati supaya jangan menengking atau memarahi suami yang telah penat bekerja kerana ditakuti si suami akan beristeri baru jika kerap dimarahi. Sebaliknya pantun ini mengajar isteri atau pun gadis yang bakal menjadi suri rumah tangga supaya menyambut baik kedatangan suami yang baru balik bekerja dengan kata-kata yang manis, yang dapat menghilangkan rasa penat mencari rezeki.

#### 2. Untuk meluahkan rasa kasih sayang

Masyarakat Melayu, khususnya golongan muda amat mementingkan rasa berkasih sayang. Oleh yang demikian untuk meluahkan perasaan itu perlu disulami dengan kata-kata yang indah, herbunga-bunga, puji-memuji yang sebenarnya menampakkan jiwa mereka yang melankolik. Dari itu, terciptanya pantun adalah sebagai cara untuk melepaskan rasa kasih dan rindu dendam golongan muda.

Pantun juga dapat menggambarkan rasa kasih sayang suami kepada isteri, anak kepada ayah dan ibu.

#### 3. Untuk sindiran dan tempelak

Orang Melayu menggambarkan rasa tidak puashatinya dengan bahasa yang tidak terus terang dengan tujuan mengelakkan berlakunya pertelingkahan yang serta-merta di antara sesama mereka. Ini bersesuaian dengan peranan pantun itu. Perhatikan pantun di bawah ini:

*Buah langsung kuning mencelah,  
Keduduk tidak berbunga lagi;  
Sudah dapat gading bertuah,  
Tanduk tidak berguna lagi.*

Pantun ini menyatakan kepada yang ditujukan tentang rasa kesal, kecewa dan dukacita si penutur pantun. Jelas di sini bahawa pantun menyembunyikan maksud atau perasaan dengan penyusunan kata-kata yang indah. Si penutur pantun mungkin mengharapkan agar dia dapat dihargai dan tidak dilupakan begitu saja dengan kehadiran orang baru. Adapun maksud sebenar sindiran di dalam pantun ini ialah apabila seseorang itu beroleh teman baru, janganlah sekali-kali melupakan jasa baik teman lama. Inilah di antara keunikan pantun Melayu yang penuh dengan kata-kata simbolik yang tidak terdapat pada mana-mana bangsa lain.

#### 4. Untuk menyampaikan rasa penghargaan atau terima kasih

Sebagai masyarakat yang tahu mengenang budi dan jasa, pantun Melayu banyak dicipta untuk tujuan ini, antaranya:

*Pisang emas bawa berlayar,  
Masak sebiji di atas peti;  
Hutang emas boleh dibayar,  
Hutang budi di bawa mati.*

#### 5. Untuk menekankan pendapat dan menjelaskan maklumat

Pantun juga digunakan di dalam penghujahan supaya pendapat yang diberikan lebih berasas.

Perhatikan contoh ini:

*Anak punai, anak merbah,  
Hinggap di tonggak mencari sarang;  
Anak sungai lagi berubah,  
Inikan pula hatinya orang.*

Pantun ini dapat digunakan jika seseorang berhujah/bercakap mengenai perubahan yang berlaku pada seseorang.

#### 6. Pantun dalam adat istiadat

Pantun memainkan peranan penting di dalam upacara yang berkaitan dengan adat istiadat, seperti majlis meminang, majlis perkahwinan atau majlis lain yang formal.

Pantun adat akan diucapkan sebagai mukadimah bagi menandakan bermulanya sesuatu acara rasmi, seperti majlis perkahwinan atau sebagai tanda meminta kebenaran atau untuk menyampaikan maksud di hati, di dalam upacara peminangan umpamanya.

**M**ARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya, dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Tanpa kita sedari sekarang kita telah pun berada di sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Yang mana pada malam-malam tersebut kita hendaklah melipatgandakan lagi usaha kita untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana sebagaimana yang kita maklumi bahawa pada malam bulan Ramadan terutama di sepuluh malam terakhir ini terdapat satu malam yang dinamakan 'Lailatulqadar', iaitu malam yang mempunyai keberkatan dan kelebihan yang amat besar.

Dalam hal ini sebahagian besar ulama berpendapat bahawa Lailatulqadar itu berlaku pada sepuluh malam terakhir bulan Ramadan di mana besar kemungkinan ia berlaku pada malam berangka ganjil iaitu sama ada pada malam ke 21, 23, 25, 27 atau pada malam ke 29, ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Abi Salmat ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:


*Carilah Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan.*" (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

Jelas dari hadis tadi sebenarnya kita tidak dapat mengetahui bila terjadinya Lailatulqadar itu. Ini adalah bertujuan supaya kita memperbanyakkan lagi ibadat dan amal kebajikan di sepanjang bulan Ramadan. Pada malam inilah Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan keberkatan, kemuliaan dan kesejahteraan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang melakukan amal ibadat. Amal ibadat yang dilakukan bertepatan dengan malam tersebut akan memperolehi pahala yang berlipat ganda. Perkara ini ada dijelaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qadr ayat 3, tafsirnya:

"Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan."

Pada Malam Lailatulqadar, para Malaikat turun ke dunia disertai oleh Jibrail Alaihissalam untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang melakukan ibadat serta memberikan salam sejahtera kepada penduduk bumi. Pada malam ini juga Allah Subhanahu Wata'ala memberi pengampunan kepada setiap orang yang bertaubat dan dibuka pintu langit bermula dari terbenam matahari hingga ia terbit kembali.

Di antara alamat atau tanda berlakunya Lailatulqadar itu ialah malam tersebut berkeadaan sunyi sepi, penuh ketenangan serta bercahaya. Suasana segar tidak panas dan



tidak pula sejuk, tetapi sederhana. Keadaan ini berterusan sehingga terbit fajar.

Tanda-tanda yang lain pula ialah pada waktu pagi selepas berlakunya Lailatulqadar, matahari akan naik berwarna putih dengan tidak memancarkan cahaya atau sinar yang terik. Keadaan ini ada diterangkan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maksudnya:

"Daripada Abi bin Kaab Radiallahuanhu ia berkata: Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengkhabarkan kepada kami, sesungguhnya

Malam Lailatulqadar itu ialah satu malam yang paginya matahari terbit dengan tidak bersinar (teduh dan putih cerah)." (Riwayat Al-Imam At-Termizi).

Bagi seseorang yang ditakdirkan bertemu dengan Lailatulqadar tersebut, maka hendaklah ia memperbanyakkan doa memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala dosa yang

# LAILATULQADAR BERLAKU PADA SEPULUH MALAM TERAKHIR RAMADAN

**MEMANG** tidak dapat dinafikan kebanyakan kita akan sibuk membuat persiapan untuk menyambut Hari Raya. Oleh itu, janganlah hendaknya kesibukan ini akan menghalang kita dari merebut peluang untuk beramal ibadat dalam sepuluh malam terakhir bulan Ramadan ini. Sebaliknya marilah kita mempertingkatkan amal ibadat kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan melakukan sembahyang-sembahyang sunat, membaca Al-Qur'an, berdoa dan berzikir dengan penuh rasa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka beruntunglah bagi orang-orang yang memperolehi apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala pada Malam Lailatulqadar itu.

pada malam itu? Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Katakanlah (berdoalah): Ya Allah sesungguhnya Engkau yang mengurniakan keampunan terhadap dosa-dosaku. Engkau Maha Pengampun, maka ampunilah aku." (Riwayat Al-Imam At-Termizi).

Ketahuiilah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan lebih mempertingkatkan amalan Baginda sebaik sahaja memasuki malam ke 21 Ramadan iaitu dengan beriktikaf di masjid, membangunkan ahli keluarga Baginda untuk bersembahyang dan sebagainya. Ini jelas menunjukkan bahawa Baginda benar-benar berusaha untuk memperolehi Malam Lailatulqadar itu. Dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, maksudnya:

"Dari Abi Hurairah

Radiallahuanhu daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, Baginda ber-sabda: Barang siapa mengerjakan ibadat di Malam Lailatulqadar kerana imannya kepada Allah dan kerana mengharap keredaan-Nya, nescaya diampunilah dosanya yang telah lalu." (Riwayat Al-Imam Al-Bukhari).

dan berzikir dengan penuh rasa keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Maka beruntunglah bagi orang-orang yang memperolehi apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala pada Malam Lailatulqadar itu.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qadr ayat 1 - 5, tafsirnya:

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan Al-Qur'an ini pada Malam Lailatulqadar. Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebersaan Malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun Malaikat dan Jibrail, kerana membawa segala perkara yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut. Sejahteralah malam yang berkat itu hingga terbit fajar."

## وقت سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمبهيڠ، امساک، شوروق دان ضحی باڤي دائره بروني دان موارا مولاي دري هاري رابو، 25 رمضان، 1427 برسامان دغن 18 اؤکتوبر، 2006 هيڠگ كهاري ثلاث، 1 شوال، 1427 برسامان دغن 24 اؤکتوبر، 2006 اداله سفرت دباوه اين :-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	سوروق	ضحی	مسيحي
رمضان									اؤکتوبر
25	12.07	3.24	6.06	7.16	4.38	4.48	6.05	6.28	18
26	12.07	3.24	6.06	7.16	4.38	4.48	6.05	6.28	19
27	12.07	3.25	6.06	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	20
28	12.07	3.25	6.05	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	21
29	12.06	3.25	6.05	7.15	4.38	4.48	6.05	6.28	22
30	12.06	3.25	6.05	7.16	4.37	4.47	6.05	6.28	23
شوال									
1	12.06	3.25	6.04	7.16	4.37	4.47	6.05	6.28	24

وقت ۲ سمبهيڠ باڤي دائره توتوغ دتمبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دتمبه تيگ مينيت، سمبهيڠ فرض جمعة دسلوروه نڠارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تڠهاري.

**PADA** Malam Lailatulqadar, para Malaikat turun ke dunia disertai oleh Jibrail Alaihissalam untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang melakukan ibadat serta memberikan salam sejahtera kepada penduduk bumi. Pada malam ini juga Allah Subhanahu Wata'ala memberi pengampunan kepada setiap orang yang bertaubat dan dibuka pintu langit bermula dari terbenam matahari hingga ia terbit kembali.

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

VIII. KETIKA MASUK KE DALAM MASJID

RASULULLAH Sallallahu 'Alaihi Wasallam apabila masuk ke dalam masjid, Baginda membaca:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: "Ya Allah, ampunkanlah segala dosa-dosaku dan bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmat-Mu." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

ix. Ketika keluar dari masjid

Apabila keluar dari masjid, Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam membaca:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي وَافْتَحْ لِي أَبْوَابَ فَضْلِكَ

(رواه ابن ماجه)

Maksudnya: "Ya Allah, ampunkanlah segala dosa-dosaku, dan bukakanlah bagiku pintu-pintu kelebihan-Mu." (Hadis riwayat Ibnu Majah).

x. Ketika ruku'

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh 'A'isyah Radiallahuanha bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam ketika ruku' membaca:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Maha Suci Engkau Ya Tuhan kami, dan dengan memuji Engkau, Ya Allah ampunkanlah aku." (Hadis riwayat Muslim).

xi. Ketika sujud

Pada ketika sujud, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga membaca:

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا وَبِحَمْدِكَ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan dengan memuji Engkau, Ya Allah ampunkanlah aku." (Hadis riwayat Muslim).

Kemudiannya Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam membaca:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذَنْبِي كُلَّهُ دِقَّةَ وَجِلَّةِ وَأَوْلَهُ وَأَجْرَهُ وَعَلَانِيَةً وَسِرَّهُ

(رواه مسلم)

Maksudnya: "Ya Allah, ampunkanlah atas semua dosa-dosaku, baik yang halus mahupun yang besar, baik yang awal mahupun yang akhir dan baik yang terang mahupun yang tersembunyi." (Hadis riwayat Muslim).

xii. Ketika duduk di antara dua sujud

Apabila duduk antara dua sujud, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan membaca:

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاجْزِلْنِي وَأَرْزُقْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَأَعْفُ عَنِّي

Maksudnya: "Ya Allah, ampunkanlah aku, rahmatilah aku, bantulah aku, muliakanlah aku, berikanlah rezeki kepadaku dan berikanlah petunjuk kepadaku dan berikanlah kemaafan kepadaku."

Doa seumpama ini diriwayatkan dalam beberapa hadis Nabi Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam juga membaca:

رَبِّ اغْفِرْ لِي رَبِّ اغْفِرْ لِي

(رواه نسائي)

Maksudnya: "Wahai Tuhanku, ampunkanlah aku, ampunkanlah aku." (Hadis riwayat an-Nasai'e).

# JANGAN LUPA BERISTIGHFAR!


  
**IRSYAD HUKUM**  
 DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN  
 JABATAN PERDANA MENTERI  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
  
 Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti  
 E-mail : mufti@brunet.bn  
 Fatwa@brunet.bn

**Bilangan 233  
Bahagian Ketiga**

xvi. Sesudah menguburkan mayat

Memohon ampun untuk mayat yang telah dikuburkan merupakan perbuatan Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang patut dicontohi. Ini merupakan doa buat mayat tersebut agar dosa-dosa yang dilakukannya akan diberi keampunan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Utsman bin Affan Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam apabila selesai menguburkan mayat, maka Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam akan berhenti lantas bersabda kepada orang yang hadir yang maksudnya:

"Mohonlah ampun kepada Allah untuk saudara kamu yang telah dikuburkan dan pohonkanlah baginya keteguhan dalam menjawab apa yang ditanyakan kepadanya. Sesungguhnya dia sekarang sedang disoal." (Hadis riwayat Abu Daud).

xvii. Ketika berjumpa dengan sesama muslim

Daripada Al-Bara' bin 'Azib Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Apabila bertemu dua orang muslim, kemudian keduanya bersalam, memuji Allah dan memohon ampun kepada Allah, nescaya diampunkan oleh Tuhan akan keduanya." (Hadis riwayat Abu Daud).

xviii. Ketika gerhana matahari

Membaca zikir, doa dan istighfar ketika berlakunya gerhana matahari adalah anjuran Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam agar manusia akan terhindar dari bala dan azab dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Diriwayatkan dari Abi Musa Radiallahuanhu bahawa pada suatu ketika telah berlaku gerhana matahari. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bangun dari tempat duduknya dalam ketakutan, takut-takut akan berlaku hari kiamat. Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam lantas pergi ke masjid dan sembahyang dengan berdiri, ruku' dan sujud yang panjang. Abu Musa Radiallahuanhu hanya memerhatikan perbuatan Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Baginda kemudiannya bersabda yang maksudnya:

"Inilah tanda-tanda yang diutuskan Allah, bukan kerana kematian seseorang dan bukan kerana hidupnya seseorang (lahir), tetapi Allah menakutkan hamba-hamba-Nya dengannya (tanda-tanda itu). Maka apabila kamu melihat sesuatu seperti itu, bergegaslah kamu mengingati Allah dan berdoa kepada-Nya dan memohon ampun kepada-Nya." (Hadis riwayat Bukhari).

**BERSAMBUNG**

## Malam Lailatulqadar punyai keberkatan, kelebihan amat besar

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qadr ayat 3 yang bermaksud: "Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan."

Pada Malam Lailatulqadar, Malaikat turun ke dunia disertai oleh Jibril Alaihissalam untuk memberikan penghormatan kepada orang-orang yang melakukan ibadat serta untuk memberikan salam sejahtera kepada penduduk bumi. Pada malam itu juga Allah Subhanahu Wata'ala memberi keampunan kepada setiap orang yang bertaubat dan dibuka pintu langit bermula terbit matahari hingga ia terbit kembali.

Oleh yang demikian sempena kita berada di bulan yang mulia ini, marilah kita melipatgandakan usaha kita untuk beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana pada bulan Ramadan ini terdapat satu malam yang dinamakan sebagai Lailatulqadar iaitu satu malam yang mempunyai satu keberkatan dan kelebihan yang amat besar. Pada malam itu Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan keberkatan, kemuliaan, kerahmatan dan kesejahteraan kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam yang melakukan ibadat pada saat tersebut. Kerana ibadat yang dilakukan bertepatan dengan malam tersebut akan memperolehi pahala yang berlipat ganda.

Allah Subhanahu Wata'ala merahsiakan bila terjadinya Malam Lailatulqadar itu dari pengetahuan kita dengan tujuan supaya kita memperbanyakkan ibadat dan amal kebajikan di sepanjang bulan Ramadan, kerana Malam Lailatulqadar itu hanya datang sekali dalam setahun. Sebahagian besar ulama mengatakan bahawa Lailatulqadar itu terbatas pada sepuluh malam terakhir di bulan Ramadan. Di antara sepuluh malam terakhir inilah diandaikan berlakunya Lailatulqadar dan besar kemungkinan ianya berlaku pada malam berangka ganjil di antara malam-malam yang sepuluh itu ialah sama ada pada malam ke 21 atau 23 atau 25 atau 29. Fakta ini berdasarkan kepada hadis dari Abi Salamah berkata bahawa Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Carilah Lailatulqadar pada malam-malam yang ganjil pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadan." (Riwayat Al-Imam Bukhari).

Di antara alamat atau tanda berlakunya malam Lailatulqadar itu ialah malam terse-

but berkeadaan sunyi sepi penuh ketenangan serta bercahaya. Suasana segar tidak panas dan tidak pula sejuk, tetapi sederhana. Keadaan ini berterusan sehingga terbit fajar. Tanda-tanda yang lain ialah pada waktu pagi, matahari akan naik berwarna putih, tidak memancarkan cahaya atau sinar yang terang. Keadaan ini ada diterangkan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dari Ubay bin Ka'ab Radiallahuanhu yang bermaksud: "Sesungguhnya malam Lailatulqadar itu ialah satu malam yang paginya matahari terbit dengan tidak bersinar (teduh dan putih cerah)."

Bagi seseorang yang ditakdirkan bertemu dengan Malam Lailatulqadar tersebut, maka hendaklah ia memperbanyakkan doa memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala daripada segala dosa yang telah dilakukan dan hendaklah kita mempertingkatkan amalan dengan menghidupkan malam-malam tersebut dengan melakukan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta membangunkan ahli


  
**Menuju Keredaan Allah**  
 كلولان قوسه دعوه اسلاميه

keluarga untuk bersembahyang beriktikaf di masjid dan sebagainya.

Adalah amal ibadat yang dilakukan pada Malam Lailatulqadar itu besar ganjarannya, maka beruntunglah bagi siapa yang melakukan amal ibadat pada Malam Lailatulqadar itu. Keuntungan yang diperolehinya adalah besar dan tidak ternilai harganya.

Oleh yang demikian, janganlah kita membiarkan Malam Lailatulqadar itu berlalu begitu sahaja tanpa sebarang usaha untuk merebut peluang yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita mempertingkatkan amal ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan memperbanyakkan melakukan sembahyang-sembahyang sunat, membaca Al-Qur'an, berzikir, terutama sekali pada malam sepuluh terakhir bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga segala amal ibadat yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan itu akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta memperolehi Lailatulqadar yang diharapkan oleh setiap orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal'alamin.

# MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

## Berlumba-lumba membuat kerja amal

**S**ELAMAT menyambut Ramadan kepada sekalian umat Islam di negara ini. Sesungguhnya bulan Ramadan merupakan salah satu bulan kebesaran Islam yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti individu, keluarga dan umat Muslimin sekalian. Sempena bulan penuh mulia dan keberkatan ini, kita sebagai umat Islam seharusnya perbanyakkan ibadat dan amalan kita. Mudah-mudahan setiap amalan yang kita lakukan akan dikurniakan ganjaran sebagaimana dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Kerana Ramadan merupakan bulan yang istimewa dan muncul hanya setahun maka sudah selayaknya kita memperlakukannya dengan istimewa pula. Perlakuan istimewa yang dimaksudkan adalah memperbanyakkan amal ibadat dan perbuatan baik di bulan Ramadan sekadar yang termampu kerana setiap amal dan perbuatan yang dilakukan akan digandakan pahalanya oleh Allah kerana kelebihan bulan ini.

Sebaik amal ialah memperbanyakkan sedekah dan bantuan kepada fakir miskin, anak-anak

yatim dan perempuan-perempuan yang janda. Umat Islam dianjurkan untuk mengeluarkan impak dan sedekah kepada golongan yang tidak berkemampuan. Malah, bulan Ramadan mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan amalan bersedekah seperti yang diriwayatkan dalam sebuah hadis oleh Anas bin Malik, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam ditanya, "Apakah sedekah yang paling utama?" Baginda menjawab, "Sedekah yang dilakukan di bulan Ramadan." Jadi kita sebagai umat Islam digalakkan untuk bersedekah di bulan Ramadan.

Kita juga akan mendapat ganjaran yang berganda jika melakukan amalan-amalan yang bermanfaat di bulan ini. Ini terdapat dalam suatu riwayat yang mengatakan bahawa suatu sembahyang sunat pada bulan Ramadan dikira pahalanya seperti pahala sembahyang fardu. Sedangkan pahala sembahyang fardu pula digandakan pahalanya sama seperti pahala tujuh puluh sembahyang pada selain bulan Ramadan. Alangkah ruginya orang yang mensia-siakan peluang

ini bagi memperoleh ganjaran yang berganda.

Selain itu, amalan-amalan yang sebaiknya diperbanyakkan di bulan Ramadan ialah seperti membantu ibu dan bapa bagi mereka yang masih mempunyai orang tua yang masih hidup. Inilah saatnya untuk kita berbakti dan beramal soleh kepada orang tua lagi, sebaiknya pergi menziarahi kubur mereka dan membacakan serta menyedekahkan ayat-ayat suci Al-Qur'an kepada mereka.

Malah kita digalakkan untuk memperbanyakkan membaca Al-Qur'an dan memahami makna-maknanya kerana pada bulan ini Allah telah menurunkan kitab suci Al-Qur'an kepada Nabi Muhammad dan umatnya. Kita juga digalakkan untuk menghadiri majlis ilmu iaitu mendengarkan bacaan Al-Qur'an atau ceramah di mana-mana sahaja sama ada setelah subuh atau sunat sebelum Sembahyang Sunat Tarawih. Juga memperbanyakkan iktikaf di masjid, terutama sekali pada sepuluh hari terakhir dari bulan Ramadan kerana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam selalu beriktikaf pada masa itu.

Sebagai seorang muk-

### TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Hari Raya - Sambut Dengan Rasa Syukur'. Tarikh tutup 25 Oktober 2006.
2. 'Persiapkan Hari Raya Lakukan Dengan Sederhana'. Tarikh tutup 1 November 2006.
3. 'Peranan Brunei Dalam APEC'. Tarikh tutup 8 November 2006.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,  
Minda Pembaca,  
Unit Pelita Brunei,  
Jabatan Penerangan,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas,  
Bandar Seri Begawan, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam,  
jaafar.ibrahim@information.gov.bn.  
e-mel: pelita@brunet.bn

**MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hidupkan Ramadan Dengan Banyakkan Sedekah dan Kerja Amal'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:**

min itu haruslah memperbanyakkan amal ibadat pada bulan Ramadan dan berlumba-lumba untuk mengerjakannya, demikian pula hendaknya ia menjauhkan dirinya dari perkara-perkara yang dilarang oleh agama. Sebab maksiat dalam masa-masa yang dimuliakan Allah itu adalah dosanya amat besar dan berganda-

ganda, samalah seperti bergandanya pahala terhadap amal ibadat dan kebajikan pada bulan yang mulia itu.

**Siti Ummi Hani binti Haji Mat Johari, No. 7, Simpang 127-32, STKRJ Kampong Rimba, Gadong, BE 3119. No. k/p: 00-295097.**

menurunkannya (Al-Qur'an) pada malam Al-Qadar dan tahukah kamu apakah malam Al-Qadar itu, malam Al-Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan." (Surah Al-Qadr ayat 1 - 3).

Turunnya Al-Quran pada bulan Ramadan dan dianugerahkan 'Lailatul-qadar' pada bulan Ramadan adalah bukti kemuliaan dan kebesaran Allah Ta'ala. Kita bersyukur kerana setiap kali datang Ramadan, surau dan masjid dipenuhi kehadiran para jemaah menunaikan Sembahyang Sunat Tarawih serta ibadat-ibadat sunat yang lain. Namun dalam masa yang sama, terdapat segelintir masyarakat Islam yang tidak menghormati Ramadan.

Oleh yang demikian marilah kita sama-sama merebut peluang keemasan ini dengan memperbanyakkan zikir, beristighfar memperbanyakkan membaca Al-Qur'an me-

lakukan sembahyang-sembahyang sunat dan sebagainya terutama Sembahyang Sunat Tarawih dan Sunat Witir yang amat dituntut dan afdal dilakukan secara berjemaah.

Berbekalkan keimanan dalam diri, marilah kita berusaha secara bersungguh-sungguh serta dengan niat yang ikhlas untuk memperbanyakkan amal ibadah di sepanjang bulan Ramadan ini mudah-mudahan perjalanan ibadat di bulan suci ini dapat kita sempurnakan tanpa halangan dan akan membawa balasan berupa pahala sebanyak-banyaknya.

**Hajah Siti Ajjah binti Haji Ali, No. 746 'C', Simpang 780, Kampong Serdang, Jalan Kota Batu, BD 2117. No. k/p: 00-128431.**

## Kelebihan bersedekah

**'H**IDUPKAN Ramadan Dengan Banyakkan Sedekah dan Kerja Amal'. Sedekah menceriaikan, mengembirakan dan menyucikan hati orang kaya dan kurang bernasib baik.

Kekayaan dan kemiskinan adalah merupakan suatu ujian ke atas diri manusia. Harta kekayaan itu memang sukar dicari tetapi jika ia datang kadangkala berlimpah-limpah sehingga tidak terduga. Orang yang kaya jika tidak dipandu dengan iman, pasti harta kekayaan ini menjadikan dirinya binasa, yang bakhil lagi sangat kufur akan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala. Ada kalanya bakhilnya melampaui batas, sehingga scandainya harta dibelanjakan atas dirinya, ia merasa sayang.

Orang kurang bernasib baik pula, jika tidak bersabar akan ujian yang tertimpa atas dirinya, pasti banyak pula kejahatan-kejahatan yang dilakukan, contohnya mencuri harta benda orang lain akibat dari desakan kehidupan. Kerana itulah Islam menggalakkan umatnya bersedekah lebih-lebih lagi dalam bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang kira-kira bermaksud:

*"Perumpamaan orang-orang yang membelanjakan harta mereka (bersedekah) pada jalan Allah laksana sebiji (benih) yang tumbuh menjadi tujuh tangkai, di setiap tangkai ada seratus buah. Dan Allah akan melipatgandakan ganjaran-Nya kepada siapa yang disukai-Nya dan Tuhan itu Maha Luas pemberian-Nya dan Maha Mengetahui."*

Keterangan ayat di atas telah membuktikan kepada kita akan kelebihan bersedekah pada jalan Allah. Allah Subhanahu Wata'ala telah mengumpamakan pemberian (sedekah) itu seperti sebiji benih yang akan tumbuh menjadi tujuh tangkai dan di setiap tangkai itu pula ada seratus buah.

Bersedekah juga merupakan tanda keimanan seorang Islam kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan bersedekah ini akan dapat mewujudkan suasana sifat berbelas kasihan, berkasih sayang dan juga tolong-menolong antara orang kaya dengan orang kurang bernasib baik. Orang kaya yang bersedekah kepada orang yang memerlukan pasti akan mengembirakan hati orang yang kurang bernasib baik. Orang yang kurang bernasib baik pula akan merasa bersyukur kerana dengan sedekah yang dihulurkan kepadanya akan dapat merasakan nikmat Allah Subhanahu Wata'ala yang sebelum ini dia tidak pernah merasa nikmat.

Dengan jalan bersedekah, sekurang-kurangnya akan mengingatkan hati orang kaya tentang kesusahan dan akan dapat mengembirakan hati orang kurang bernasib baik dan nikmat kesenangan seterusnya akan wujud suasana berkasih sayang, berbelas kasihan dan bertolong-tolongan. Orang kaya dan orang kurang bernasib baik pula akan saling mendoakan bagi kebaikan masing-masing. Imam Nawawi mengatakan bukti kukuhnya iman ialah dengan bersedekah kerana biasanya orang munafik boleh bersembahyang, tetapi tidak mudah untuk bersedekah.

Sebuah kisah yang diceritakan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah bertanya kepada Mu'az:

*"Mahukah engkau, aku tunjukkan pintu-pintu kebaikan?"*

*Mu'az menjawab;*

*"Ya."*

Maka Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pun menerangkan: *"Puasa itu adalah benteng dan sedekah memadamkan kesalahan (dosa) laksana air yang memadamkan api."*

**Abdul Hadi bin Abdul Sani, Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan Jalan Tutong. No. k/p: 00-307242.**

## Banyakkan sedekah dan kerja amal

**R**AMADAN datang lagi, rasa syukur ke hadrat Ilahi kerana dipanjangkan usia dapat bertemu Ramadan kali ini, segala puji kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan Ramadan kali ini memberi impak positif dalam pembentukan personaliti diri dan masyarakat amnya.

Ibadat puasa yang dilakukan dengan niat ikhlas mengabdikan diri kepada Allah mendapat balasan yang amat istimewa dan tiada tandiannya.

Puasa turut menjadi benteng yang kukuh mengelak diri daripada terpengaruh daripada melakukan perbuatan yang tercela. Budi pekerti yang mulia hasil melakukan ibadat puasa ialah bersedekah pada bulan Ramadan.

Sikap ini bertepatan dengan galakan yang dinyatakan oleh Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bahawa seutama-utama sedekah ialah yang dilakukan pada bulan Ramadan. Sebab itu amat ditekankan agar menghulurkan sedekah walaupun dalam bentuk wang dan barang keperluan. Sedekah berupa makanan juga amat digalakkan dilakukan pada bulan Ramadan seperti kebiasaannya menjelang Ramadan kebanyakan masyarakat di negara ini mengadakan Majlis Bertahlil dan Doa Arwah bagi menambahkan lagi hubungan silaturahim di kalangan kita.

Sesiapa yang menyediakan hidangan berbuka puasa kepada orang yang berpuasa akan beroleh pahala puasa orang yang berbuka itu tanpa sedikit pun pahala orang itu berkurangan.

Justeru, pada bulan Ramadan yang diberkati ini perlu ditekankan sifat bersedekah dan membantu orang yang memerlukan.

Di sebalik ibadat puasa tersimpan tujuan agar lahir rasa keinsafan dan bersyukur akan nikmat yang dirasai berbanding orang lain yang hidup lebih menderita. Kedatangan Ramadan itu juga adalah rahmat Allah kepada manusia.

Ramadan mempunyai banyak keistimewaan yang tersendiri. Allah memuliakan Ramadan, Rasulullah juga memuliakan Ramadan. Kita juga patut sama-sama menghormati dan memuliakan Ramadan. Allah Subhanahu Wata'ala menjelaskan dalam Al-Qur'an, "Bulan Ramadan adalah bulan yang di dalamnya diturunkan padanya Al-Qur'an untuk menjadi petunjuk kepada manusia. Dan beberapa keterangan yang nyata, merupakan petunjuk dan pemisah antara yang hak dan yang batil." (Surah Al-Baqarah ayat 185). Firman-Nya lagi: "Sesungguhnya Kami telah

**TIP FOTOGRAFI**

# TIP MENGGILAP FOTO DIGITAL AWDA

Rahsia ke-16: GUNAKAN MOD PILIHAN

**K**EBANYAKAN kamera-kamera sekarang mempunyai mod-mod pilihan untuk mengambil gambar seperti landskap, redup, terang-benderang, dalam bangunan, malam dan lain-lain. Tukar mod pada kamera awda untuk menyesuaikan situasi bagi mendapatkan syot-syot yang baik, kerana kamera mempunyai pilihan terbaik kelajuan pengatup, denyar dan dedahan lain bagi menghasilkan gambar yang berkualiti.



PERHATIKAN bagaimana pantulan-pantulan membuat imej ini terserlah.

OLEH : HM YUSOF

Air adalah elemen hebat dirakamkan dalam gambar-gambar awda, kerana pantulannya akan menimbulkan imej gambar awda menonjol. Perhatikan air di sekitar awda bila awda menggambar. Pantulan pantulan dari cahaya atau percikan warna membantu persekitaran imej itu.

Waktu hujan adalah pilihan terbaik kerana lopak dan takungan air berada di mana-mana.

Tip Tambahan: Mengambil gambar hanya pantulan-pantulan dan membiarkan bentuk

**SIRI KEENAM BELAS**

subjek begitu saja akan menghasilkan imej-imej abstrak.

Selamat berkarya.

Semua istilah fotografi yang digunakan adalah istilah rasmi 'Buku Istilah Fotografi' yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Brunei Darussalam - MAB-BIM - Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

**Bersambung**

**ISTILAH-ISTILAH FOTOGRAFI TERKINI :**

Bahasa Inggeris	Bahasa Melayu
Safelight filter	Turas cahaya selamat
Safety film	Filem keselamatan
Saturated colour	Warna tepu
Scattered light	Cahaya serakan
Scale focusing	Pemfokusan skala
Secondary colour	Warna sekunder
Scratch-protective backing	Salutan pelindung calar
Secondary flash	Denyar sekunder
Selective focusing	Pemfokusan memilih
Self-timer	Pemasa sendiri

**PELITA BRUNEI** akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

**SYARAT PERADUAN**

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

**HADIAH-HADIAH MENARIK**

- Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

**TARIKH TUTUP**

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan soalan Alai Pintar 743 keluaran 4 Oktober 2006, ialah :

Bangunan Sekolah Vokastonal, Lambak Kanan.

**Pemenang bagi Soalan Alai Pintar 743 keluaran 4 Oktober 2006**

- |   |  |   |
|---|--|---|
| Md. Abd. Muttaqin bin Haji Ahmad,<br>Sekolah Rendah Learning Three,<br>Umur : 5 tahun | Irda Suriiana binti Haji Bujang,<br>Sekolah Rendah Haji Md. Salleh,<br>Umur : 11 tahun | Muhd. Efwad Rashlyad bin Samle,<br>Sekolah Riverside,<br>Umur : 7 tahun |
|---|--|---|

## ALAI PINTAR

**ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN**



**SOALAN ALAI PINTAR 745**

- Apakah nama bangunan ini?  
.....  
.....
- Di manakah letaknya?  
.....  
.....

**BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 745**

Nama : .....

Umur : .....

Alamat : .....

Telefon rumah (jika ada) : .....

Sekolah : .....

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,  
Ruangan Alai Pintar, 745,  
PELITA BRUNEI,  
Jabatan Penerangan,  
Jabatan Perdana Menteri,  
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,  
Negara Brunei Darussalam.

**REMAJA**

## KEHEBATAN ILMU

OLEH : H. A. MANAP

**K**INI kita sudah berada di penghujung bulan Ramadan yang penuh dengan keberkatan, bulan yang di dalamnya dihiasi dengan pelbagai keindahan ibadah terutama sekali laungan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an berkumandang menghiasi suasana malam Ramadan. Di bulan inilah Al-Qur'an telah diturunkan kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, untuk menjadi petunjuk ke jalan yang benar bagi mereka yang mahu beriman dengannya. Al-Qur'an yang mengandungi pelbagai pengajaran yang menyeluruh dan melengkapi kehidupan di pelbagai bidang. Al-Qur'an itu terhimpunnya ilmu pengetahuan yang sangat luas dan menyeluruh. Justeru kewajaran kita untuk memahami dan mempelajari Al-Qur'an itu adalah merupakan kewajipan yang tidak boleh diabaikan. Andainya kita mahu menjadi orang yang hebat dan berilmu pengetahuan adalah wajar kita memiliki pemahaman yang mendalam tentang Al-Qur'an.

Tidak ada siapa yang dapat menafikannya, bahawa di dalamnya terkandung keluasan ilmu yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan agar kita memahami dan akan bertambah kuat keimanan kita kepada-Nya. Di sinilah letaknya pelbagai ilmu pengetahuan yang sepatut menjadi sumber rujukan utama kepada kita semua. Hal ini akan lebih bermanfaat besar lagi bagi kita umat Islam sendiri. Generasi muda remaja tidak boleh lalai dan hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mempelajari dan mengkaji secara mendalam akan isi yang terkandung di dalamnya. Kehebatan ilmu kini menjadi hal utama yang tidak boleh kita abaikan lagi. Kerana melalui ilmu yang tinggi dan pengetahuan yang mendalam akan mampu mengangkat darjat dan kualiti kehidupan masyarakat. Generasi muda belia akan lebih terserlah dan beribwaha, andainya perhatian mendalam lebih ditumpukan kepada pengajian dan penelitian terhadap isi kandungan Al-Qur'an itu sendiri. Lihatlah kepada sejarah agung yang telah dibentuk semasa Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memimpin para sahabat.

Mereka menjadi umat dan juga generasi yang teguh keimanan, tinggi semangat juang dan mampu berdepan dengan pelbagai cabaran, hatta cabaran yang diidepani itu merupakan suatu yang amat pahit untuk dilalui. Semua ini terjadi kerana nilai dan kualiti yang ada pada mereka adalah merupakan nilai dan kualiti yang tidak mudah luntur. Kehebatan mereka adalah kerana kekuatan iman yang terasuh dari tarbiyah yang dibina oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Mereka terlalu ampuh dan teguh, kekuatan ini adalah resipi dari kesedaran dan keinsafan mereka yang lahir dari nurani yang bersih dan tulen. Mereka diasuh dengan keberkatan dan ketinggian nilai Al-Qur'an yang membina mereka menjadi orang yang berilmu dan berpengetahuan tinggi. Mereka mampu mengurus dengan sebaiknya, menjadi pemimpin yang beribwaha dan berkualiti tinggi dan mereka mampu mengatur strategi peperangan yang begitu tangkas sehingga kemenangan demi kemenangan bagi umat Islam terus diperolehi. Kenapakah keadaan ini berlaku, tidak lain jawapannya hanyalah kerana kehebatan ilmu yang ada pada mereka.

Mereka tidak pernah mencuaikan setiap ajaran dan pendidikan yang disampaikan oleh Baginda Nabi kepada mereka. Lebih hebat lagi mereka akan sentiasa berlumbalumba untuk memperolehinya. Justeru adalah wajar jika raja dan pemimpin negara yang kita kasihi menitahkan agar ilmu itu dituntut dan dipelajari agar kita menjadi bangsa dan orang yang hebat. Orang yang hebat dan istimewa kerana ilmu adalah mereka yang amat disegani. Orang yang berilmu pengetahuan tinggi adalah mereka yang mampu berperanan untuk mencorakkan dan membina tamadun kehidupan yang berkualiti tinggi. Kehebatan ilmu menjadikan seseorang itu bijak merancang dan melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan. Ilmu pengetahuan yang digunakan untuk membina kekuatan berbangsa dan bernegara akan mempunyai jangkauan yang jauh. Skop pemikiran dan dimensi idea akan berkembang dengan begitu kreatif.

Di negara kita kemudahan untuk menambahkan dan mempertingkatkan ilmu pengetahuan adalah merupakan suatu yang amat istimewa. Pelbagai kemudahan dan tempat disediakan agar ilmu pengetahuan itu dapat diperolehi dengan mudah. Di sinilah bermulanya berkembang dan majunya kehidupan orang-orang kita. Kita akan hanya dapat mengangkat kehidupan ini ke tahap yang lebih baik dan sempurna andainya kita mampu meraih setingginya ilmu pengetahuan yang ada. Kita tidak boleh lagi memandang sesuatu cuma dengan berdasarkan pandangan akal yang tidak disertai dengan ilmu pengetahuan yang betul dan bersesuaian. Justeru adalah wajar kita memberikan tumpuan yang amat serius, apatah lagi hal ini amat penting dan amat diperlukan oleh generasi muda belia. Mereka perlu kepada pengetahuan dan kemahiran agar kehidupan yang akan mereka tempuhi akan mampu diidepani dengan sebaiknya.

Kini masa yang berlalu sudah semakin menuntut kita untuk menyatakan sejauh mana tahap dan kemampuan ilmu pengetahuan yang kita ada. Jika kita mampu meraih ketinggian ilmu tersebut dengan sebaiknya maka akan mudahlah terangkat nilai kehidupan. Sekiranya ini mampu berlaku baru kita dapat melihat pembaharuan yang dinamik dan progresif berlaku.



NGIN bertipu sederhana sehingga kelihatan olehku pokok-pokok menari-nari. Ramai sanak saudara ayah dan emakku datang berkumpul ke rumah untuk menghadiri Majlis Akad Nikah adikku iaitu Rahiman. Kelam-kabut juga rasa ayahku kerana jemputan setengah jam lagi akan bermula tetapi segala persiapan seperti makanan dan minuman belum lagi siap tersedia disusun di atas meja.

"Ya Allah! Alum lagi besusun naindah ani kah? Pukul berapa sudahkan ni? Karang sudah ada orang datang baru tah kamu kan sibuk berabut-rabut."

"Tunggu dulu dih, lakat lagi orang mengarat-ngarat kuih, ani menunggu si Rahiman lagi kan membawa bingkak susu. Sabar jua dih siap jua karang tu bah," balas Hajah Salbiah emak aku.

"Awu, banar pulang siap tu ganya mana terasa masa ani belalu. Lagi ah cuba tah kalau siapa kan membawa makanan atu awal-awal tah bah inda payah kan ditunggu-tunggu. Nya orang awal siap sanang hati," balas ayah pula.

"Bah awu, kan disusun tah ni nah jangan tah bising dih. Bah wang ... dang, susun tia makanan yang sudah siap atu nyamu karang inda beranti kunyanyangnya. Susun bisai-bisai di atas meja atu ah."

"Minuman siap sudah betuang kah?" tambah ayahku lagi.

"Agatah cuba liat di kem belakang ah, ani aku ditanyanya," balas emak pula.

"Nini laki! Minta kuih warna kuning ah," pinta Saufik anakku.

"Doi malai kasian jua cucuku ani." Eh! Rahizah unjukanku sekarat dih kuih apam ah ni kan membari si Saufik ah." Ayah lalu memberikan kuih kepada Saufik sambil membelai-belai rambut Saufik yang lebat itu.

"Pa! Ada orang datang kan bejumpa kita," panggilku sambil mencubit kedua-dua pipi Saufik yang gemuk itu.

"Siapa? Inda kau suruh ia masuk dulu."

"Sudah ku suruh ia masuk tapi katanya inda payah kan gagas ia nya." Aku lalu tunduk mengambil kuih yang dipotong-potong oleh mereka dan memakannya.

"Agatah liat dulu dih. Siapakah." Kata emakku lalu berdiri dan membasuh tangannya.

"Assalamualaikum!"

"Walaikumsalam ... Eh! Haji Samad. Cuba tah masuk dulu ani di luar tah pulang. Mana pebinian?"

"Tu dalam kereta ah. Sebenarnya kami ani gagas jua kan arah orang nikah, ni anak buah biniku ah, jadi minta maaf kami eh inda tah kami dapat mengaga satu acara pun arah kita mana jua ulah semua bebaya lagipun seminggu ani tidur di sana kami kelurusan jua cuti sekolah ani," kata Haji Samad sambil mengunjuk surat putih kepada ayahku.

"Bah terima kasih. Eh, tunggu dulu bawa makanan ah! Babunya! Tapaukan dih makanan ah untuk Haji Samad."

"Bah tunggu tah dulu sekajap membungkus dulu."

"Eh! Jangan tah susah-susah eh."

"Biar tia untuk bata kamu makan dalam kereta ah. Tunggu dulu sekajap eh," balas bapaku.

"Bah siap sudah? Lakas tah."

"Nah ambil tia dulu nah yang sudah ku bungkus ani," sahut Mariani.

"Eh! Awal jua kau menapau ani karang inda cukup naindah ah," kataku kepada isteriku.

"Banyak jua kali ah kuih ani," balas Mariani.

"Tau pulang ku banyak tapi biar tah dulu sediakan banyak extranya karang takut kitani inda cukup."

"EH! Kenapamu lagi banyak-banyak kau ambil ani. Ani ada jua sudah ni bebungkus ah. Ani pun panuh plastik diasak-asaknya, ujung-ujung kuyak jua karang plastik ani. Meliat orang kiri kanan eh!" balas Hisham pula sambil memerhatikan orang-orang yang masih ada.

Lurus tah ramai orang datang? Kitani jua malu tu."

"Biar tia si Mariani menapau kuih atu Firdaus eh atupun yang belabih jua tu. Ani bisdurang semua ah mengambil jua awal sudah sedikit semacam bukannya si Mariani saja," balas emakku.

"Awu eh si Firdaus ani jua eh atu pun kan dihebohkan. Nah liat tah nah aku pun menapau sudah," kata Rahizah kakakku.

"Adihhh ... rupanya, mana saja tah kamu. Bah mana lagi yang sudah siap ani kan ku angkat tarus." Sahutku lalu diam sambil memerhatikan kuih-kuih yang disusun dalam piring.

"Panas cuaca atu eh balum tah jua hujan-hujan

tapi kalaikan menjamur nindah lakas pulang karing ni," kata Sharifah sepupuku.

"Awu, banar tu. Nah! Ani jua si Rahimah datang membawa bingkak susu," balas Siti Rohani sepupuku.

"Bah, Mah! Lakas tah sedikit karang ruih lagi bapa. Ani akhir sudah," bisikku kepada Rahimah.

"Kenapakan? Sempat jua lagi ni," balas Rahimah.

"Eh, Firdaus! Bah adang tah kan bekunyanyang saja angkat tia kuih ah dulu karang meliat bapamu ruih ia lagi ni. Bah, Rahimah! Karat ca kuihmu akhir sudah ni karang ada orang datang," kata emakku.

"Kan dikarat tah ni."



OLEH : QISHRA

# TAPAU

plastik."

"Plastik apa?"

"Katanya untuk bungkus makanan."

"Cuba kau liat arah bakul warna hijau atas ais-bok atu." Balasku arah bibi yang baru tiga bulan bekerja di rumahku.

"Bang! Bapa sama mama kan balik."

"Kan balik? Eh! Kau bungkuskan sudah naindah?"

"Awu, ni kan mengambil tah ku ni."

"Campur ampit sudah? Kalau inda ambikan lagi nah. Banyak labihnya ni"

"Bah minta ca lagi."

Malam Jumaat acara malam berbedak. Aku hairan melihat pengangun adikku turun naik, turun naik macam mencari sesuatu yang tidak dapat dicarinya tapi di wajahnya kulihat seperti orang dalam kegelisahan. Aku tidak peduli dengan semua itu yang penting bagiku sekarang ani semua kerja sudah siap aku buat lebih awal.

"Siap sudah besusun nindah Firdaus?" tanya ayah.

"Awu. Siap sudah semua besusun pa."

"Bah banar tah tu." Kata ayah turun ke ruangan bilik tamu di bawah.

"Firdaus!" panggil Rahimah keluar dari biliknya.

"Eh! Balum lagi kau beusai?"

"Ia tah ni. Cuba ka liatkan kawanku si Herwan di dapan jalan atu katanya kan sampai ia sudahnya. Kalau ia ada suruh ia masuk ah, ani akhir sudah ingau hatiku ujung-ujung karang inda beusai aku ah. Kesianku meliat pengangun ah ingau hatinya aku balum beusai," kata Rahimah yang kelihatan resah.

"Sabar! Siap jua karang tu awal jua masih ni. Andang pakai saja bajunya atu."

"Orang bedikir datang sudahkah?" tanya Rahimah pula.

"Tu di bawah ah be-dudukan, baru jua datang."

"Jemputan ada sudah datang?"

"Ada pulang jua sudah. Bah aku keluar meliat dulu mana tau ada ia sudah."

"Ada sudah?" tanya pengangun.

ACARA pernikahan sudah berakhir dan jemputan ramai sudah yang meninggalkan tempat duduk dan pulang tetapi kelihatan beberapa orang yang masih duduk sambil bercerita-cerita dan ada di antaranya yang sedang mengemas-ngemas sambil di tangan mereka tidak lepas membawa plastik setiap seorang.

"Sabar Bu Ajah hah, inda lagi batah kan datang tah ni ya. Meliatku dulu di luar atu."

Kataku menenangkan mereka.

"Bah. Banar tah tu lai. Agatah!" kata pengangun.

Kira-kira pukul sembilan empat puluh lima minit acara serta jamuan makan selesai dan jemputan pun kelihatan bekurang. Masing-masing membawa buah tangan dari keluarga pengantin sebagai salah satu hadiah di atas kesudian hadir pada acara malam berbedak.

"Sharifah! Bah lakas tah," panggil Hisham kepada isterinya.

"Tunggu dulu bang, mengaut dagingku dulu."

"Eh! Kenapamu lagi banyak-banyak kau ambil ani. Ani ada jua sudah ni bebungkus ah. Ani pun panuh plastik diasak-asaknya ujung-ujung kuyak jua karang plastik ani. Meliat orang kiri kanan eh!" balas Hisham pula sambil memerhatikan orang-orang yang masih ada.

"Kenapa ruih-ruih ani?" tanyaku lalu menghampiri mereka sambil membawa dua piring berisi kuih dan kalupis.

"Untuk siapa tu Firdaus?" tanya Sharifah.

"Ni untuk dibawa ke dalam ah sayang jua. Kenapakan?"

"Mintaku sedikit dih kan ku bawa."

"Inda paidah-paidahnya kau liatkan ke sini Firdaus eh. Ani mun balum lagi abis balum lagi beranti ni. Kenapakan lagi ni? Inda jua karang bemakan."

"Eh! Abang ani tah. Kan ku bagi-bagi bah arah bis-dorang sebelah rumah kitani ah."

"Eh? Ada bisdurang kan? Indaku salah, balik kampong jua bisdurang masa cuti sekolah ani."

"Kalau inda ada, untuk kitani makan saja di rumah."

"Mana sajatah kau. Makan tah olehmu kanyang-kanyang."

"Bah, lakas tah eh. Firdaus! Balik kami, mana Tengah hah?" Panggil Sharifah bercampur geram.

"Jangan tah marah nah karang makin tua. Baibun pun inda dapatkah? Eh! Cukup sudah kau menapau

ani? Tu ada jua lagi tu! Sindir Hisham.

"Bah, lakas tah eh diri jua yang gagas tadi."

"Aku menunggu di kereta."

"Di mana kereta kan?"

"Tu bawah pokok depan ah. Indakan inda teliat?"

"Jauh jua?"

"Di mana jua lagi kan paking mun sudah kereta banyak tadi di sini."

"Nah bang! Bawakan ku antik ani." Pesan Sharifah lalu mengunjuk kepada suaminya.

Banyak jua antik kau ambil ani."

"Eh! Pembari si Mariani tu. Ambil saja, atu pun yang belabih jua katanya. Banyak cakap jua abang ani eh."

Malam makin pekat dan kelihatan bulan mengembang penuh dengan cahayanya yang terang menyuluh di celah-celah pohon-pohon yang berdiri di tepi-tepi sepanjang simpang jalan. Secara tiba-tiba dengan tidak disangka-sangka muncullah seekor anjing dan apabila Sharifah terlihat anjing itu alangkah terkejutnya ia lalu tanpa melengahkan waktu ia berlari ketakutan. Apalagi setelah anjing itu melihat Sharifah berlari, anjing itu menyalak tetapi tidak boleh mengejar kerana kelihatan lehernya dirantai dan terikat di depan pagar rumah kepunyaan seorang cina yang kebetulan juga tinggal di depan simpang itu. Habis semua makanan yang tergantung di tangan Sharifah berselerakan atas jalan itu dan beberapa orang sedang menyaksikan kejadian itu merasa gelihati melihat telatah Sharifah sehingga ada yang menggelengkan kepala sambil berpandangan sesama mereka di ser-tai ketawa.

"Kebeliangan ku kuyuk atu bang eh. Habis semua nindah ke bawa ah beguguran."

"Ia tah tu nah telampau tamak bah, nya urang cukup tah mana yang ada saja ani semua kan dirakus. Baik jua kuyuk atu beikat mun inda kana gigit kali tadi. Eh! Bukan inda laju kau belusir tadi atu kalau ikut lumba lari menang kali eh." Balas Hisham disambut dengan ketawanya yang nyaring.

"Lihat muka 9"



Dari muka 3

7. Pantun sebagai hiburan

Pantun seterusnya menggambarkan cara kehidupan masyarakat Melayu dari segi mendapatkan hiburan. Di dalam nyanyian rakyat seperti nyanyian lagu 'Rasa Sayang', nyata dapat memberikan hiburan kepada masyarakat Melayu yang menghasilkan sendiri cara mereka berlibur.

Di dalam majlis perkahwinan umpamanya, acara berbalas pantun dapat menghangatkan suasana dan memeriahkan lagi majlis berkenaan. Di samping itu, pantun secara tidak langsung juga dapat mengeratkan tali silaturahmi di antara sesama sekampung atau di antara kedua-dua belah pihak pengantin.

8. Untuk menguji minda

Pantun juga dicipta untuk tujuan mencabar ketangkasan fikiran misalnya dalam pantun teka-teki. Pantun sebegini begitu digemari ramai, khususnya golongan kanak-kanak. Keindahan yang terdapat di dalam pantun jenis ini melambangkan kreativiti si penciptanya. Contohnya:

*Walau dibungkus bukan kiriman,  
Sudah takdir Tuhan yang satu;  
Mesti ditanam bukan tanaman,  
Cubalah teka apakah itu?*

Menguji minda bukan hanya tertumpu pada pantun teka-teki saja, akan tetapi minda kita juga akan diuji dalam pantun-pantun yang amat sukar untuk difahami. Sememangnya, masyarakat Melayu pandai mengolah sesebuah pantun itu sehingga ia menjadi begitu sukar untuk diketahui makna yang tersirat di sebalik yang tersurat. Pendek kata, orang Melayu mampu menghasilkan pantun yang penuh simbolik, mempunyai makna yang mendalam. Sebagai contoh, perhatikan pantun di bawah ini:

*Cau Pandan anak Bubunnya,  
Hendak menyerang ke Melaka,  
Ada cincin berisi bunga,  
Bunga berladang si air mata.*

Gambaran lain tentang pantun ialah:

1. Menggambarkan sistem hidup masyarakat yang beraja.

Sebilangan pantun menggambarkan cara hidup masyarakat Melayu yang mempunyai pemimpin. Sebagai contoh, kita lihat petikan pantun 'Kemakmuran Negeri Perak' ini:

*Zaman Sultan Raja Iskandar,  
Membuat negeri di Pulau Cempaka;  
Eloknya pekan dengan bandar,  
Tempat dagang datang berniaga.*

2. Secara kasar menampakkan suasana tempat/lokasi

Penggunaan nama tempat banyak terdapat di dalam

# 'Sejauh mana PANTUN dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu'

pembayang pantun. Ini dapat dibuktikan dalam pantun di bawah ini:

*Pulau Pandan jauh ke tengah,  
Gunung Daik bercabang tiga;  
Hancur badan dikandung tanah,  
Budi yang baik dikenang juga.*

Biasanya penggunaan nama tempat dalam pantun adalah berdasarkan tempat-tempat yang benar-benar wujud. Merujuk pantun di atas, keistimewaannya ia ditambah dengan pernyataan lokasi tempat-tempat tersebut. Buktinya nama tempat 'Pulau Pandan' dan 'Gunung Daik' memang ada di Tanah Semenanjung, Malaysia.

3. Menggambarkan kegiatan harian masyarakat Melayu

Pantun selain mementingkan maksud dan fungsi, ia juga menggambarkan aktiviti harian masyarakat Melayu itu. Aktiviti yang dimaksudkan di sini ialah pantun secara langsung memaparkan cara orang Melayu mencari rezeki - iaitu melalui perniagaan, menangkap ikan di laut, bersawah padi, berniaga, bertenun kain, penghasilan kain batik, pertukangan besi, emas dan perak, dan sebagainya.

Hasil dari cara mereka mengharungi hidup itulah maka terjadinya pengalaman-pengalaman pahit manis, suka dan duka yang diluahkan dalam bentuk pantun.

Sebenarnya terlalu banyak jenis pantun yang menceritakan pekerjaan orang-orang Melayu itu, di antaranya:

*i. Kain selendang tenunan Kapar,  
Putus sehelai atas kasar,  
Dialas dengan sapu tangan,  
Dibungkus dengan kain kasap,  
Diikat dengan kain sutera;  
Hidangan sudah terhantar.*

**MENGUJI minda bukan hanya tertumpu pada pantun teka-teki saja, akan tetapi minda kita juga akan diuji dalam pantun-pantun yang amat sukar untuk difahami. Sememangnya, masyarakat Melayu pandai mengolah sesebuah pantun itu sehingga ia menjadi begitu sukar untuk diketahui makna yang tersirat di sebalik yang tersurat. Pendek kata, orang Melayu mampu menghasilkan pantun yang penuh simbolik, mempunyai makna yang mendalam.**

*Pahar dan cerik sudah teratur,  
Jawat air basahlah tangan,  
Tambahkan nasi akan disantap,  
Kami di pangkalan bersama-sama.*

(Pantun 10 kerat)

*ii. Tempayan pecah jangan ditiarap,  
Boleh dibuat pengisi dedak,  
Dedak basah penjemur padi;  
Orang miskin apa diharap,  
Budi tiada bahasa pun tidak,  
Emas perak jauh sekali.*

(Pantun 6 kerat)

Dua contoh pantun di atas ini jelas membuktikan/menunjukkan bahawa orang Melayu itu mahir dalam hasil kerja tangan (bidang tenunan kain) dan rajin bersawah padi.

KESIMPULAN

Dari apa yang telah saya bincangkan, nyatalah bahawa pantun itu menggambarkan identiti kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan khazanah seninya. Sejauh mana? Sebenarnya tidaklah dapat diukur atau dijangka dengan tepatnya. Hanya yang dapat saya katakan bahawa pantun itu amat memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya hidup masyarakat baik dari peringkat kanak-kanak, orang dewasa dan orang tua. Pengaruhnya merangkumi daya berfikir, beradab, kreativiti, bekerja, berbahasa, bertindak atau dalam erti kata lain ia merangkumi banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu.

Dari itu, untuk mengekalkan warisan kita ini kita perlu menghargai, mengenali dan menyayangi pantun kita ini supaya ia tetap kekal menjadi warisan kita turun-temurun.

"Tak kenal maka tak cinta."

BIBLIOGRAFI:

A. Bakar Hamid, *Diskusi Sastera Jilid 1 : Sastera Tradisi* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K. L., 1987.  
Mohd. Yusof Md. Nor & Dr. Abd. Rahman Kach, *Puisi Melayu Tradisi* : Fajar Bakti Sdn. Bhd., K.L., 1993.  
Darodji, *Kesusasteraan Melayu Lama* : Seri Kota, Subang Jaya, Selangor, 1984.  
M. G. Emeis, *Bunga Rampai Melayu Kuno* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., 1975.  
Alwi Salim, *Puisi Melayu* : Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1983.  
Hj Hashim b. Hj Abd. Hamid, *Riak Sastera Darussalam* : Hikmah Enterprise, K.L., 1994.  
Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad, *Kesusasteraan Melayu Tradisional* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K. L., 1992.

Dari muka 8

"Bah adang tah, sudah tah ketawa atu jalan tah lakas ... maluku orang meliat ah."

"Pandai pun malu tapi menapau naindah tempat orang inda malu?" sindir Hisham pula lalu memerhatikan wajah isterinya yang tunduk sambil menggosok-gosok kainnya dengan tisu kerana plastik kuah daging yang terjatuh itu koyak lalu terpercik mengenai kainnya.

Pagi minggu cuaca gelap menampakkan hendak hujan dan angin bertiup kencang diselangi dengan guruh yang kuat terasa bagaikan berkecai bumi ini oleh gegarannya. Acara perkahwinan Rahiman adikku akan berlangsung tengah hari ini. Beberapa orang pekerja katering sudah awal datang bagi memudahkan kerja mereka siap lebih awal sementara aku, iparku dan anak buahku menyusun rapi kerusi di kem.

"Bang! Mandi kita sudah?"

"Balum, karang tah menyiapkan ani kami dulu. Eh! Tarikahkan baju cara melayuku warna 'grey' yang kugantung arah belakang pintu bilik lai," kataku kepada isteriku.

"Bibi mana? Suruh ia," balas isteriku.

"Antah! Agatah, kau bagitaukan saja ah!" balasku pula.

Lima belas minit lagi ke pukul sebelas, hujan sudah reda membasahi bumi tapi cuma sekejap saja dan sebentar lagi tetamu akan datang sementara aku baru selesai mandi lalu terus memakai pakaian. Melalui jendela ku lihat beberapa anak buahku dan sepupuku berebut-rebut mengelap kerusi yang sudah basah tempas oleh air hujan yang begitu lebat.

"Balum lagi siap beusai ani? Siapku mandi bah. Lawa sudah tu adang tah karang lampau tabal lain pulang jadinya. Bah, lakas tah heh karang riu lah bapa. Jemputan inda lagi batak kan datang ni."

"Sabar jua dih awal jua masih ni. Kan bekunyanyang saja." Balas isteriku sambil sempat menjeling padaku dan memberikan senyuman manis.

"Hmmm ...," kataku cuma lalu menggelengkan kepala dan sempat membalas senyumannya. Sambil aku bersiap sambil itu juga aku sempat menjengok ke luar melalui tingkap menyaksikan keadaan di luar rumah yang sudah mulai bising oleh suara-suara kanak-kanak yang nampak kegembiraan dan tidak ketinggalan suara-suara sepupu-sepupuku yang sudah ada datang lebih awal.

"Firdaus! Antik ani macam mana bawa tia?" tanya Jamaludin.

"Awu eh! Angkat ca, unjuk saja tarus masa orang datang atu ah." Kataku lalu turun terus memasang CD lagu-lagu pengantin di beranda luar rumah menghiburkan para tetamu yang hadir.

Ramai jemputan yang datang ke majlis perkahwinan adikku dan setiap

# TAPAU

**RAMAI jemputan yang datang ke majlis perkahwinan adikku dan setiap seorang diberikan buah tangan iaitu 'antik' nya orang kitani. Pada orang yang menitik-beratkan koleksi ia adalah sebuah cenderamata penghias perkakas dalam almari atau di mana-mana tempat yang bersesuaian di dalam rumah dan akan kelihatan sesuatu yang menarik dilihat oleh mata.**

seorang diberikan buah tangan iaitu 'antik' nya orang kitani. Pada orang yang menitik-beratkan koleksi ia adalah sebuah cenderamata penghias perkakas dalam almari atau di mana-mana tempat yang bersesuaian di dalam rumah dan akan kelihatan sesuatu yang menarik dilihat oleh mata.

"Sharifah! Siti! Inda kamu ikut meliat pengantin besanding?" Panggil isteriku.

"Malas kami eh. Jauh!" balas Sharifah.

"Tau ku tu, bisdurang kan menapau," balasku pula.

"Awal tah sudah ia menapau masa orang berangkat ah. Kalau kau kan tau Firdaus!"

Mariani! Bebata plastik lagi tu bah dalam beg ah karang meliat kuyuk kana salak lagi."

Kata Hisham suami Sharifah sambil bergurau.

"Biar ca dih. Nindah ada atu jua," balas Mariani.

"Nah! Sempat lagi kami menapau ayam sama gulayan di sana ah. Bah! Adi? Karang akhir kitani eh," kata Zalil kepada isterinya Siti Rohani.

"Eh! Kau pun sempat menapau, Zalil?" balas Hisham tersenyum.

"Yang belabih atu jua lagi pun orang Indonesia atu jua menyuruh mengambil. Sayang jua daripada bebuang. Ani pun bukannya untuk kami di rumah saja, karang kan ku sedekahkan arah anak yatim hampir rumah kami atu dan yang belabih lagi atu kan kami bawa jua ke pejabat esok," balas Zalil pula.

"Syukur alhamdulillah. Panjang jua amalan. Bah laju tah heh karang akhir kitani, pulang tah jauh tempat tujuannya ani," kataku sambil sempat mengambil sepotong buah sikoi atas pingir.

"Firdaus! Sebelum kau jalan tolong bagikan nindah ani arah bisdurang sebelah-menyebelah ah. Basar pahalumu dih," pesan emakku.

"Bah, minta ca. Sebuting seorang dibagi ni ma?"

"Awu. Mariana! Mamamu kau tapaukan sudah nindah ah?" tanya emakku.

"Sudah. Balik bisdurang bu nib alum lama ah. Gagas bisdurang kana rah orang nikah lagi," balas isteriku.

"Ada pulang ia memberitahu tadi di dalam ah."

"Bah tengah! Balik kami dulu ah," kata Sharifah sambil bersalam.

"Karang malam jangan kamu lupa tu ah ambil-ambilan. Awal pulang kamu bekumpul ke sini," pesan emakku.

"Insya-Allah."

"Dan kalau sudah acara habis tarus tah balik ke rumah jangan tah lagi menapau karang kana salak oleh kuyuk lagi. Awu, baik jua kuyuk atu beikat mun inda kana uyunng oleh kuyuk tarus sampai ke rumah barangkali. Macam atu kali tengah hah?" sindir Hisham.

"Kau ani tah Hisham, menyaya," kata emakku sambil tersenyum.

"Andangnya ni si Hisham ah," balas isteriku pula.

"Nah! Mendang sudah cerita kami malam bebadak atu? Kisahnya macam miani. Si Siti ani sakit perut jadi singgah ke jamban kadei kaling dapan jalan atu. Yang aku sama anakku turun tah jua meliat-liat nindah di kadei atu. Sudah sampai di rumah si Siti ani kan mengambil nindah yang ditapau ani dan inda semana-mana tangannya ani terasa gatal dan digigit-gigit, rupa-rupanya makanan ani diaga oleh semut. Yang kuah daging pulang tu tumpah atas kusyen kerusi sebab tali pengikat plastik atu inda kancang diikat oleh Siti ani. Ia tah tu nah telampau tamak bah inda lagi sadar jadi akhirnya masuk ke rumah dengan wataknya yang penuh hampaaaa ...," balas Zalil sambil bergurau.

"Kesian jua eh," kata emakku.

"Bah, adang tah dikanang tu." Bisik Siti lalu menjeling sambil mencubit tangan suaminya. Sementara itu kami semua tidak tahan menahan ketawa setelah mendengar kisah yang berlaku malam Jumaat beberapa hari yang lalu seperti yang diceritakan oleh Hisham dan Zalil, gara-gara tapau.

# Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

## TUJUH BELAS

Tujuh belas Ramadan  
turunnya Kitab Suci Al-Qur'an  
perintis jalan  
pedoman pengembaraan  
agar tidak terjerumus  
ke lorong kesesatan  
demi sebuah kehidupan  
yang sangat bermakna.

Kita bukan cuma memperingati  
ulang-berulang  
tanpa penghayatan  
kerana padanya  
ada kebenaran dan kesempurnaan.

## BAGAI BAYU

Tibamu bagai bayu  
menghembus bebuluh sarafku  
mengisi ruang kosong di dadaku  
menggesek nadiku  
buat berdenyut terus  
menyentuh jantungku  
biar berirama riang  
mengiringi nafasku  
turun naik  
agar tidak kaku.

Kau tiba  
cuma sekejap  
menyerapi seujur tubuh  
yang biasa makan suap  
baik siang  
apa lagi malam.

Alangkah baiknya  
jika Ramadan bertakhta  
sepanjang musim  
mengiringi nafasku.

## Maya Brunei

### MENCARI PINTU ARASY

Aku mencari pintu  
pintu agung segala pintu  
yang dicari  
setiap mukmin.

Pada diriku termangu  
bertanya pada hati  
mampukah aku menemui  
pintu ke Arasy  
jika amalanku sekerdil ini.

### ME NIMBA TELAGA AL-QUR'AN

Menimba telaga kitab-Nya  
terhimbau gugus-gugus pengajaran  
lantaran sombong angkuh  
umat Noh terkapai kelemahan  
lantaran maksiat menentang arus tabii  
umat Lut terbunuh keji  
lantaran kaya alpa diri  
Qarun luluh ditelan bumi  
lantaran mabuk kuasa mengetepi iman  
Firaun menggelapar berkubur di perut laut  
tewas nafsu dipasung iman  
Yusuf tak tergoda seri kecantikan  
pengorbanan unggul demi Khaliq  
Ismail akur menyambut surat takdir.

Timbalah telaga kitab-Nya  
pasti tak tertulis dek pena  
walau tintanya selatan dunia.

## Hanirah

### MALAM LAILATULQADAR

Ramadan yang berkat  
penuh rahmat  
Lailatulqadar kilauan malam lautan sepi  
berlabuh hanya seketika menerangi bumi  
dan harumnya pintu-pintu syurgawi.

Agar tidak terlepas Malam Lailatulqadar  
yang sukar bersua  
ladang takwa  
menelusuri jua  
dan bermunajat.

## AL-QUR'AN AL-KARIM

Al-Qur'an Al-Karim  
kitab teragung dan mulia  
tiada tolok bandingan di dunia  
mana-mana kitab diturunkan Allah  
sebuah kitab kalamullah  
yang terindah.

Al-Qur'an Al-Karim  
ayat demi ayat dibaca  
terasa sejujunya mengalir ke seluruh badan  
dan sentuhannya memberikan kesegaran  
hingga ke sanubari  
hati nurani bidadari syurgawi  
Al-Qur'an Al-Karim wahyu Tuhan.

## KEPADA TUHAN

Embun masih basah  
menanti keberangkatan Subuh  
di saat-saat begini  
nama-Mu mengisi hati nurani  
cintanya seorang mukmin  
kepada Tuhan  
di atas sejadah  
masih kembara syahadah.

Doa-doa berarak  
meniti di hujung lidah  
dan kedua tangan menadah  
agar berlimpahan rahmat-Mu  
untuk mengucap kasih-Mu  
Tuhanku.

## Mahadi R. S.

### INSAN BERIMAN

Sebuah hakikat  
dalam setiap detik kehidupan  
manusia tidak terluput  
daripada sifat bertentangan  
suka ada yang duka  
ketawa tapi ada yang menangis  
begitulah saling bertentangan.

Memang benar  
hidup ini begitu sulit dan sukar  
lebih sukar lagi jika yang sah  
digantikan dengan yang batil  
selamanya kita kehilangan punca  
pertimbangan!  
sehingga lupa, alpa dan tidak tahu  
ke mana bahtera hayat dilayari  
di mana kiblat yang dihadapi  
segalanya jadi tidak bererti  
di sini!

Wahai insan yang beriman  
pastikanlah diri kita ini  
bukan orang-orang lupa daratan  
raendabik bangga membusung dada  
sebaliknya kitalah yang tahu menilainya  
dengan bersyukur  
atas rahmat dan nikmat Tuhan limpahkan  
sungguh tak terhingga  
kepada-Nya destinasi sebenar kita.

### PEGANGAN HAKIKI

Benarlah  
jika hidup tanpa pegangan  
terasa diri keterasingan  
menyepi dan membeku sehingga tidak tahu  
ke mana bahtera hayat dilayari  
di mana kiblat yang dihadapi  
apakah pekerjaan yang disanggupi  
mujurkah kita kerana hidup ini?

Betapa tidak jika kesahihan  
digantikan dengan kebatilan  
selamanya kita kehilangan jejak  
hidup teraba-raba tak keruan  
jiwa sepi kekosongan  
jalan dilalui gelap-gelita  
membuatkan kita semakin murung  
tiada selamat tempat berlindung.

Jika ini telah terjadi  
segeralah bertaubat dan beristighfar  
kita kembali ke pangkuan Tuhan

minta dibimbing dalam meniti hidayat-Nya  
jauh daripada bisikan nafsu nafsi  
dan bangga diri.

Ingatlah anak Adam  
kita adalah sebaik-baik  
dan semulia-mulia makhluk yang dijadikan  
bertafakurlah selalu menilai diri  
kembali kepada Kitabullah dan Sunnah  
yakin dan tawakaltuallallah  
sebagai pegangan hakiki kita  
yang mutlak!  
selamat di dunia, bahagia di akhirat.

## Rahim M. S

### SURAH TERAKHIR

Kunang-kunang di langit  
malam terang cahaya purnama  
memanah di bola mata  
Ramadan tujuh belas.

Aku terlena dibuai mimpi  
menyedapkan malam hari  
berlaga dan menyelinap  
dalam sanubari.

Dan suara-suara berguguran  
menyentap nadiku dan  
membangkitkan raga  
serta karsa yang tak terbaca  
suara apakah itu?

Dan suara-suara berguguran  
dengan nada yang mengasyikkan  
menyentuh seluruh urat dan pancaindera  
indah bahasa dan kias mempesona  
menimbang arah langkah  
dengan bertingkah.

### GELOMBANG MAUT

Getar suara  
lahir dari perut bumi  
meniti larut malam  
orang menyangka itu  
suara pesta keramaian  
namun suara itu kembali lagi  
lalu mereka  
bercongkak tamsil bunyi.

Lantas pada  
duha yang cerah  
lahirlah suara bumi  
meretakkan guruh dari langit  
dan laut terbelah serta menganga  
mencipta gelombang maut.

Satu hari dan rajang  
yang tidak terperi  
langit jatuh menimpa bumi  
gelombang menenggelamkan bumi.

Cipta siapa?  
mengapa?

Semua tercatat dalam  
Luh Mahfiz.

## Adi Swara

### WARKAH UNTUK GURU

Guru  
dialah insan yang membentukku,  
menjadikan aku seorang yang berguna  
pelbagai ilmu dicurahkan  
segunung nasihat dibekalkan  
sejuta sokongan yang tak pernah henti  
dari seorang budak tadika  
sehingga menjadi penuntut universiti  
kesungguhannya dalam mencurahkan ilmu  
tak dapat dibayangkan ...

Biat tak semua mendengar pengajarannya  
namun tekad mengajar tetap diteruskan  
biar hatinya pernah dilukai  
namun tak pernah disimpan di hati ...  
demi amanah yang diberikan

dia tak pernah merungut  
walau sesukar manapun dia tetap bersabar ...

Kepuasannya tercapai ketika kami berjaya  
tersenyum bangga melihat segulung ijazah  
kini aku ingin berteima kasih pada semua guru  
kerana telah mendidik kami dengan ikhlas  
sehingga kini kami berjaya dalam hidup.

Buat semua guru-guru  
tak ada hadiah yang bernilai  
hanya doa dan ucapan ikhlas dari kami  
'Selamat Hari Guru untukmu'  
semoga hidupmu penuh rahmat.

## Azie A R

### KECEWAMU LARAKU

Harapanku  
melihat kau dewasa  
menjadi insan berguna  
untuk agama, bangsa, tanah air.

Kejayaanmu  
menimba ilmu di menara gading  
kini merangkul segulung ijazah  
kalbuku mengucap alhamdulillah.

Hakikat hidup  
kau disunting kumbang  
hatiku merelakan  
semoga berbahagia doa kuirinkan.

Bagai badai memukul panti  
kasih dan setiamu dipersiapkan  
hancur luluh hatiku melayang  
jantung hatiku ditinggalkan.

Kecewamu buatku menyesal  
walau kau masih tersenyum, tabah  
deritamu mengajarku pasrah  
Allah penentu qadak dan qadar.

Doaku untukmu permata hati  
semoga berbahagia  
dalam hidayah, inayah Yang Maha Berkuasa  
meniti hari-hari bersama cahaya mata.

Teramat pahit untuk diilustrasi  
bagai ilusi ngeri  
tetapi ketahuilah wahai buah hati  
kecewamu adalah laraku selamanya.

Semoga bahagia menjadi milikmu  
suatu hari nanti ...  
doa kupanjatkan sentiasa  
tika sujud kepada-Nya.

## Abdul Aziz Abdul Mujeeb

### DESAKU

Di perantauan begini, sering  
terkenang kampung halaman  
yang sudah lama ditinggalkan  
bertugas demi watan.

Indahnya desaku, tanah tumpah darahku  
daun nyiur melambai-lambai  
memanggilku pulang ke desa  
menagih sentuhan pejuang  
Wasai Cinta airnya mengalir damai  
mengajak bendang terus berbakti  
liuk lintuk padi menguning  
di usik sang bayu yang cuma berlalu.

Para gadis termenung di pinggir kali  
mentafsir realiti  
menaksir mimpi  
menggapai fantasi  
menggarap harapan  
belum kunjung datang  
mereka mimpi keindahan kota  
apakan daya tiada upaya  
hidup di desa serba tiada  
tunggu pejuang untuk membela  
mengubah hidup mewajahi desa.

## Alai Kartika



سنتياس برسام بيسكيت  
Sentiasa Bersama Biskita

# سوسون رنچاغن تيليبيشن

## susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

### RABU 18 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA - Ulangan
12.00	RAMADAN MOVIES - 'Pintu Hidayah'
12.07	AZAN ZUHUR
12.15	RAMADAN MOVIES - Sambungan

**PETANG**

1.30	LATITUDE - Ulangan
2.00	BEING EVE
2.30	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
3.00	RAMADAN
3.24	AZAN ASAR
3.30	CYBERCHASE
3.50	MONSTER BY MISTAKE
4.15	CITA RASA AIDILFITRI
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.06	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.45	IRSYAD HUKUM

**MALAM**

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.16	AZAN ISYAK
7.30	GALERI
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	BOSTON
	LEGALBANGSA
11.45	TADARUS
1.15	SEMBAHYANG FARDU ISYAK DAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH SIARAN LANGSUNG DARI KOTA MEKAH
3.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### KHAMIS 19 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE
11.30	LIPUTAN SEMASA
12.00	DRAMA - 'Kabut Sutera Ungu'
12.07	AZAN ZUHUR
12.17	DRAMA - Sambungan

**PETANG**

1.00	TRANSIT
1.30	AMAZING RACE
2.30	ANIMATED FEATURES - 'White Fang'
3.24	AZAN ASAR
3.30	BEYOND 2000
4.15	NETRADA
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.06	BEDUK/AZAN MAGHRIB

6.30	DAN BERSUNGKAI
6.45	IRSYAD HUKUM
6.45	HALUAN
<b>MALAM</b>	
7.16	AZAN ISYAK
7.30	WARTA ISLAM
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	PRIVATE LIVES SERIES
11.45	TADARUS
1.15	SEMBAHYANG FARDU ISYAK DAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH SIARAN LANGSUNG DARI KOTA MEKAH
3.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### JUMAAT 20 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SESAME STREET
10.45	SHAPIES
11.15	RAKAN CYBER
11.30	BERITA
11.45	WILDLIFE DIARY
12.15	FINGERTIPS
12.30	SEMBAHYANG FARDU JUMAAT - Siaran Langsung

**PETANG**

1.30	VISI SUCI
2.00	SUKAN ANTARABANGSA
2.30	PERINTIS
3.00	ENTRADA
3.25	AZAN ASAR
3.30	AN NUUR - Siaran Langsung
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.06	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.30	IRSYAD HUKUM

**MALAM**

7.00	LIPUTAN SEMASA
7.15	AZAN ISYAK
7.20	SITKOM - 'No. 59'
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN
10.00	NEWS AT 10
10.45	ULASAN KHUTBAH JUMAAT
11.00	PRIVATE LIVES SERIES
11.45	TADARUS
1.15	SEMBAHYANG FARDU ISYAK DAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH SIARAN LANGSUNG DARI KOTA MEKAH
3.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### SABTU 21 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	W.I.T.C.H
10.45	SCOUT'S SAFARI
11.15	DRAMA: -

11.30	'Menuju Keredaan'
11.45	BERITA
12.00	DRAMA - Sambungan
12.07	GILLETTE WORLD OF SPORT
12.14	AZAN ZUHUR
12.30	GILLETTE WORLD OF SPORT - Sambungan
12.30	PANGGUNG PETANG SABTU - 'Color Of Love Jackie's Story'

**PETANG**

2.00	DRIVE
2.30	THIRD WATCH
3.25	AZAN ASAR
3.30	THE MAGIC SCHOOL BUS
4.15	ENTRADA
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.05	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.25	JOURNEY INTO ISLAMIC S.E.A.

**MALAM**

7.00	DUNIA ASIA
7.15	AZAN ISYAK
7.30	TELEMED
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: - 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	GUINNESS WORLD RECORDS: PRIMETIME
11.45	TADARUS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### AHAD 22 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	SUPER ROBOT MONKEY TEAM - HYPERFORCE GO!
10.45	TIMEBLAZERS
11.15	PIMPING
11.30	BERITA
11.45	SUNDAY MATINEE - 'Hunt For Justice'
12.06	AZAN ZUHUR
12.12	SUNDAY MATINEE - Sambungan

**PETANG**

1.15	LIGA BRASIL
2.45	TETAMU SUKAN - Siaran Langsung
3.15	DRAGON TALES
3.25	AZAN ASAR
3.45	DRAMA: 'Meniti Pelangi'
4.15	ENTRADA
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.05	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.30	IRSYAD HUKUM
6.50	PENGUMUMAN MELIHAT ANAK BULAN SYAWAL

### JIKA ANAK BULAN SYAWAL NAMPAK

**MALAM**

7.15	AZAN ISYAK
7.25	TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEMASYA PANTUN AIDILFITRI - MOU RTB/RTM
10.00	NEWS AT 10
10.45	NADA MURNI
11.15	PANGGUNG AIDILFITRI -

12.45	'Buli Balik'
1.45	AIDILFITRI SPECIAL
2.15	TAKBIR HARI RAYA
2.15	AIDILFITRI
2.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### JIKA ANAK BULAN SYAWAL TIDAK NAMPAK

**MALAM**

7.00	TAHUKAH AWDA
7.15	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	DRAMA SERIES: 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
10.45	STRONG MEDICINES
11.45	TADARUS
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### HARI RAYA PERTAMA - ISNIN 23 OKTOBER / SELASA 24 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
7.15	SEMBAHYANG HARI AIDILFITRI - Siaran Langsung
8.30	RAMPAI PAGI - Sambungan
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.15	ANIMASI HARI RAYA - 'Time Kids'
11.00	ME@TV BERHARI RAYA
12.00	NADA MURNI AIDILFITRI
12.06	AZAN ZUHUR
12.30	TELEMOVIE MOU RTB/RTM - 'Genetik'

**PETANG**

2.00	KEPULANGAN DINANTI AIDILFITRI
2.30	PINTU HIDAYAH
3.25	AZAN ASAR
3.30	FAJAR FITRI
4.30	ANIMATED SPECIAL - 'Barbie Diaries'
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.15	IHYA RAMADAN
6.45	IRSYAD HUKUM

**MALAM**

7.00	JEJAK RASUL
7.15	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA SITKOM MOU RTB/RTM - 'Buah Pinggang'
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	MELODRAMA - 'Masam-Masam Manis'
10.00	NEWS AT 10
11.15	PANGGUNG AIDILFITRI - 'Senario Pemburu Emas Yamashita'
12.45	RHYTHM AIDILFITRI
1.45	MR. BEAN THE SERIES
2.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### ISNIN 23 OKTOBER MALAM RAYA

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	SAYANG SEMUANYA
11.00	BACKYARD SCIENCE

11.30	HEALTHY HOME
12.00	RAMADAN MOVIES: - 'Pintu Hidayah'
12.06	AZAN ZUHUR
12.15	RAMADAN MOVIES - Sambungan

**PETANG**

1.30	WORKING ANIMALS
2.00	DRAMA - 'Tengkujuh Di Musim Bunga'
2.30	EXPATS
3.00	RAMADAN
3.25	AZAN ASAR
3.30	KID PADDLE
4.15	CITA RASA AIDILFITRI - Ulangan
4.45	JEJAK RASUL
5.15	IHYA RAMADAN
5.30	RAMADAN KARIM
5.45	BERITA
6.04	BEDUK/AZAN MAGHRIB DAN BERSUNGKAI
6.15	MUSULMAN THE UNTOLD STORY
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

**MALAM**

7.15	AZAN ISYAK
7.20	TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TEMASYA PANTUN AIDILFITRI - MOU RTB/RTM
10.00	NEWS AT 10
10.45	NADA MURNI
11.15	PANGGUNG AIDILFITRI - 'Buli Balik'
12.45	AIDILFITRI SPECIAL
1.45	TAKBIR HARI RAYA AIDILFITRI
2.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

### HARI RAYA KEDUA - SELASA 24 OKTOBER / RABU 25 OKTOBER

**PAGI**

6.00	LAGU KEBANGSAAN
6.02	TILAWAH AL-QUR'AN
6.15	MOTIVASI
6.30	BERITA TERKINI
6.35	PEDOMAN
7.00	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	RANCANGAN HARI INI
10.05	ANIMASI HARI RAYA - 'Barbie And Magic Pegasus'
11.30	EID MUBARAK EXPATS HARI RAYA SPECIAL
12.06	AZAN ZUHUR
12.15	DRAMA MOU RTB/TV12 - 'Titik Terakhir'

**PETANG**

1.45	CAHAYA AIDILFITRI
3.00	KEPULANGAN DINANTI AIDILFITRI
3.25	AZAN ASAR
3.30	HIBURAN NASYID HARI RAYA - 'Bersama Bomba'
5.00	IHYA RAMADAN
5.15	ANIMASI HARI RAYA - 'Legend Of The Hawaiian Skimmers'
5.45	BERITA
6.04	AZAN MAGHRIB
6.10	JEJAK RASUL
6.45	IRSYAD HUKUM

**MALAM**

7.00	HIBURAN NASYID HARI RAYA - 'Bersama Penjara'
7.16	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
9.00	RANCANGAN KHAS PANGGUNG AIDILFITRI 'Pintu Hidayah'
10.00	NEWS AT 10
11.15	KOMEDI AIDILFITRI - 'Kek Lapis Kerusi Antik'
11.45	SALAM ORKESTA
1.15	MR BEAN THE SERIES
1.45	DOA DAN SIARAN TAMAT



**JABATAN PERTUBUHAN -  
PERTUBUHAN ANTARABANGSA  
KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR  
NEGERI DAN PERDAGANGAN**

**JAWATAN KOSONG DI SEKRETARIAT KOMANWEL, LONDON**

DIVISION	JOB TITLE	ESSENTIAL SPECIFICATION	CLOSING DATE
Economic Affairs Division	Economic Adviser	<b>Education</b> 1. Post-Graduate degree in Economics, or equivalent. 2. Specialisation in development and/or PSD (Private Sector Development)	27 Oktober 2006
International Finance and Capital Markets Section		<b>Experience</b> 1. Minimum of 3 years relevant work experience in economic policy formulation at a responsible level in a government, international financial institution, research organization or the private sector, including NGO.	

**Syarat Asas:**  
1. RAKYAT, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.

**Perhatian:**

- Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar terus butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) dengan disertakan bersama satu "coverage letter" di dalam Bahasa Inggeris yang antara lain mengandungi maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dengan jawatan yang dipohonkan kepada Edith Lawrence, Human Resources Section, Commonwealth Secretariat, Marlborough House, Pall Mall, London SW1Y 5HX;
- Calon-calon yang berminat boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai jawatan kosong yang ditawarkan di laman web : [www.thecommonwealth.org](http://www.thecommonwealth.org) ; dan
- Hanya calon-calon yang telah disenaraipendekkan akan dipanggil untuk ditemuduga dan sekiranya tiada sebarang jawapan dalam masa tiga bulan dari tarikh tutup permohonan, maka calon dianggap tidak berjaya.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi:  
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa,  
Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri dan Perdagangan,  
Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan BB3910,  
Negara Brunei Darussalam.  
Nombor Telefon : 2383374 sambungan 1836  
Nombor Faks : 2383167  
E-mail : [dio@mfa.gov.bn](mailto:dio@mfa.gov.bn)

**JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN WORLD METEOROLOGICAL ORGANIZATION (WMO), GENEVA, SWITZERLAND**

NO.	JAWATAN	TEMPAT	TARIKH TUTUP
1.	Portal and Report Developer - Grade P.3	Geneva	1 November 2006

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web : <http://www.wmo.int/web/hrm>

**Syarat-syarat Asas:-**

- Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- Sekurang-kurangnya mempunyai ijazah yang bersesuaian atau sebanding dengannya dan pengalaman di dalam bidang yang berkenaan ,
- Calon-calon yang berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) beserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkaitan dan ;

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:  
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa,  
Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri dan Perdagangan,



**JABATAN PERTANIAN  
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN  
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**BILANGAN TAWARAN : JP/TAW/24/2006-2007  
DAN JP/TAW/25/2006-2007**

- TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, BB3910, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Selasa, 31 Oktober 2006**.

**JP/TAW/24/2006-2007 :**  
SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING AND COMMISSIONING OF EQUIPMENTS FOR MICROBIOLOGY LABORATORY, VETERINARY LABORATORY SERVICES UNIT.

**JP/TAW/25/2006-2007 :**  
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR SYNERGISTIC DISINFECTANT FOR LIVESTOCK FARMS.

- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bahagian/tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti pembekal.
- Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Ibu Pejabat Pertanian Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan.
- Yuran Tawaran sebanyak B\$100.00 wang tunai bagi satu tajuk tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap penender.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
- Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.

Pusat Persidangan Antarabangsa,  
Jalan Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3910,  
Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon : 2383374/2383378/2383389 sambungan 1836  
Nombor Faks : 2383167  
E-mail : [dio@mfa.gov.bn](mailto:dio@mfa.gov.bn)

**JAWATAN KOSONG DI PERTUBUHAN PENDIDIKAN, SAINS DAN KEBUDAYAAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNESCO), PARIS.**

NO.	JAWATAN	TEMPAT	TARIKH TUTUP
1.	Assistant Budget Officer - Grade P1/P2	Paris	28 Oktober 2006

Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web UNESCO : <http://www.unesco.org/employment> or e-mail : [Recrutweb@unesco.org](mailto:Recrutweb@unesco.org)

**Syarat-syarat Asas:-**

- Rakyat, Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan ijazah dan pengalaman bekerja di bidang yang berkenaan .
- Calon-calon berminat dikehendaki menghantar butir-butir peribadi (Curriculum Vitae) beserta maklumat mengenai pengalaman dan kemahiran yang berkenaan.

Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada:  
Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa,  
Kementerian Hal Ehwil Luar Negeri dan Perdagangan,  
Pusat Persidangan Antarabangsa ( ICC),  
Jalan Berakas,  
Bandar Seri Begawan BB3910,  
Negara Brunei Darussalam.

Nombor Telefon: 2383374/2383378/2383389 sambungan 1836  
Nombor Faks : 2383167  
E-mail : [dio@mfa.gov.bn](mailto:dio@mfa.gov.bn)



**JABATAN BANDARAN  
BANDAR SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI**

**TAWARAN BAGI UPGRADING OF BOOTH PATH AT  
JALAN BENDAHARA, BANDAR SERI BEGAWAN**

**Syarat-syarat Tawaran :**

- TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran-tawaran hendaklah dibuat dalam dua salinan dan dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis Bilangan Tawaran serta tarikh tutup tawaran itu tanpa menunjukkan identiti pengirim.
- Tawaran-tawaran hendaklah juga menyertakan salinan Pendaftaran Syarikat, salinan Sijil. Perniagaan (Business Names of Enactment Section 17 & 17) atau List of Directors dan salinan kad pengenalan.
- Surat tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Kementerian Hal Ehwil Dalam Negeri yang terdapat di Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan dan dialamatkan kepada:-

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,  
Kementerian Hal Ehwil Dalam Negeri  
Pejabat Kementerian Hal Ehwil Dalam Negeri,  
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam BS8610.

Nama Tawaran : TAWARAN BAGI PERKHIDMATAN KANTIN DEPOT BANDARAN KG. BELIMBING SUBOK BSB.  
Bilangan Tawaran : BBSB/LTK/16/2006  
Tarikh Tutup Tawaran : Hari **Selasa, 31 Oktober 2006 jam 2.00 petang**.

Bayaran menyertai Tawaran ini ialah \$100.00 bagi setiap satu tawaran dan bayaran ini tidak akan dikembalikan kepada penender-penender. Bayaran boleh dibayar di :-

Bahagian Kaunter Perkhidmatan Pelanggan,  
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan,  
Tingkat 5, Bangunan Pusat Komersil dan Perdagangan Bumiputra,  
Bandar Seri Begawan,  
Negara Brunei Darussalam.

- Spesifikasi dan dokumen tawaran bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bandaran, Bandar Seri Begawan, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial dan Perdagangan Bumiputra, Jalan Cator, Bandar Seri Begawan, semasa waktu pejabat dibuka.
- Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh tutup tender yang disebutkan tidak akan dilayan.
- Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.



**JABATAN BELIA DAN SUKAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**RESTORAN STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH**

**Syarat-syarat Tawaran:**

- TAWARAN hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh tutup tawaran ialah pada hari **Selasa, 7 November 2006** jam 2.00 petang dan mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah dinyatakan tidak akan dilayan.
- Tawaran hendaklah ditulis dengan betul dan terang di dalam borang yang disediakan dan seterusnya dihantar dalam sampul surat biasa yang ditutup rapi di mana pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan/tajuk tawaran tanpa menunjukkan pengenalan Syarikat/Pembekal.
- Tawaran hendaklah disertakan dengan salinan Sijil Perniagaan yang diakui san dan salinan resit pembayaran sebanyak \$100.00 (tidak dikembalikan).
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang pa-ling rendah atau sebarang tawaran.



**PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. T / 01 / HQ / 2006 - M**

TO SUPPLY, DELIVER, TEST ( HARBOUR AND SEA TRIAL ) AND COMMISSION THREE ( 3 ) UNITS OF GRP HULL PATROL BOATS COMPLETE WITH EQUIPMENTS, FITTINGS, ENGINE AND TRAILERS.

**2. T/02/HQ/2006 - M**

TO SUPPLY, DELIVER, TEST ( HARBOUR AND SEA TRIAL ) AND COMMISSION TWO ( 2 ) UNITS OF GRP HULL PATROL BOATS COMPLETE WITH EQUIPMENTS, FITTINGS, ENGINE AND TRAILERS.

- Dokumen dan borang tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi daripada Unit Kewangan, Ibu Pejabat Polis Gadong, Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran - tawaran hendaklah dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong tidak lewat **jam 2.00 petang, hari Selasa 31 Oktober 2006** :  
Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Bangunan Seketeriat, Bandar Seri Begawan BS 8610 Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- Yuran Tawaran ( Tender fee ) masing - masing berjumlah \$ 100.00 dikehendaki dibayar dengan WANG TUNAI sahaja dan wang tidak dikembalikan. Pembayaran Yuran Tawaran boleh dibuat pada hari dan waktu bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 12.00 tengahari, Hari Isnin hingga Khamis dan Hari Sabtu di Unit Kewangan, Tingkat II Ibu Pejabat Polis Gadong.
- Kerajaan kebawah Duli Yang Maha Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah dan lain - lain tawaran.
- Pemborong - pemborong yang menyertai ini hendaklah mempunyai kelayakan Sijil Perniagaan yang masih sah laku dan hendaklah disertakan bersama dengan tawaran.

**SILA LAYARI LAMAN WEB KAMI BAGI :**

Jawatan-jawatan kosong dalam perkhidmatan-perkhidmatan kerajaan  
<http://www.brunet.bn/news/pelita/18okt/ikerja.htm>  
Iklan-iklan tawaran <http://www.brunet.bn/news/pelita/18okt/iiklan.htm>  
Iklan-iklan kursus <http://www.brunet.bn/news/pelita/18okt/ikursus.htm>



**YAYASAN  
SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan bekongtrak DI SEKOLAH MENENGAH YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH.

- 1. Guru Bahasa Melayu.
- 2. Guru Bahasa Inggeris.
- 3. Guru Sains.
- 4. Guru Matematik.
- 5. Guru Physics.
- 6. Guru Chemistry
- 7. Guru Biology.
- 8. Guru Additional Maths.

**Sukatan Gaji :** Guru - I - \$1,550.00 - \$2,750.00  
H - \$1,910.00 - \$3,170.00

**Kelayakan :**

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya kelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang matapelajaran berkenaan.
- ii. Mempunyai Diploma / Sijil dalam Bidang Pendidikan.
- iii. Mempunyai pengalaman mengajar mata-pelajaran pengkhususan di peringkat sekolah menengah sekurang-kurangnya 3 hingga 5 tahun.

**Kemudahan-Kemudahan bagi perkhidmatan berkongtrak :**

- \* Bonus Tahunan
- \* Elaun Perumahan
- \* Elaun Kenderaan
- \* Elaun Pelajaran anak
- \* Baksis ( gratuity )
- \* Kemudahan perubatan
- \* Perlindungan Takaful
- \* Tambang awal dan akhir kontrak untuk guru dari luar negeri

**Peringatan:**

